


Jilid II  
Bil. 9

Hari Selasa  
12hb Mei, 1992



MALAYSIA

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**

*Eighth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**

*Second Session*

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN:  
[Ruangan 1941]**

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992) [Ruangan 2073]**

**Jawatankuasa—**

#### **Jadual Pertama**

**Maksud B.4, B.5, B.7 dan B.10 [Ruangan 2095]**

**Maksud B.17 [Ruangan 2127]**

**Maksud B.18 [Ruangan 2143]**

**Maksud B.19 [Ruangan 2160]**

**Maksud B.20 [Ruangan 2168]**

**Maksud B.21 [Ruangan 2179]**

**Maksud B.23 [Ruangan 2183]**

**Maksud B.25 [Ruangan 2189]**

#### **Jadual Kedua:**

**Maksud B.7 [Ruangan 2095]**

**Maksud B.14 [Ruangan 2119]**

**Maksud B.17 [Ruangan 2127]**

**Maksud B.22 [Ruangan 2183]**

## **KANDUNGAN—(samb).**

### **USUL:**

**Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.3) 1991 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.1) 1992 [Ruangan 2146]**

**Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.3) 1991:**

**Jawatankuasa—**

**Maksud P.17 [Ruangan 2127]**

**Maksud P.18 [Ruangan 2143]**

**Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.1) 1992:**

**Jawatankuasa—**

**Maksud P.7 [Ruangan 2095]**

**Maksud P.17 [Ruangan 2127]**

**Maksud P.19 [Ruangan 2160]**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 2145]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,  
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,  
D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S.  
(Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,  
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,  
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A.  
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala  
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI  
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,  
D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S (Temerluh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.I. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. J.P. (Bagan Datok).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).

„ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

„ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

„ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

„ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

„ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

„ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

„ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

„ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

„ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- Yang Berhormat TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJIB (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Tajadin bin Saberan

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Sulaiman

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Ramaswamy

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Selasa, 12hb Mei, 1992

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**LESEN AP—DASAR DAN  
KRITERIA PENGELUARAN**

**1. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah dasar dan kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian dalam mengeluarkan Approved Permit (AP) kepada individu dan syarikat; dan
- (b) berapakah jumlah AP yang telah diluluskan dan ditarik balik sejak lima tahun kebelakangan ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri adalah bertanggungjawab mengeluarkan lesen import bagi beberapa jenis barangan seperti yang disenaraikan di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1988 dan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 1988.

- (a) Bagi kenderaan bermotor, sekatan kuota telah dikenakan ke atas pengimportannya untuk

memberi perlindungan kepada industri kereta pemasangan tempatan. Di samping itu, dasar sekatan kuota ini juga bertujuan untuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat bumiputera bergiat dalam perniagaan penjualan kereta. Berdasarkan kepada objektif ini dan bagi menjamin perkembangan yang terkawal oleh kedua-dua industri kereta pemasangan tempatan dan perniagaan import kereta, Kementerian telah menetapkan paras kuota pada tahap 10% dari jumlah pengeluaran kereta tempatan. Kuota lesen import tersebut yang telah diberikan kepada syarikat-syarikat bumiputera adalah didapati memadai dan tidak perlu ditambah pada masa ini dan oleh yang demikian sebarang permohonan dari syarikat-syarikat baru adalah dibekukan.

Bagi lesen import kenderaan individu pula, pertimbangan hanya diberikan kepada warganegara yang memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (i) Pemohon telah bermastautin di luar negeri sekurang-kurangnya selama satu tahun.
- (ii) Telah mendaftarkan kereta atas nama pemohon sekurang-kurangnya selama 6 bulan sebelum pulang ke tanahair.

- (iii) Permohonan dibuat untuk kegunaan persendirian sahaja dan Kementerian berhak menolak permohonan yang disyaki dibuat untuk kegunaan orang lain.
- (b) Sejak lima tahun kebelakangan ini, sejumlah 118,284 lesen import bagi kenderaan bermotor telah diluluskan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kuota lesen import bagi sejumlah 153 buah syarikat pula telah ditarik balik.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah Kementerian ini bercadang untuk memindahkan kuasa untuk mengeluarkan AP ini kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana ianya lebih relevan dan juga berkaitan?

Yang keduanya, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dengan pengeluaran AP sebanyak 10% ini, Malaysia telah dijadikan junkyard ataupun tempat buangan kereta-kereta terpakai daripada negara-negara maju dan dengan ini ia telah menjejaskan kepada kedudukan kereta-kereta baru tempatan. Jadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk mengesyorkan kepada Kementerian Kewangan supaya menurunkan kadar cukai kereta-kereta baru tetapi mengenakan cukai yang agak tinggi sedikit kepada kereta-kereta terpakai sebab keadaannya sekarang sudah sampai ke peringkat yang tidak terkawal dan saya ingat tidak ramai pun orang yang hendak membeli kereta baru sekarang iaitu kereta pemasangan tempatan, tetapi lebih suka memberli kereta-kereta terpakai yang diimport?

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan tambahan bahagian pertama, jawapannya "tidak".

Yang kedua, mengenai kereta "second-hand" yang dijual ke negara kita di bawah kuota yang diberikan menjadikan Malaysia sebagai suatu junkyard, ini terpulang kepada pembeli-pembeli kereta. Sebahagian besar daripada kereta-kereta yang dibawa masuk di bawah sistem kuota ini adalah motor-motor bus, lori dan pengangkutan perdagangan (commercial vehicles) sebanyak 49,753 buah dan ini digunakan untuk commerce and industry di negara kita.

Mengenai kereta yang terpakai, saya telah katakan tadi bahawa ini terpulanglah kepada pembeli; saya ingat pembeli ini bukan bodoh, dia bukan hendak beli kereta-kereta yang uzur yang tidak boleh digunakan dan kebanyakan kereta-kereta yang dibawa masuk adalah BMW, Mercedes Benz kereta-kereta dengan teknologi yang begitu canggih.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepertimana Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sekejap tadi ada dua jenis AP yang diluluskan setakat ini iaitu untuk syarikat dan untuk individu. Kita dengar baru-baru ini terdapat suatu berita yang gempar iaitu tentang penyelewengan dan pemalsuan AP oleh syarikat-syarikat tempatan yang membawa masuk kereta ini daripada luar negeri dan oleh kerana kesukaran untuk mendapat AP yang begitu terhad, maka berlakulah penipuan dan pemalsuan ke atas AP ini. Soalan saya, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk memastikan AP yang telah dikeluarkan itu pertamanya tidak disalahgunakan.

Yang keduanya, dalam hal pemberian AP kepada individu. Baru-baru ini juga kita dengar suatu berita gempar mengatakan bahawa penuntut-penuntut di luar negeri telah digunakan oleh pengimport kereta tempatan yang menggunakan nama mereka untuk membawa masuk vehicles ke negara ini dan seterusnya menjual di pasaran

dengan harga tinggi dan mendapat keuntungan yang berlipat kali ganda. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam soal ini?

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai peristiwa yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas, sehingga ini berdasarkan maklumat yang diterima daripada Jabatan Kastam, sebanyak 70 buah kereta yang telah menyalahgunakan AP telah dirampas.

Mengenai sekatan yang dikenakan kepada AP, pada masa kini Kementerian saya mengenakan syarat iaitu pemilik kereta yang telah dibawa masuk melalui AP oleh penuntut luar negeri atau pemastautin kita di luar negeri, dikenakan satu syarat iaitu dalam jangka masa dua tahun tidak layak dipindahmilik kepada orang-orang yang lain.

Tadi telah pun saya katakan dalam jawapan asal saya kepada Dewan yang mulia ini, sebanyak 153 buah syarikat yang menyalahgunakan kuasa yang diberikan kepada mereka melalui AP, lesen AP telah ditarik balik daripada mereka.

#### **HOTEL MERLIN—TUNGGAKAN CARUMAN KWSP**

2. **Tuan Wee Choo Keong** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil mengenai Syarikat Hotel Merlin Kuala Lumpur Sdn. Bhd. oleh kerana ini tidak membuat bayaran caruman untuk 600 orang pekerjaanya dari bulan Mei 1990 sehingga Oktober 1990. Jikalau tiada tindakan telah diambil, sila berikan sebab-sebabnya.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat KWSP telah menaksirkan caruman tunggakan Hotel Merlin bagi bulan Mei 1990 hingga Oktober 1990

adalah sebanyak \$362,547.00 yang melibatkan 600 orang pekerja. Majikan berkenaan telah diminta untuk menyelesaikan tunggakan tersebut dan jika mereka gagal berbuat demikian tindakan undang-undang akan diambil. Walau bagaimanapun, pihak majikan tersebut telah merayu untuk menyelesaikan caruman tunggakan tersebut secara bayaran ansuran. Seterusnya KWSP telah bersetuju untuk membenarkan majikan tersebut membuat bayaran dengan secara ansuran dengan syarat semua caruman tunggakan bahagian pekerja-pekerja dijelaskan terlebih dahulu secara sekaligus.

Walaupun bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, syarat ini telah tidak dapat dipenuhi oleh syarikat berkenaan. Oleh yang demikian, tindakan mahkamah telah pun diambil oleh KWSP terhadap majikan ini dan kes ini masih lagi di bawah tindakan mahkamah.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Timbalan Menteri menjelaskan bahawa kenapa KWSP tidak mengambil tindakan pada tahun 1990 atau awal tahun 1991 walaupun laporan telah dibuat oleh pekerja-pekerja Hotel Merlin di Kuala Lumpur. Yang kedua, sepertimana yang diberitahu tadi oleh Timbalan Menteri bahawa tindakan mahkamah sudah diambil oleh KWSP terhadap Hotel Merlin, tetapi saya dapat satu pucuk surat daripada KWSP bertarikh 5hb Mei 1992 yang mengatakan, "Dimaklumkan bahawa setakat ini kedudukan kes ahli tersebut adalah sama. Walau bagaimanapun, tindakan masih lagi dijalankan oleh pemeriksa KWSP ke atas majikan Hotel Merlin Kuala Lumpur mengenai caruman beliau. Ianya dijangka akan penyelesaiannya tidak dapat dielakkan". Jadi di sini ada satu konflik dengan apa yang dimaklumkan tadi oleh Timbalan Menteri yang mengatakan tindakan mahkamah telah pun diambil, tetapi menurut KWSP belum diambil. Ini

adalah satu konflik. Bagaimana Timbalan Menteri boleh reconciled keadaan ini?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, KWSP memang mengambil berat tentang aduan-aduan daripada mana-mana pihak berkenaan dengan majikan-majikan mereka. Saya di sini menafikan bahawa KWSP tidak mengambil tindakan seterusnya apabila mendapat tahu aduan-aduan pekerja-pekerja Hotel Merlin. KWSP memerlukan masa untuk menyasat dan tindakan telah diambil sekarang ini dan tindakan ini saya anggap adalah satu tindakan yang cukup cepat.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian dua, saya tidak tahu siapa yang sign surat itu, kemungkinan ada miscommunication. Tetapi di sini bagi pihak KWSP dan juga Kementerian Kewangan saya ingin memaklumkan bahawa tindakan mahkamah telah diambil dan sedang dijalankan sekarang. Saya harap Yang Berhormat boleh tunjukkan surat itu kepada saya apabila mesyuarat Parlimen ini ditangguhkan dan saya akan menyasat.

**Tuan Wee Choo Keong:** Saya dapat sepucuk surat bertarikh 5hb Mei 1992 daripada KWSP yang mengatakan bahawa tiada apa-apa tindakan diambil dan juga mereka cuma mengatakan pemeriksaan masih dijalankan sahaja, bukannya telah mengambil tindakan undang-undang. Jadi, sama ada Timbalan Menteri bohong atau KWSP itu yang bohong, saya tidak tahu. Tolong beri penjelasan.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat itu tarik balik perkataan "bohong".

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat janganlah gunakan perkataan itu.

**Tuan Wee Choo Keong:** Saya tidak kata Timbalan Menteri bohong. Saya kata sama ada siapa yang bohong, saya tidak tahu, sebab konflik.....

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tadi you kata Yang Berhormat ada bohong. Tolong tarik balik, kita kawan baik.

**Tuan Wee Choo Keong:** Saya kata tidak benar, bukannya.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat, perkataan itu tidak senonoh dan perlu ditarik balik. Yang lain itu cukup jelas.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, suasana di dalam Parlimen ini pada hari ini adalah baik, saya tidak ingin bergaduh dengan Yang Berhormat. *(Tepuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Saya belum habis jawab. Saya telah jawab tadi bagi pihak KWSP dan Kementerian Kewangan, saya di sini hari ini menjawab bahawa tindakan mahkamah telah diambil. Kita menghormati Dewan ini, kita tidak bohong. Sila tarik balik perkataan "bohong" itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, tarik balik sahajalah sebab perkataan itu tidak senonoh.

**Tuan Wee Choo Keong:** Saya kata tadi mengenai konflik, jadi bukannya bohong. Saya katakan sama ada siapa yang tidak benarlah, salahgunakan perkataan "bohong" tadi itu.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tarik balik.

**Tuan Wee Choo Keong:** Mengikut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu, dia menjelaskan bahawa bukan maksudnya “bohong”, salahguna perkataan sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, cukuplah.

### PEGAWAI PERUBATAN DARI LUAR NEGERI—PENGAMBILAN

**3. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan akan terus mengambil bekerja doktor dari luar negeri untuk memenuhi kekurangan doktor di negara ini;
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menambah lagi bilangan doktor dari anak-anak tempatan dengan mewujudkan sebuah Medical College selain daripada universiti-universiti tempatan khusus untuk melahirkan pakar perubatan; dan
- (c) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mewujudkan lebih ramai jururawat-jururawat terlatih bagi memenuhi keperluan negara untuk tahun-tahun yang akan datang.

**Setiasaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran):** Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan soalan (a), setakat ini pihak Kementerian Kesihatan Malaysia masih kekurangan Pegawai Perubatan dan dalam hubungan ini pengambilan dari luar negeri hanya dikhususkan dalam beberapa bidang kepakaran seperti berikut:

- (i) Perubatan umum;
- (ii) Perbidanan dan Sakitpuan;
- (iii) Kanak-kanak;
- (iv) Bius;

- (v) Kaji penyakit;
- (vi) Mata;
- (vii) Urologi;
- (viii) Bedah Plastik;
- (ix) Jiwa;
- (x) X-Ray Diagnostik; dan
- (xi) X-Ray Therapi

Walaupun demikian, pengambilan adalah bergantung kepada keperluan sebenar yang berubah dari masa ke masa.

Bagi jawapan (b), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menubuhkan Kolej Perubatan dalam usaha untuk menambahkan pakar perubatan di negara ini. Kementerian Pendidikan mengeluarkan para doktor melalui 3 buah universiti iaitu di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia, manakala Universiti Islam Antarabangsa sudah merancang akan mengadakan kursus ini.

Bagi jawapan (c), Kementerian Kesihatan Malaysia telah dan sedang mengambil langkah-langkah perlu bagi menambah bilangan pengambilan Jururawat pelatih di semua sekolah-sekolah latihan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Ini dilakukan dengan cara membuka sekolah-sekolah latihan baru, menaik taraf Sekolah Latihan Penolong Jururawat kepada Sekolah Latihan Jururawat serta memperbaiki kedudukan di sekolah-sekolah yang sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1991 dua buah Sekolah Latihan Penolong Jururawat telah dinaik taraf kepada Sekolah Latihan Jururawat di Terengganu dan di Kelang. Manakala mulai pengambilan bulan September 1992 pula, sebuah lagi Sekolah Latihan Penolong Jururawat akan dinaiktaraf kepada Sekolah Latihan Jururawat di Sandakan, Sabah dan sebuah Sekolah Latihan Jururawat Baru akan dibuka di Sibu. Pada tahun 1995

sebuah Sekolah Latihan Penolong Jururawat akan juga dinaik taraf kepada Sekolah Latihan Jururawat di Kuantan.

Pengambilan Jururawat untuk mengatasi kekurangan Jururawat adalah seperti berikut:

1989	–	603
1990	–	701
1991	–	962
1992	–	1,992
1993	–	dijangka naik ke 1,585

Untuk mengatasi masalah kekurangan jururawat ini, Kerajaan juga menawarkan jawatan Jururawat untuk jururawat-jururawat yang meletakkan jawatan dan juga Jururawat-jururawat yang bersara untuk berkhidmat semula. Di samping itu Kerajaan juga telah mengambil tindakan untuk mengambil Jururawat-jururawat daripada luar negeri.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah Kementerian Kesihatan bercadang melatih Jururawat lelaki sebab di Kelantan kemungkinan Jururawat perempuan tidak boleh bertugas di waktu malam. Jadi, tempat Jururawat perempuan ini mestilah diambilalih oleh Jururawat lelaki. Apakah langkah Kementerian Kesihatan untuk mengatasi masalah ini?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, Jururawat lelaki ini bergelar sebagai Pembantu Perubatan. Oleh sebab itu, tugas Jururawat lelaki itu berlainan daripada tugas Jururawat yang bertugas di wad-wad hospital ini. Walau bagaimanapun, pada masa akan datang kita ambil kira atau perhatian terhadap cadangan Yang Berhormat.

**Tuan Fong Kui Lun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah Kerajaan membuat perkiraan di luar negeri untuk

mempelawa doktor-doktor asing bekerja di hospital-hospital di negara ini. Kalau tidak mengapa?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan iklan untuk mengambil doktor. Pengambilan doktor dari luar negeri berlaku, saya ingat lebih daripada lima atau enam tahun yang lalu dan satu rombongan telahpun pergi ke negara-negara seperti India, Ceylon dan Pakistan tidak berapa lama dahulu dan kebanyakan appointment ataupun tawaran telah diberikan kepada mereka dan mereka baru datang bekerja.

Selain daripada itu mereka yang berminat untuk bertugas di tanahair kita ini, mereka boleh membuat permohonan secara terus ataupun melalui Kedutaan-kedutaan di mana pemohon itu bermastautin. Pada masa kini kita hanya mengambil pakar-pakar, bukan pegawai perubatan. Tidak ada iklan.

#### PROJEK LEMBAH PERGAU—BAYARAN EX-GRATIA KEPADA KELANTAN

4. **Tuan Sukri bin Haji Mohamed** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) adakah masalah pembayaran ex-gratia kepada Kerajaan Negeri Kelantan oleh TEN berhubung dengan projek Lembah Pergau telah selesai; dan
- (b) jika ya, apakah penyelesaiannya.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab soalan ini pada 6hb Mei 1992 semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Marang. Saya tidak ada apa-apa untuk menambah lagi.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita dengar

kenyataan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dengan angkuh dan sombong tidak mahu berunding dengan Kerajaan Negeri Kelantan dalam masalah isu Pergau. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, selepas daripada kenyataan beliau, siapa yang memainkan peranan untuk berunding dengan Kerajaan Kelantan? Adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan memainkan peranan hadir di dalam perundingan dengan pihak Kerajaan Negeri Kelantan, selepas daripada kenyataan beliau mengatakan beliau tidak mahu berunding dengan Kerajaan Negeri Kelantan.

Kedua, berhubung dengan masalah pencerobohan yang berlaku di kawasan Pergau sana oleh Syarikat Kerjaya Balfour, boleh atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri mengesahkan bahawa memang berlaku pencerobohan terhadap tanah Kerajaan Negeri Kelantan oleh Syarikat Kerjaya Balfour.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar sama ada Yang Berhormat Menteri ada membuat perbincangan berkenaan dengan isu Empangan Pergau dengan Kerajaan Negeri Kelantan kerana setahu saya tiada perbincangan di antara Yang Berhormat Menteri dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan berkenaan dengan kedudukan projek ini. Bagaimanapun, bolehlah saya katakan bahawa setakat hari ini projek ini sedang berjalan dengan lancar dan kita berharap akan wujud persefahaman di antara Kerajaan Kelantan dengan Kerajaan Pusat semoga projek ini akan dapat dilaksanakan.

Berkenaan dengan pencerobohan sebagaimana yang telah saya sebutkan beberapa kali, kalau hendak dikira bahawa apabila tidak ada title ataupun tidak ada surat kebenaran untuk kita memasuki tanah, sedangkan projek telah dilaksanakan, saya beranggapan bahawa

semua projek-projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan di mana juga negeri adalah satu pencerobohan kerana selalunya kita mendapat green-light untuk masuk dan kita masuk dan selepas itu barulah kita minta title dan sebagainya. Tetapi dalam isu dengan Kelantan ini maka timbul masalah oleh kerana ada sedikit masalah miscommunication tetapi setakat hari ini saya merasakan bahawa miscommunication ini telah dapat diatasi dan projek ini sedang berjalan dengan lancar dan saya tidak mahu hendak mengeruhkan keadaan pada masa ini.

**Dr Kua Kia Soong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah pembinaan Empangan Pergau ini akan menyebabkan kekurangan air untuk petani-petani di Kelantan dan Kedah dan adakah satu siasatan dibuat mengenai masalah ini dan apakah kesimpulannya?

Kedua, adakah benar tuduhan yang dikemukakan baru-baru ini oleh seorang Ahli Parlimen di House of Common, Westminster bahawa projek Pergau ini adalah sebahagian daripada perjanjian pembelian senjata antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Britain yang bernilai \$5 bilion?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan itu satu soalan yang baik tetapi malangnya terkeluar daripada soalan asal dan saya perlukan notis.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Puan Hajah Rakibah.

**Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya kemukakan soalan yang kelima ini, saya minta izin untuk membuat sedikit pembetulan perkataan di barisan 4 iaitu "di negara" yang sebenarnya ialah "di dalam". Maka pindaan itu "di negara" kepada "di dalam". Sekian dan soalan 5, Tuan Yang di-Pertua.

## PASAR TANI—PENGURUSAN OLEH FAMA

**Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap** minta Menteri Pertanian menyatakan setakat ini berapa buah pasar tani telah ditubuhkan oleh FAMA di seluruh negara dan apakah masalah-masalah yang sering timbul di dalam pengurusan FAMA, peniaga dan pembeli hingga kadang kala pasar-pasar ini tidak dapat berjalan dengan lancar.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, projek pasar tani diperkenalkan pada awal tahun 1985 dan telah menunjukkan perkembangan yang menggalakkan. Sehingga 31hb April, 1992, FAMA telah berjaya mewujudkan 178 buah pasar tani di seluruh negara. Seramai 5,300 orang peserta telah menyertai program ini dengan nilai jualan pada tahun 1991 sebanyak \$65.1 juta.

Pihak pengurusan FAMA tidak menghadapi masalah yang serius dengan para peniaga kerana mereka tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan. Sementara itu, Jawatankuasa Pasar Tani telah diwujudkan di setiap pasar tani bagi memaju dan mengatasi masalah-masalah yang mungkin timbul. FAMA telah menyediakan khidmat urusetia di pasar tani bagi mengatasi masalah peniaga dan pembeli. Boleh dikatakan banyak masalah seperti mutu barangan, harga, bekalan dan layanan peniaga telah diatasi melalui khidmat Urusetia Pasar Tani ini.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan tempat yang tetap dan sewajarnya supaya pasar-pasar tani ini lebih baik dan selesa dan bagi mempertingkatkan lagi perniagaan mereka?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, kawasan-kawasan yang terdapat sekarang adalah dianggap sebagai sesuai dan dari masa ke semasa kita sedang meningkatkan infrastruktur atau kemudahan-kemudahan yang sedia ada bagi kebaikan pembeli dan juga penjual di pasar tani.

**Tuan Lim Hock Seng:** Soalan tambahan. Sedarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pasar tani anjuran FAMA di seluruh negara kita ini telah dibanjiri dengan buah-buahan bukan hasil-hasil pertanian tempatan. Maksud saya ialah buah-buahan atau hasil pertanian negara jiran kita terutama sekali Thailand. Adakah penjualan buah-buahan atau sayur-sayuran dari negara jiran ini bercanggah dengan matlamat penubuhan ini?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama FAMA menubuhkan pasar tani adalah untuk memberi peluang kepada petani-petani dan juga golongan petani untuk menjualkan barang-barang pengeluaran dalam negara. Dalam hal itu mungkin ada peniaga-peniaga yang menjual barang-barang seperti buah-buahan daripada negara Thailand. Ini tidak bercanggah. Tetapi tujuan utamanya ialah untuk menggalakkan penjualan barang-barang yang dikeluarkan di dalam negara khususnya memberi peluang kepada petani-petani dan juga orang-orang yang berkaitan dengan menjual barang-barang di pasar tani, menjual pengeluaran mereka di samping memberi peluang kepada pembeli-pembeli untuk mendapat barang-barang yang segar dan bermutu tinggi.

## SISTEM SARAAAN BARU—PERASAAN TIDAK PUAS HATI PENSYARAH UNIVERSITI

6. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapakah Kerajaan masih belum berupaya mengambil langkah-langkah yang

berkesan untuk menyekat hijrah cendiakawan (brain drain) dari tujuh universiti tempatan, sama ada beliau menyedari bahawa pensyarah-pensyarah universiti berasa amat hampa dengan Sistem Saraan Baru (SSB) yang mereka anggapkan sebagai menentang produktif (counter-productive) dan menyatakan bagaimana hijrah cendiakawan dari universiti tempatan sedemikian dapat disekat.

21-5-92

**5. Tuan Saidin @ Yusof bin Adam** minta Menteri Pendidikan menyatakan benarkah dakwaan yang menyatakan bahawa Skim Saraan Baru yang dilaksanakan baru-baru ini merugikan pensyarah-pensyarah universiti yang masih di bawah tanggagaji All. Jika benar adakah Kementerian Pendidikan bercadang mewujudkan satu Skim Gaji Khas untuk dilaksanakan bagi pensyarah-pensyarah universiti tersebut.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana terdapat dua orang Ahli Yang Berhormat yang kemukakan soalan yang sama maka saya memohon supaya soalan-soalan ini dijawab serentak.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Baik.

**Dr Fong Chan Onn:** Butir-butir Ahli-Ahli Yang Berhormat dan tarikh dikemukakan soalan adalah seperti di bawah:

- (i) Ahli Yang Berhormat dari Tanjong iaitu pada hari ini.
- (ii) Yang Berhormat dari Tanjong Karang pada 21-5-1992.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan terdapat perasaan tidak puas hati di kalangan pensyarah-pensyarah universiti berkenaan dengan Sistem Saraan Baru yang telah

diumumkan. Justeru itu, melalui Persatuan Kakitangan Akademik masing-masing pihak pensyarah boleh mengemukakan cadangan untuk memperbaiki skim perkhidmatan mereka dan diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk tindakan selanjutnya.

Jabatan Perkhidmatan awam telah mengelaskan beberapa skim perkhidmatan sebagai perkhidmatan kritikal. Perkhidmatan Pendidikan termasuk pensyarah belum sepenuhnya dikelaskan sebagai perkhidmatan kritikal. Sebaliknya hanya beberapa bidang tertentu sahaja dikelaskan sedemikian. Sebenarnya dalam skim gaji SSB, semua kakitangan perkhidmatan awam termasuk pensyarah-pensyarah universiti telah diberi kenaikan gaji sebanyak 8% hingga 10%, manakala Profesor Madya dan Profesor telah diperbaiki dan jawatan-jawatan tersebut tidak bergantung kepada kekosongan.

Antara cadangan-cadangan yang akan dikemukakan oleh pensyarah-pensyarah universiti adalah seperti berikut:

- (1) Mendapat keanikan gaji secara automatik seperti yang terdapat di dalam Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet bagi pensyarah yang berada di Tingkatan Biasa selepas 5 tahun berkhidmat.
- (2) Semua kakitangan akademik dianggap perkhidmatan kritikal tanpa membezakan bidang-bidang pengajian.

Pensyarah-pensyarah universiti yang sedang dikelaskan dalam perkhidmatan kritikal adalah dalam bidang-bidang berikut:

- (i) Perubatan;
- (ii) Perundangan;
- (iii) Kejuruteraan;
- (iv) Seni Bina;
- (v) Ukur Bahan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa para pensyarah khususnya Jawatankuasa Bersama yang mewakili pensyarah-pensyarah, ahli-ahli akademik di enam buah universiti selain dari Universiti Islam Antarabangsa sudah hantar satu "Memorandum Bersama" kepada pihak Kementerian Pendidikan dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam (PSD) mengenai pandangan dan cadangan-cadangan mereka supaya skim SSB boleh menggalakkan orang-orang yang ada berpotensi, cendekiawan mengadakan satu career academic, oleh kerana mengikut mereka bahawa skim SSB tidak akan menjadikan universiti-universiti kita sebagai pusat keunggulan (center of excellence) tetapi akan menjadi centre of mediocrity!

Mereka juga ada meminta diadakan perjumpaan dengan Menteri Pendidikan. Adakah satu perjumpaan diadakan atau adakah Yang Berhormat Menteri Pendidikan sangat sibuk dan tidak ada masa untuk bertemu dengan mereka. Dan setakat ini, apakah keputusan dalam perkara-perkara yang dibangkitkan oleh mereka di dalam "Memorandum Bersama"?

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya terangkan tadi, memang Kementerian Pendidikan sedar tentang perasaan sebilangan pensyarah-pensyarah di universiti tempatan tentang SSB ini. Memang Kementerian Pendidikan selalu bersedia berbincang dengan Persatuan Kakitangan Adademik supaya kita dapat lebih memahami perasaan mereka. Dan kita akan bekerjasama dengan persatuan tersebut supaya kita bersama-sama boleh lebih memperbaiki sistem SSB ini demi mewujudkan satu sistem yang dari segi mereka lebih menggalakkan.

Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dalam skim gaji baru SSB ini, kita telah melaksanakan

beberapa langkah-langkah yang baru untuk menggalakkan mereka memberi perkhidmatan yang lebih cemerlang khususnya dari segi pengajaran dan dari segi penyelidikan. Seperti yang saya terangkan tadi dalam skim gaji yang baru ini, mereka yang berkebolehan boleh dinaikkan pangkat tanpa menunggu kekosongan jawatan. Memang Menteri Pendidikan selalu bersedia untuk bertemu, untuk berbincang dengan wakil-wakil Persatuan Kakitangan Adademik dan perbincangan itu selalu diadakan secara formal atau tidak formal.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan saya belum lagi dijawab. Soalan spesifik saya ialah adakah Yang Berhormat Menteri Pendidikan jumpa mereka berasal dari Memorandum Bersama. Tidak guna kata "bersedia, akan jumpa, formal atau tidak informal". Soalannya ialah selepas Memorandum Bersama dihantar dan permintaan mereka untuk satu perjumpaan, adakah satu perjumpaan diadakan?

**Dr Fong Chan Onn:** Seperti saya katakan tadi, Menteri Pendidikan selalu berjumpa dan bertemu dengan....

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat Menteri tidak jumpa. Jangan lari dari soalan.....(*Diganggu*)

**Dr Fong Chan Onn:** Selalu....selalu berjumpa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Selalu? Mahu tidak....mahu itu main-main. (*Diganggu*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat....

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu intellectual dishonesty..... Tidak jumpa cakap tidak jumpa. Jangan ada intellectual dishonest. (*Diganggu*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada jumpa atau tidak jumpa? Jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawab. Yang lain itu bertenang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jawab!

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya jawab bukan kerana diarah oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. (*Tepuk*) Saya haraplah Ahli Yang Berhormat dari Tanjong....

**Tuan Lim Kit Siang:** Tanggungjawab ialah jawab!

**Dr Fong Chan Onn:**....sebagai seorang veteran, sebagai seorang Ketua Pembangkang boleh memainkan satu contoh yang lebih elok....

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita tidak mahu intelektual dishonesty dalam Dewan ini. Jawab baik-baik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, cukuplah. Sekarang ini bukan sesi untuk membahar. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau hendak jawab, jawablah.

**Dr Fong Chan Onn:** Seperti yang saya telah terangkan tadi, Kementerian Pendidikan selalunya ada peluang untuk berbincang....

**Tuan Lim Kit Siang:** Selalu kata selalu jumpa sahaja....

**Dr Fong Chan Onn:**.....dan perbincangan itu selalunya telah diadakan....

**Tuan Lim Kit Siang:** Intellectual dishonesty.

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Cukuplah.

**Dr Fong Chan Onn:** Perbincangan itu adalah merupakan suatu, dengan izin, on going process, bukan melalui forum formal atau tidak formal kerana perbincangan itu selalu diadakan dan merupakan "on going process".

**Tuan Lim Kit Siang:** Intellectual corrupt.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, kalau hendak lepaskan geram, di sini bukan tempatnya Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Lumut.

**Datin Ling Chooi Sieng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ke-belakangan ini saya baca dari akhbar bahawa ramai profesional warganegara kita termasuk academicians, yang telah balik daripada luar negeri itu memasuki perkhidmatan Kerajaan. Adakah ini benar? Dan berapa peratusan daripada jumlah itu yang telah diupah oleh Kementerian Pendidikan. Untuk menentukan mereka tidak meninggalkan perkhidmatan mereka, apakah langkah-langkah yang akan diambil selain daripada yang disebutkan oleh Yang Berhormat?

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana tadi saya dikacau dan saya tidak dengar soalan yang pertama itu. Saya harap Ahli Yang Berhormat boleh mengulangkan semula (*Ketawa*).

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tanjong, cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia sebutkan saya sebagai kacau.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat....

**Datin Ling Chooi Sieng:** Duduklah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia tidak tuduh Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Kita ini bukan budak-budak.

**Datin Ling Chooi Sieng:** Jadilah sebagai contoh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti dahulu. Yang Berhormat yang lain bertenang dan Lumut sila ulang soalan dengan serba ringkas.

**Datin Ling Chooi Sieng:** Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini saya terbaca dari akhbar bahawa ramai profesional warganegara kita termasuk academician yang telah balik dari luar negeri dan memasuki perkhidmatan Kerajaan, adakah ini benar? Dan berapakah peratusan daripada jumlah itu yang telah diupah oleh Kementerian Pendidikan dan untuk menentukan mereka tidak meninggalkan perkhidmatan mereka, apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pendidikan selain daripada yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada sebahagian daripada graduate-graduate, anak-anak kita yang apabila pulang ke negara kita telah memasuki sektor Kerajaan, termasuklah universiti-universiti tempatan. Selain daripada gaji kita juga telah memperbaiki suasana pekerjaan. Di sini saya telah sebutkan bentuk suasana di universiti-universiti tempatan kita kerana soalan ini di dalam bidang tersebut. Di universiti-universiti tempatan, selain dari gaji baru, kita juga

menyediakan satu peruntukan sebagai bantuan penyelidikan kepada pensyarah-pensyarah supaya mereka yang mampu dan yang ingin menjalankan projek penyelidikan boleh mendapat bantuan secukupnya dari segi fund itu. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, kita juga telah menambahkan tabung itu untuk universiti-universiti tempatan supaya lebih ramai lagi pensyarah-pensyarah boleh menjalankan tugas penyelidikan mereka dengan jayanya.

Selain daripada itu juga kita memberi peluang kepada pensyarah-pensyarah untuk mengambil cuti penyelidikan iaitu dalam masa cuti panjang mereka boleh mengambil cuti penyelidikan di mana mereka dibayar gaji dan mereka boleh pergi ke mana-mana sahaja untuk menjalankan penyelidikan mereka. Selain daripada itu kita juga ada skim-skim perpindahan perkhidmatan atau exchange of researchers, dengan izin, dengan universiti-universiti antarabangsa yang membolehkan pensyarah-pensyarah kita berkhidmat dan mendapat pengalaman di universiti-universiti tersebut. Kita juga ada banyak langkah-langkah lagi di mana kita memperbaiki dan meningkatkan suasana untuk mereka berkhidmat.

## JUALAN MURAH—PENGUAT-KUASAAN PERATURAN BARU

**7. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) bilakah peraturan baru mengenai jualan murah akan dikuatkuasakan;
- (b) apakah ciri-ciri penting yang terdapat dalam peraturan baru mengenai jualan murah yang akan dikuatkuasakan; dan
- (c) apakah fungsi Majlis Hal Ehwal Pengguna, apakah ianya akan diwujudkan di setiap kawasan Parlimen.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr Sak Cheng Lum):** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan bahagian:

(a) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang mengambil langkah sewajarnya untuk meminda peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1987 yang telah dilaksanakan mulai 1hb Januari, 1988. Sejak pelaksanaan Peraturan ini, Kementerian telah mengenalpasti beberapa kelemahan dan pindaan yang dicadangkan ini ialah bagi mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan kepada Peraturan Jualan Murah ini akan berkuatkuasa secepat mungkin.

(b) Antara ciri-ciri penting yang dicadangkan dalam peraturan jualan murah yang baru ini ialah-

- (i) sesiapa yang ingin mengadakan jualan murah dikehendaki membuat permohonan bertulis kepada Kementerian dan Kementerian berhak meluluskan atau menolak sesuatu permohonan itu. Buat masa ini sesiapa yang ingin mengadakan jualan murah, hanya perlu menghantar notis sahaja;
- (ii) menghadkan jumlah jualan murah bagi sesuatu premis perniagaan. Buat masa ini yang jumlahnya tidak dapat dikawal;
- (iii) menghadkan penggunaan perbincangan yang boleh digunakan di dalam jualan murah. Tujuannya ialah untuk mengelakkan kekeliruan kepada pengguna.

Buat masa ini sesiapa yang menganjurkan jualan murah boleh mengiklankan apa-apa perbincangan yang disukainya;

(iv) melarang penggunaan diskaun atau peratusan maksimum semasa jualan murah melainkan separuh atau lebih dari jenis barangan yang terdapat di dalam premis perniagaan ini ditawarkan dengan potongan maksimum tersebut. Tujuannya ialah bagi mengelakkan para pengguna terpedaya dengan iklan yang menunjukkan potongan harga, misalnya hingga 70%, tetapi barang-barang yang ditawarkan dengan potongan harga 70% ini adalah sedikit sahaja bilangannya serta barang-barang tersebut adalah barang-barang lama dan telah sedia murah harganya.

(c) Tuan Yang di-Pertua, fungsi utama Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri ini adalah seperti berikut-

- (i) untuk merancang, menyelaras dan melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti kepenggunaan;
- (ii) memberi pandangan kepada Kerajaan Negeri dalam apa jua perkara yang berkaitan dengan kepenggunaan;
- (iii) menjadi sumber maklumat dalam membantu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Majlis Penasihat

Perlindungan Pengguna  
Kebangsaan menjalankan  
tugas masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pengwujudan Majlis ini di setiap kawasan Parlimen, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna belum lagi mempunyai cadangan di peringkat demikian. Pada masa ini Majlis Hal Ehwal Pengguna ditubuhkan pada peringkat negeri sahaja.

**Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah pihak Kementerian memastikan bahawa sesuatu jualan murah itu benar-benar murah. Apakah pihak Kementerian mempunyai senarai harga barang-barang tersebut dan bagaimana ia disemak dan dipadankan dengan harga yang asal dengan harga yang dikatakan murah itu.

Kedua, selain daripada perbincangan, kita dapati juga ada kedai-kedai yang mewujudkan suasana seolah-olah ada jualan murah, kedai dihias dan dibuat sebegini rupa seolah-olah ada jualan murah demi untuk mengelirukan ataupun mengabui mata pelanggan.

**Dr. Sak Cheng Lum:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan tambahan pertama, bagaimana Kementerian akan memastikan bahawa sesuatu jualan murah adalah benar.

Pada masa sekarang mereka yang hendak menjalankan jualan murah diwajibkan untuk memberi notis melalui borang yang telah disediakan kepada Kementerian dan dalam notis itu memang dikehendaki untuk menyebutkan beberapa perkara yang dikehendaki oleh Kementerian:

- (i) Butir-butir berkenaan barang-barangan yang akan ditawarkan dalam jualan murah itu;

- (ii) Masa yang mana jualan murah akan dijalankan atau akan bermula dan tamat;

- (iii) Harga barang-barangan yang akan ditawarkan dan harganya termasuk harga tawaran atau harga jualan murah dan termasuk harga-harga yang biasanya.

Yang kedua berkenaan pekedai-pekedai yang mewujudkan suasana kedai mereka untuk menarik minat pembeli-pembeli, memang itu adalah satu yang dijalankan sebagai cara untuk menjalankan business tetapi pada pendapat Kementerian, apa yang lebih penting ialah perkara yang mana mereka ini membuat tawaran melalui pengiklanan. Itu yang kita lebih mengambil berat.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penerangan-penerangan yang telah diberi tadi, nampaknya kawalan ke atas jualan murah memang amat lemah. Yang penting sekali sekarang ini, kita lihat terlampau banyak jualan murah di merata tempat. Bagaimanakah orang ramai atau pengguna boleh tahu sama ada jualan murah itu dilulus ataupun dibenarkan oleh pihak Kementerian supaya mereka ini tidak terus tertipu dan terus tertipu di masa yang akan datang.

**Dr. Sak Cheng Lum:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana dalam jawapan saya, memang sejak peraturan-peraturan harga jualan murah dikuatkuasakan, Kementerian inipun telah mengenalpastikan bahawa ada kelemahan-kelemahan. Dan oleh kerana kita berpendapat ada kelemahan, maka kita telah menjalankan tindakan untuk mengemaskinikan dan untuk melengkapkan lagi peraturan-peraturan tertentu termasuk apa yang saya telah jawab ialah untuk mencadangkan bahawa jualan murah harus dilesenkan iaitu selain dari apa yang dijalankan iaitu hanya diwajibkan untuk memberi notis. Apa yang

akan kita jalankan pada masa yang mana peraturan-peraturan baru dikuatkuasakan, kita kehendaki semua peniaga-peniaga yang akan menjalankan jualan murah mestilah mendapat kelulusan dari Kementerian.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Bagaimanakah orang ramai boleh tahu bahawa notis ataupun kebenaran telah dihantar dan telah diberi oleh Kementerian kepada kedai yang membuat jualan murah itu?

**Dr. Sak Cheng Lum:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang memang notis hanya diperlukan dan untuk memastikan bahawa jualan murah ini dijalankan dengan teratur, memang Bahagian Penguatkuasa dan pegawai-pegawai dari Kementerian ini sentiasa menjalankan pemeriksaan kepada premis-premis itu.

#### RELA—JUMLAH AHLI/SENJATA API

**8. Tuan Richard Riot Anak Jaem** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah ahli-ahli Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) di seluruh negara, mengikut negeri;
- (b) jumlah senjata api/senapang patah yang telah diberikan kepada ahli-ahli RELA, mengikut negeri; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang menubuhkan pasukan tersebut di daerah Serian khususnya di daerah kecil Tebedu yang bersempadan dengan Indonesia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah ahli RELA di seluruh negara ialah sebanyak 179,925

orang dan pecahannya mengikut negeri adalah seperti berikut:

1. Perlis	– 6,367
2. Kedah	– 16,493
3. Pulau Pinang	– 5,124
4. Perak	– 18,200
5. Selangor	– 10,752
6. Wilayah Persekutuan	– 1,071
7. Negeri Sembilan	– 11,108
8. Melaka	– 5,728
9. Johor	– 19,817
10. Pahang	– 25,368
11. Terengganu	– 10,170
12. Kelantan	– 16,827
13. Sabah	– 14,345
14. Sarawak	– 18,555
Jumlah	<u>179,925</u>

- (b) Bilangan senjata api yang telah dibekalkan kepada ahli-ahli RELA mengikut negeri ialah seperti berikut:

	Laras
1. Perlis	– 1,200
2. Kedah	– 2,073
3. Perak	– 3,138
4. Kelantan	– 4,294
5. Terengganu	– 1,570
6. Pahang	– 2,853
7. Selangor	– 517
8. Negeri Sembilan	– 1,568
9. Melaka	– 453
10. Johor	– 499
11. Sabah	– 116
12. Sarawak	– 1,367
Jumlah	<u>19,648</u>

- (c) Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk menubuhkan unit-unit RELA di daerah Serian termasuk daerah kecil Tebedu serta lain-lain kawasan yang dikenalpasti memerlukannya. Untuk makluman, rancangan ini akan dilaksanakan serentak dengan projek mendaftar semula keanggotaan Pasukan RELA yang dijangka akan dilaksanakan pada akhir tahun ini.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapa jumlah senjata api

yang diberi kecil kalau dibandingkan dengan jumlah anggota RELA keseluruhannya.

Yang kedua, adakah di kalangan mereka yang telah diambil tindakan seperti dipecat atau ditarik balik senjata api yang diberi, berapakah jumlah mereka dan mengapa tindakan itu diambil.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, senjata api bukan satu-satunya keperluan yang mesti diadakan untuk sesuatu unit RELA seperti berulang kali saya dan Timbalan Menteri Dalam Negeri sudah jawab di sini ada banyak fungsi RELA, bukan sahaja hendak pegang senjata api baru boleh bertugas; di mana kawasan yang mempunyai banyak serangan musuh tanam-tanaman untuk kaum petani ataupun menghadapi masalah keselamatan seperti ramai pendatang haram dan sebagainya, maka atas sebab keselamatan dan keperluan mencegah musuh tanam-tanaman itu maka senjata api ini merupakan satu faktor yang akan diutamakan.

Jadi, bukan di semua tempat, misalnya kalau di bandar-bandar besar kita bekalkan banyak senjata api, nanti timbul pula kemalangan tertembak orang awam dan sebagainya. Ini semua satu faktor yang timbul, jadi tidak semestinya bilangan senjata api itu akan kena sama selaras dengan jumlah ahli RELA.

Untuk bahagian yang kedua, memang dari masa ke semasa, pihak Kementerian dan pihak Ibu Pejabat RELA mengambil tindakan terhadap mereka yang kalau salah gunakan senjata, senjata itu akan ditarik balik. Kalau ada melanggar disiplin-disiplin yang ditetapkan oleh RELA maka mereka akan dikenakan tindakan disiplin termasuk dipecat.

Untuk angka yang spesifik itu tidak ada pada saya pada hari ini, maka saya pohon notis.

**Tuan Maidom P. Pansai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi

dikatakan bahawa pemberian senjata api kepada ahli-ahli RELA hanyalah tertumpu kepada kawasan di mana terdapatnya binatang-binatang perosak tanaman. Saya daripada daerah Kota Belud iaitu satu-satunya daerah pertanian, dan terdapat beberapa cawangan RELA di kawasan saya dan saya nampak tidak ada pula diberi senjata api. Hanya yang saya melihat bila waktu latihan, mereka diberi tunjuk ajar dengan penggunaan senjata api tetapi selepas itu tidak ada lagi, walhal daerah itu adalah satu daerah pertanian dan terkenal dengan binatang-binatang perosak. Jadi, apakah sebab musababnya cawangan-cawangan RELA yang terdapat di daerah itu tidak diberikan bekalan senjata api seperti yang lain-lain?

Yang kedua, sekiranya senjatapi itu diberi kepada ahli-ahli RELA, adakah apa-apa garis panduan yang diberikan, sama ada dalam keadaan apa dan bila senjatapi itu boleh dipergunakan oleh ahli-ahli berkenaan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang sebagai satu garis panduan kita utamakan tempat yang sangat memerlukan senjatapi, sepertimana saya terangkan tadi, tetapi tidak semestinya semua daerah. Kalau sekiranya ada banyak tanam-tanaman, dia mesti dapat banyak senjata. Oleh sebab senjata itu ada, kita kena tengok sama ada ahli-ahli RELA itu layak atau tidak. Dari segi kelayakan, memang ada beberapa faktor yang penting. Salah satunya ialah sama ada seseorang ahli RELA itu adalah bersikap sabar, bersikap tanggungjawab, mempunyai rekod yang baik dan juga sama ada seseorang itu ada masa untuk menggunakan senjatapi itu sendiri untuk menjalankan tugas sebagai RELA ataupun dia akan menyimpannya di rumah untuk dipinjamkan kepada orang lain di mana ianya adalah dilarang. Jadi, semua faktor dan kelayakan itu adalah kena ditimbang dengan sebaik-baiknya. Ada juga di antara daerah-daerah yang di mana senjatapi itu disimpan di Balai

Polis. Apabila perlunya sesuatu operasi atau sesuatu latihan, ahli-ahli RELA itu dipanggil dan pihak Balai Polis akan mengeluarkan senjata itu. Jadi, itu adalah satu cara untuk kita simpan senjata dengan baik supaya tidak akan dibiarkan di rumah masing-masing sehingga kadang-kadang kanak-kanak pun pakai senjatapi itu.

Untuk bahagian yang kedua, memang ada satu garis panduan yang cukup dikaji dengan berhati-hati, iaitu mereka yang akan diberi senjatapi akan ditapis oleh pihak Keselamatan, terutamanya Polis. Dari semasa ke semasa tiap-tiap tahun, semua ahli RELA yang menggunakan senjatapi itu diwajibkan untuk menghadiri latihan di mana Pegawai Polis dan Pegawai RELA akan sentiasa memperingatkan mereka tentang semua garis panduan itu setiap tahun. Keadaan kesihatan dan sikap mereka, sama ada seseorang itu waras atau cukup tenang atau tidak, semua itu akan diperiksa dari semasa ke semasa.

#### MINYAK SAWIT—KANDUNGAN KOLESTEROL

9. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan peratusan minyak polyunsaturated, monounsaturated and saturated serta lain-lain zat di dalam minyak kelapa sawit berbanding dengan minyak kelapa, kacang tanah, zaitun, jagung, kacang soya dan sunflower. Apakah nasihatnya terhadap penggunaan minyak kelapa sawit untuk jangka panjang, memandangkan insiden penyakit koronari semakin meningkat di Malaysia.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-Pertua, minyak sawit adalah salah satu daripada minyak yang paling seimbang di dalam keadaan semula jadinya kerana ia mengandungi 50% asid lemak tepu dan 50% asid lemak tak tepu. Peratusan

asid lemak minyak sawit secara khusus adalah 48% asid lemak tepu, 40% asid lemak monotaktepu dan 12% asid lemak politaktepu, manakala peratusan asid lemak minyak-minyak makan yang lain adalah seperti berikut:

Minyak Makan	Asid lemak tepu (%)	Asid lemak monotaktepu (%)	Asid lemak politaktepu (%)
Minyak kelapa	94	4	2
Minyak kacang tanah	19	39	42
Minyak zaitun	13	79	8
Minyak jagung	16	30	54
Minyak kacang soya	15	25	60
Minyak sunflower	10	13	77
Minyak sawit	48	40	12

Berhubung dengan zat-zat lain yang terkandung di dalam minyak sawit, setakat ini Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) telah menjalankan 64 kajian di seluruh dunia untuk menilai ciri-ciri pemakanan minyak sawit. Sejumlah besar daripada kajian-kajian tersebut telah dilakukan khususnya untuk menilai kesan-kesan penggunaan minyak sawit ke atas paras kolesterol darah dengan menggunakan haiwan dan juga manusia. Keputusan-keputusan yang telah diperolehi menunjukkan bahawa minyak sawit tidak menaikkan paras kolesterol darah ataupun paras kolesterol aterogenik LDL atau 'low density lipoprotein (bad cholesterol)' apabila dibandingkan dengan minyak makan yang lain termasuk minyak zaitun, minyak biji rap dan minyak kacang soya. Menerusi keputusan-keputusan daripada kajian-kajian tersebut adalah semakin jelas terbukti bahawa minyak sawit dapat memberi perlindungan kepada beberapa 'cardiovascular risk parameters' yang tertentu. Antaranya, minyak sawit bukan sahaja dapat menaikkan paras kolesterol HDL atau 'high density lipoprotein (good cholesterol)' malah baru-baru ini juga ahli-ahli penyelidik PORIM telah berjaya membuktikan bahawa minyak sawit boleh mengurangkan faktor genetik Lp(a) atau lipoprotein A yang boleh meningkatkan risiko penyakit jantung.

Tuan Yang di-Pertua, kajian-kajian lain yang telah juga dijalankan oleh PORIM telah dapat membuktikan bahawa asid palmitik iaitu asid lemak tepu utama di dalam minyak sawit, bersifat neutral di dalam tindakbalas terhadap paras kolesterol darah. Penyelidikan ke atas sumber vitamin E iaitu tokotrienol dan tokoferol yang terkandung dengan banyaknya di dalam minyak sawit telah mampu memamerkan kesan-kesan anti-thrombotik ke atas haiwan dan manusia. Pada amnya, kesemua daripada hasil-hasil penyelidikan setakat ini telah berjaya membuktikan bahawa tiada sebarang kesan atau implikasi yang berlawanan dapat dikaitkan dengan penggunaan minyak sawit. Sebaliknya, penggunaan minyak sawit lebih kelihatan sebagai mempunyai kelebihan 'therapeutic' terutamanya kepada pesakit-pesakit jantung.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit koronari jantung adalah disebabkan oleh berbagai-bagai faktor dan tidaklah wajar ianya dikaitkan dengan minyak sawit. Untuk penggunaan jangka masa panjang, ingin saya menasihatkan supaya memilih minyak dan lemak yang dapat menurunkan paras kolesterol darah di samping mengandungi unsur-unsur anti-oksigen iaitu beta karotin dan vitamin E. Oleh itu....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jawapan Yang Berhormat panjang lagikah?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Sedikit lagi. Oleh itu, terbukti dengan jelas melalui keputusan-keputusan penyelidikan yang telah saya sebutkan sebentar tadi bahawa hanya minyak sawit mempunyai ciri-ciri pemakanan seperti demikian, iaitu yang terbaik dan paling berkhasiat di dalam sistem pemakanan.

Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, ini pertanyaan Doktor, memang panjang jawabannya. *(Ketawa)*

**Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 82 adalah diberi di bawah ini).*

#### **LEBUHRAYA TIMUR-SELATAN— CADANGAN MEWUJUDKAN**

**10. Dr. Haji Jamaludin bin Haji Jarjis** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) cadangan Kerajaan untuk meningkatkan hubungan jalan raya bagi kawasan industri baru di Pantai Timur atau dikenali "East Coast Industrial Corridor dengan mewujudkan Lebuhraya Timur-Selatan seperti Lebuhraya Utara-Selatan; dan
- (b) cadangan Kerajaan untuk menyambung Lebuhraya Kuantan-Segamat dengan Lebuhraya Utara-Selatan.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamaru):**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat ketika ini Kerajaan masih belum mempunyai perancangan untuk mewujudkan Lebuhraya Timur-Selatan oleh kerana jalan sedia ada iaitu Laluan 3 di antara Kuantan-Kota Tinggi dan Lebuhraya Kuantan-Segamat masih lagi mampu untuk menampung kapasiti trafik yang ada sekarang.
- (b) Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk menyambungkan Lebuhraya Kuantan-Segamat dengan Lebuhraya Utara-Selatan. Pada peringkat ini

tindakan sedang diambil untuk melantik konsultan bagi tujuan membuat kajian penetapan jajaran dan rekabentuk lebuhraya ini.

**SYARIKAT TAN CHONG MOTOR ASSEMBLY SDN. BHD.—  
PEMBUANGAN PEKERJA**

**11. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah kedudukan pembuangan lebih kurang 400 orang pekerja oleh Syarikat Tan Chong Motors Berhad tahun lalu dan apakah bentuk jalan penyelesaian yang dirancangan;
- (b) apakah peranan Kerajaan di dalam usaha-usaha untuk mendapatkan penyelesaian yang adil dan saksama di antara kedua-dua belah pihak; dan
- (c) apakah dasar dan pendirian Kerajaan terhadap pembuangan/pemberhentian secara "block seperti yang telah dilakukan oleh Syarikat Tan Chong Motors Berhad dan apakah langkah-langkah Kerajaan yang akan diambil atau dirancangan bagi memastikan tidak ada berlakunya penyelewengan atau penganiayaan terhadap pekerja-pekerja dan adakah kita pasti bahawa kes penganiayaan tidak wujud di dalam masalah Syarikat Tan Chong Motors Berhad.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):**

- (a) Dalam kejadian pembuangan kerja yang berlaku di Syarikat Tan Chong Motor Assembly Sendirian Berhad pada tahun 1991, seramai 275 orang yang telah dibuang kerja telah mengemukakan rayuan di bawah Seksyen 20 Akta Perhubungan

Perusahaan 1967 kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan di bawah Kementerian Sumber Manusia supaya dipulihkan semula dalam pekerjaan mereka.

Dari sejumlah 275 kes rayuan itu, sebanyak 226 kes telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan untuk diputuskan, 2 kes telah selesai secara saksama dengan pembayaran pampasan, 8 kes masih dalam proses pengendalian manakala sebanyak 39 kes lagi telahpun ditarik balik oleh perayu-perayu.

- (b) Sebelum ini, segala usaha telah diambil oleh Kementerian Sumber Manusia dengan mengadakan perbincangan sebanyak 12 kali di antara pihak-pihak yang terlibat untuk mencari penyelesaian tetapi telah tidak menghasilkan sebarang persetujuan saksama.
- (c) Seperti yang telah dimaklumkan, Kementerian Sumber Manusia telah berusaha sedaya upaya untuk menyelesaikan masalah pekerja-pekerja Syarikat Tan Chong Motor Assembly Sendirian Berhad dan sebagai langkah yang terakhir sebanyak 226 kes dalam kejadian pembuangan kerja beramai-ramai ini telahpun dirujuk ke Mahkamah Perusahaan yang di antara lain akan membuat keputusan sama ada unsur penganiayaan telah berlaku.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sentiasa mengambil berat untuk memastikan tidak ada berlakunya penyelewengan atau penganiayaan terhadap pekerja-pekerja. Di samping itu, Kerajaan sentiasa memperingatkan dan menekankan bahawa apabila berlaku sebarang pertikaian di antara majikan dan pekerja,

semua pihak yang terlibat hendaklah mematuhi prosedur yang telah dipersetujui bersama dan mematuhi kehendak Undang-undang dalam apa juga tindakan yang diambil.

### KADAR ASAS PINJAMAN—KAJIAN SEMULA

12. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) Kerajaan bercadang mengkaji semula keputusan membenarkan bank menetapkan sendiri kadar asas pinjaman (BLR);
- (b) pada pendapat Menteri, keuntungan \$2 billion yang dibuat oleh institusi kewangan tidak terlalu tinggi dan dengan itu institusi kewangan patut menurunkan sedikit kadar asas pinjaman dan menaikkan kadar asas simpanan; dan
- (c) langkah yang diambil Kerajaan untuk memastikan bahawa para profesional khususnya peguam tidak menggunakan alasan "sales tax" ini untuk mengenakan bayaran upahan yang lebih tinggi dan meminta pelanggan membiayai "sales tax", ini.

**Timbalan Menteri Kewangan  
(Dato' Loke Yuen Yow):**

- (a) Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula keputusan membenarkan bank-bank menetapkan sendiri kadar asas pinjaman. Langkah membebaskan kadar asas pinjaman ini adalah merupakan satu dasar baru berkaitan dengan deregulasi kewangan yang bertujuan untuk mewujudkan satu regim kadar faedah bebas di mana kedua-dua kadar faedah deposit dan kadar faedah pinjaman akan ditentukan oleh kuasa pasaran. Sistem urusan

bank yang berdaya saing ini akan memberi manfaat kepada ekonomi negara dan akan memupuk suatu sistem urusan bank yang sihat.

- (b) Adalah tidak wajar keuntungan yang diperolehi oleh institusi kewangan dilihat dari segi jumlah mutlak semata-mata. Sungguhpun pada sekali imbas keuntungan \$2 billion yang dibuat oleh institusi kewangan memberi gambaran ianya amat tinggi, terdapat beberapa faktor yang patut diberi perhatian, seperti berikut:

**Pertamanya**, sepanjang dua tahun yang lepas, tebaran dengan izin, margin, di antara kadar purata pemberian pinjaman dan kadar purata deposit telah menirus. Pada akhir tahun 1989, tebaran tersebut bagi bank perdagangan ialah 4.91 mata peratusan, manakala pada akhir tahun 1990, ia menurun kepada 4.49 mata peratusan. Tebaran tersebut terus berkurangan kepada 3.75 mata peratusan pada akhir tahun 1991. Ini menunjukkan telah wujud persaingan di antara bank-bank di negara ini.

**Keduanya**, berdasarkan kadar pulangan atau ekuiti iaitu untung sebelum cukai sebagai peratusan kepada dana pemilik saham, adalah didapati bahawa kadar tersebut tidak meningkat, sebaliknya ianya telah berkurangan. Bagi tahun kewangan 1990, pulangan atas ekuiti untuk institusi urusan bank adalah 17.7%, manakala kadar tersebut telah turun kepada 17.3% bagi tahun kewangan 1991.

**Ketiganya**, kadar pulangan atas jumlah harta (untung sebelum cukai sebagai peratusan kepada jumlah harta) bagi institusi urusan bank juga telah menurun. Bagi tahun kewangan 1990,

pulangan atas jumlah harta adalah 1.3% berbanding dengan 1.2% bagi tahun kewangan 1991.

Faktor-faktor di atas telah membuktikan bahawa institusi urusan bank sebenarnya tidak mengaut keuntungan yang berlebihan. Sebaliknya, jumlah keuntungan \$2 billion yang dibuat oleh institusi kewangan adalah dianggap selaras dengan peningkatan dalam jumlah ekuiti dan jumlah harta institusi urusan bank. Sesungguhnya, pulangan keuntungan yang berpatutan kepada institusi urusan bank adalah sejajar dengan usaha Kerajaan untuk memupuk suatu sistem kewangan yang lebih cekap dan canggih.

Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi meningkatkan lagi kecekapan dan produktiviti dalam industri bank khususnya melalui pengurangan kos perantaraan iaitu kos kakitangan dan kos overhead. Pada masa ini kos perantaraan adalah dalam lingkungan 2.3% hingga 2.5% daripada jumlah dana yang boleh dipinjamkan. Kerajaan juga akan memastikan agar institusi-institusi kewangan memainkan peranan yang lebih bersungguh-sungguh dalam membangunkan ekonomi negara khususnya dalam menyediakan kemudahan pembiayaan yang cekap dan berkesan kepada para usahawan kita.

- (c) Mengenai cukai perkhidmatan kepada beberapa perkhidmatan profesional termasuk peguam, sukacita dimaklumkan bahawa bayaran itu adalah dikenakan kepada pihak pelanggan dan pihak profesional adalah dikehendaki memungutnya bagi pihak Kerajaan. Perkara ini ada dinyatakan dalam Akta Cukai

Perkhidmatan 1975, di mana para profesional yang dilesenkan dikehendaki memungut bagi pihak Kerajaan cukai perkhidmatan dari pelanggannya sebanyak 5% daripada nilai perkhidmatan yang dibekalkan.

Dengan demikian, pungutan yang dibuat oleh para profesional itu adalah bagi pihak Kerajaan tertakluk kepada 5% daripada nilai perkhidmatan yang diberikan.

Bagaimanapun, pungutan cukai ini hanya dibenarkan kepada syarikat-syarikat guaman yang mempunyai perolehan tahunan sebanyak \$300,000 dan ke atas sahaja di mana Kementerian Kewangan mengeluarkan lesen khas kepada mereka untuk menjadi agen pemungut cukai perkhidmatan.

#### **PADI—PENANAMAN LIMA KALI DALAM DUA TAHUN DI PROJEK BARAT LAUT SELANGOR**

13. Tuan Saidin bin Adam minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan bercadang mencantumkan Sungai Tengi dengan Sungai Selangor di Negeri Selangor Darul Ehsan dan perairannya disalurkan ke Projek Barat Laut Selangor khusus untuk mengatasi kekurangan air sawah. Sehubungan dengan itu adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan tanaman padi lima kali untuk tempoh dua tahun kerana petani-petani di kawasan perairan ini adalah petani yang mahir menggunakan jentera-jentera moden bagi mengerjakan tanah sawah mereka.

**Dato' S. Subramaniam:** Setakat ini Kerajaan tidak ada apa-apa cadangan mencantumkan Sungai Tengi dengan Sungai Selangor di Negeri Selangor Darul Ehsan. Walau bagaimanapun, dalam konteks untuk melaksanakan tanaman padi lima kali dalam tempoh

dua tahun, pihak Kerajaan sedang dalam proses menapis Juruperunding untuk kajian kemungkinan sumber air tambahan di Projek Barat Laut Selangor.

**ANGKATAN TENTERA  
MALAYSIA—PENGLIBATAN  
ANGGOTA DI CAMBODIA**

**14. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Pertahanan menyatakan hingga kini berapakah ramai anggota Angkatan Tentera Malaysia yang dihantar ke Cambodia. Berapakah jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh Malaysia. Adakah United Nations menghulurkan grant terhadap program ini.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Penglibatan Angkatan Tentera Malaysia di Cambodia telah bermula dengan penghantaran dua orang Pegawai Perhubungan Tentera dalam penugasan awal "United Nations Advance Mission In Cambodia" (UNAMIC) pada 13 November 1991 dan 7 Disember 1991. Angkatan Tentera Malaysia seterusnya telah menghantar seramai 850 anggota secara berperingkat-peringkat mulai 15 Mac 1992 hingga 28 Mac 1992. Seterusnya terdapat 3 lagi pergerakan pada 1 April 1992, 15 April 1992 dan 26 April 1992 dengan jumlah 11 pegawai.

Jumlah penglibatan setakat ini adalah seramai 863 anggota. Pecahan adalah seperti berikut:

- (a) Kontijen "Malaysian Battalion" (MALBATT) 863 anggota.
- (b) Kumpulan Markas UNTAC 3 anggota.
- (c) Pemerhati Tentera 10 anggota.

Jumlah keseluruhan perbelanjaan yang telah didahulukan oleh Kerajaan Malaysia adalah berjumlah

\$21,550,147.84. Pecahan adalah seperti berikut:

**(a) Perbelanjaan Pergerakan**

(i) Pergerakan per-alatan dengan kapal PNSL	- \$ 1,593,962.80
(ii) Pergerakan anggota dengan C130	- \$ 680,968.60
(iii) Pergerakan mesuarat kordinasi	- \$ 25,797.00
Jumlah	<u>\$ 2,300,728.40</u>

**(b) Perbelanjaan Peralatan Pakai Habis**

(i) Petroleum, minyak dan pelincir	- \$ 169,032.00
(ii) Rangsum Bungkus dan Kering	- \$ 963,367.94
(iii) Peralatan daripada pasukan	- \$ 6,307,511.40
(iv) Wang tunai pendahuluhan untuk Catuan Basah dan Kecemasan	- \$ 151,000.00
(v) Ubat-ubatan	- \$ 571,326.56
Jumlah	<u>\$ 8,162,237.90</u>

**(c) Perbelanjaan Peralatan Kapital**

(i) Peralatan daripada pasukan	- \$ 4,205,008.46
(ii) Peralatan Perubatan dan Pergigian	- \$ 380,884.38
(iii) Kenderaan	- \$ 6,463,288.70
(iv) Transportable Cabin	- \$ 38,000.00
Jumlah	<u>\$ 11,087,181.54</u>
Jumlah besar	<u>\$ 21,550,147.84</u>

Perbelanjaan Pergerakan dan Peralatan Pakai habis akan dibayar semula oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu manakala Perbelanjaan Peralatan Kapital akan dibayar nilai susut harga tahunan semasa digunakan. Peralatan Kapital akan dibawa balik selepas tamat penugasan.

### **KWSP—PELABURAN DALAM PASARAN SAHAM TEMPATAN**

**15. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa dijangka aset Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan mencapai kira-kira \$100 billion pada tahun 2000:

- (a) adakah KWSP akan menambah pelaburannya dalam pasaran saham tempatan dan berapa peratuskah;
- (b) sama ada sudah sampai masanya bagi KWSP membenarkan ahli-ahli mengeluarkan 50% baki pinjaman mereka untuk pembayaran rumah pertama dan juga 50% lagi dari jumlah baki pinjaman apabila mereka telah mencapai umur 50 tahun;
- (c) apakah keputusan yang telah diperolehi oleh jawatankuasa penyiasat dalaman di peringkat pengurusan tertinggi bagi menyiasat pembabitian penipuan pengeluaran simpanan caruman ahli baru-baru ini; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan di dalam mengawal bagi mengelakkan penipuan di masa akan datang.

**Dato' Loke Yuen Yow:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KWSP akan menambahkan lagi pelaburannya di dalam pasaran saham tempatan menjelang tahun 2020. Walau bagaimanapun, peratusan penambahan tersebut tidak dapat ditetapkan buat masa ini oleh kerana ianya bergantung kepada keadaan pasaran, potensi pulangan yang boleh diperolehi dan penglibatan KWSP dalam pelaburan-pelaburan yang lain pada masa itu.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengubahsuai syarat-syarat Skim Pengeluaran Caruman KWSP untuk perumahan yang sedia ada. Skim-skim Pengeluaran Perumahan yang sedang dilaksanakan oleh KWSP membolehkan pencarum-pencarum KWSP untuk mengeluarkan carumannya untuk tujuan pembelian atau pembinaan rumah kos rendah, rumah bukan kos rendah serta rumah desa. Pencarum KWSP juga dibenarkan mengeluarkan caruman untuk tujuan mengurangkan gadaian perumahan. Tujuan utama penubuhan KWSP ialah untuk memberikan jaminan kewangan di hari tua ahli-ahlinya dan syarat-syarat skim-skim pengeluarannya yang sedang dilaksanakan adalah selaras dengan tujuan utama ini.
- (c) dan (d) Jawapan berkaitan dengan perkara (c) dan (d) telahpun dibuat pada 28 April 1992 iaitu ketika saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat daripada Pagoh. Oleh itu, saya tidak bercadang mengulangi jawapan tersebut.

### **“GREENHOUSE EFFECT” DAN “GLOBAL WARMING”**

**16. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah akan diambil oleh masyarakat antarabangsa supaya Amerika Syarikat serta negara-negara maju lain menandatangani perjanjian di bawah Framework Convention on Climatic Change untuk memastikan paras karbon dioxide di udara tidak akan melebihi paras yang ada pada tahun 1990, untuk mengelakkan “greenhouse effect” dan “global warming”.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Ahli Yang Berhormat mesti sedar bahawa dalam perkara ini Kerajaan Malaysia tidak dapat menjadi jurucakap bagi pihak masyarakat antarabangsa tentang apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh mereka.

### **LANDASAN BERKEMBAR KERETAPI DARIPADA KUALA LUMPUR—JOHOR BAHRU**

**17. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada KTM mempunyai rancangan untuk membina dua laluan (Dual Track) daripada Kuala Lumpur ke Johor Bahru;
- (b) jika ada, bilakah ianya akan bermula dan berapa lamakah ianya dijangka akan siap; dan
- (c) berapa ramaikah setinggan yang terlibat di atas tanah KTM di sepanjang laluan ini dan apakah perancangan dan tindakan KTM bagi mengatasi masalah setinggan ini lebih-lebih lagi sekiranya projek dua laluan ini hendak dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Kerajaan memang mempunyai rancangan jangka panjang untuk membina landasan berkembar keretapi daripada Kuala Lumpur-Johor Bahru pada satu masa nanti. Walau bagaimanapun, kajian kejuruteraan masih belum dijalankan mengenai rancangan ini. Oleh yang demikian, tarikh bermula dan siap rancangan ini tidak dapat ditentukan.

Projek ini merupakan projek rancangan jangka panjang dan oleh itu banciaan terperinci mengenai bilangan setinggan di atas tanah KTM di sepanjang laluan ini belum dilaksanakan lagi. Dalam pada itu, sekiranya

rancangan landasan berkembar ini dilaksanakan, para setinggan yang menduduki tanah KTM sepanjang laluan akan dikehendaki mengosongkan tanah tersebut.

### **TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1994—PELANCARAN KEMPEN**

**18. Che Ibrahim bin Mustafa** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan akan melancarkan Tahun Melawat Malaysia yang kedua;
- (b) berdasarkan kejayaan gemilang Tahun Melawat Malaysia yang pertama, nyatakan strategi penting yang bakal dilaksanakan nanti agar kempen kedua ini juga akan mengulangi kejayaan yang sama; dan
- (c) nyatakan acara-acara utama yang bakal dianjurkan dan apakah Kerajaan telah pastikan bahawa kempen kedua yang bakal dilancarkan nanti wajar mengeksploitasi keindahan alam semulajadi negara ini daripada mempublikasikan acara yang bercorak pesta-pestaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman):**

- (a) Pelancaran kempen publisiti Tahun Melawat Malaysia 1994 akan diadakan pada 1hb Ogos 1992.
- (b) Antara strategi yang dikenalpasti oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang akan digunakan untuk memastikan kejayaan Tahun Melawat Malaysia 1994 termasuklah mengadakan promosi di luar negara,

menggalakkan pelancongan tempatan, menggalakkan kegiatan-kegiatan teras pelancongan seperti aktiviti kesenian, kempen kebersihan, memperbaiki mutu perkhidmatan pelancongan, kempen kesedaran pelancongan, mengadakan sistem maklumat pelancongan mengenalpasti produk-produk pelancongan dan mengadakan acara-acara tarikan alam semulajai.

- (c) Setakat ini sebanyak 157 acara telah disenaraikan untuk diadakan sempena TMM 1994. Acara-acara yang bertujuan memperkenalkan keindahan alam semulajadi negara turut diadakan antaranya Pesta Julai Taman Negara Pahang, Borneo Safari, Pertandingan Mengenal Burung Antarabangsa Selangor, Ekspedisi Kereta Pacuan Empat Roda Johor/Pahang/Terengganu dan Safari Sungai Perak.

#### **PEMBAIKAN DAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN SEKOLAH— JUMLAH GERAN MODAL**

**19. Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah keseluruhan geran modal yang dibenarkan untuk pembaikan dan penyelarasan bangunan-bangunan sekolah di Sarawak bagi tahun 1992 dan ia mewakili berapa peratus jumlah peruntukan yang dipohon oleh Jabatan Pendidikan dari Sarawak; dan
- (b) adakah benar Kerajaan telah menghapuskan subsidi ringgit ke ringgit bagi geran modal dalam sekolah-sekolah bantuan kerana ramai daripada pengetua daripada sekolah-sekolah bantuan

dan Lembaga Pengurus telah bertungkus lumus untuk memelihara bangunan-bangunan sekolah dan kelengkapan mengajar dan juga membina bangunan-bangunan baru untuk menampung peningkatan jumlah pelajar. Kalau ya, bolehkah Kerajaan mempertimbang untuk mengenal semua skim subsidi ringgit ke ringgit bagi penyelenggaraan dan pam-bangunan sekolah-sekolah bantuan.

**Dr Fong Chan Onn:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan pada masa ini tidak menetapkan jumlah geran modal untuk pembaikan dan penyelenggaraan bangunan-bangunan sekolah. Berdasarkan 'Grant Code Regulations 1956' ada dua cara untuk mendapatkan peruntukan bagi tujuan tersebut, iaitu pembaikan kecil dengan menggunakan akaun semasa dan akaun bantuan modal yang melibatkan semua pembaikan yang lebih besar.

Untuk mendapat peruntukan itu permohonan hendaklah dibuat oleh pihak sekolah dan ia akan diberi pertimbangan berdasarkan kes demi kes yang bergantung kepada kedudukan kewangan negara.

- (b) Kementerian Pendidikan tidak pernah mempunyai dasar untuk memberi subsidi bantuan modal berasaskan ringgit ke ringgit kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan atau sekolah-sekolah Bantuan Modal bagi pembiayaan pembinaan bangunan dan juga pembelian kelengkapan sekolah tersebut.

## UPSR—KAJIAN SEMULA

20. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada UPSR di sekolah-sekolah rendah akan dikaji semula, memandangkan tahap pencapaian murid-murid di sekolah rendah di bawah program UPSR tidak menggalakkan. Sama ada program UPSR akan dihapuskan dan diganti dengan program yang lebih positif.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program pendidikan rendah dikenali sebagai KBSR sementara UPSR pula merupakan sistem penilaian yang dikendalikan pada penghujung Tahun 6 sekolah rendah.

Kementerian Pendidikan sedang mengkaji seluruh program KBSR termasuk UPSR. Adalah didapati bahawa murid-murid KBSR menunjukkan pencapaian yang lebih baik berbanding dengan KLSR. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk meningkatkan lagi prestasi murid-murid KBSR termasuk UPSR. Sistem penilaian UPSR ini akan dikekalkan dan dimantapkan lagi.

## WANG KERTAS/DUIT SYILING—REKABENTUK

21. Tuan Abdul Malek bin Munip minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah kriteria yang digunakan untuk merekabentuk/design wang kertas dan "coin";
- (b) memandangkan Kerajaan sedang berusaha meninggikan syiar/imej Islam dan selaras dengan tradisi rupabentuk wang di negara kita, adakah Kerajaan bercadang supaya secara simbolik, tulisan jawi dimasukkan semula dalam rekabentuk wang yang akan datang. Kalau ia, bila, dan kalau tidak, kenapa;
- (c) adakah Kerajaan bercadang mengeluarkan wang plastik; dan

- (d) memandangkan wang seringgit sekarang dalam bentuk "coin, dapatkah Kerajaan mengeluarkan wang kertas dengan nilai dua ringgit.

## Dato' Loke Yuen Yow:

- (a) Kriteria utama yang digunakan dalam merekabentuk wang kertas dan duit syiling Malaysia ialah gambaran mengenai ciri-ciri kemalaysiaan di mana artifak-artifak budaya seperti rebana ubi, congkak, tepak sirih, gasing dan keris atau gambar-gambar mercu tanda utama seperti Istana Negara, Masjid Negara, Tugu Peringatan Negara dan lain-lain adalah dipilih untuk menjadi corak kepada wang kertas dan wang syiling kita. Di samping itu, bagi wang kertas, ciri-ciri keselamatan juga adalah diutamakan supaya sukar ditiru oleh pemalsu-pemalsu wang kertas.
- (b) Mengenai cadangan supaya dimasukkan tulisan Jawi di dalam rekabentuk wang negara kita, Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk berbuat demikian kerana wang kertas dan wang syiling yang sedia ada sekarang ini adalah agak padat dengan pelbagai rakabentuk dan ciri-ciri keselamatan yang penting. Dengan demikian, adalah agak sukar untuk memasukkan corak-corak tambahan termasuk perkataan-perkataan berbentuk tulisan Jawi dalam wang-wang tersebut.
- (c) Mengenai wang kertas plastik, Kerajaan buat masa ini tiada rancangan untuk melaksanakannya kerana ia merupakan sesuatu yang baru dan jika kita ingin melaksanakannya, kajian yang mendalam perlu dibuat terlebih dahulu bagi menentukan kesesuaiannya.

- (d) Mengenai wang kertas jenis nilai \$2, Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk mengeluarkannya kerana sekiranya ia diedarkan bersama-sama dengan duit syiling \$1, mungkin penggunaan wang kertas \$2 lebih diminati berbanding dengan duit syiling \$1. Ini akan menjimatkan wang negara dari segi kos percetakan dan kos pengendalian wang kertas \$2 tersebut.

### KEBUDAYAAN NASIONAL

**22. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menghuraikan langkah-langkah yang diambil untuk memupuk kelahiran kebudayaan nasional dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Kementerian ini sedar akan tanggungjawabnya memupuk kelahiran kebudayaan nasional dalam konteks masyarakat majmuk negara ini. Justeru itu, Kementerian berusaha mempertingkatkan program-program pembangunan kebudayaan dengan tujuan menggalakkan penyertaan pelbagai kaum di dalam aktiviti-aktivitinya agar satu masyarakat yang berbudaya, seimbang dengan pembangunan fizikal dapat diwujudkan sejajar dengan rasa kecintaan kepada negara. Kementerian telah menyusun beberapa program utama.

Untuk memupuk kebudayaan nasional pelbagai kaum di Malaysia iaitu seperti berikut:

- (a) Penggalakan dan promosi
- (b) Khidmat sokongan dan latihan
- (c) Penyelidikan
- (d) Pemuliharaan
- (e) Pembangunan Seni Muzik
- (f) Pembangunan Seni Pementasan

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan turut membuat pertimbangan agar program-program diadakan bersifat "ethnic neutral bagi tujuan mengelakkan perasaan prejudis dan "ethnocentric".

### PERKHIDMATAN DOKTOR UDARA KEPADA ORANG PENAN

**23. Tuan Billy Abit Joo** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa ramai orang Penan diangkut melalui udara menggunakan perkhidmatan doktor udara ke Kapit dan sama ada Kementerian Kesihatan boleh menolong untuk memberi bantuan kepada kaum Penan ini untuk pulang kembali ke pedalaman dan menolong memberi mereka wang saku sambil menunggu perjalanan balik.

**Dato' K. Kumaran:** Pada tahun 1991, sejumlah 21 orang Penan dari Bahagian Kapit telah dibawa dengan helikopter perkhidmatan doktor udara untuk dirawat di Hospital Kapit. Pada tahun ini sehingga akhir Mac, seramai 4 orang pesakit Penan telah diberi perkhidmatan yang sama. Apabila sembuh mereka diberi bantuan kewangan oleh Jabatan kebajikan untuk digunakan bagi perbelanjaan tambang perjalanan balik dan makanan.

### PEROSAK TANAMAN KOKO DAN PADI—KAWALAN

**24. Tuan Jawah Anak Gerang** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) pertolongan yang diberikan oleh Kerajaan kepada pekebun-pekebun koko untuk mengatasi masalah tupai dan tikus kepada penanam-penanam padi; dan
- (b) rancangan yang sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah harga lada hitam, koko dan getah begitu rendah sekali dan di samping itu harga baja dan racun adalah mahal.

**Dato' S. Subramaniam:**

(a) Tupai dan tikus merupakan dua perosak kepada tanaman koko dan hanya tikus menjadi perosak kepada tanaman padi. Untuk mengatasi masalah perosak-perosak tersebut, Kerajaan melalui Jabatan Pertanian menolong para pekebun/petani dari segi latihan, tunjuk ajar dan khidmat nasihat mengenai cara-cara kawalan perosak tersebut. Jika serangan dilaporkan kepada Jabatan Pertanian akan membuat siasatan untuk memberi nasihat cara-cara mengawal serangan tersebut. Jabatan akan memberi bantuan racun tikus kepada pekebun/petani sekiranya kawalan memerlukan penggunaan racun sedangkan petani tidak mampu membelinya. Dalam keadaan yang sama bantuan peluru juga diberi bagi mengawal tupai.

Di kawasan padi utama di Semenanjung Malaysia, Jabatan Pertanian menjalankan pengesanan berterusan bagi mengesan kejadian serangan tikus supaya tindakan kawalan berkesan dan cepat dapat dilakukan sekiranya berlaku serangan tikus.

(b) Keadaan permintaan dan penawaran lada hitam, koko dan getah menjadi faktor utama yang mempengaruhi harga barangan tersebut. Beberapa langkah telah diambil bagi mengatasi masalah kejatuhan barangan di atas.

**(a) Lada Hitam**

(i) Malaysia akan mencadangkan kepada IPC untuk mengatur satu mesyuarat khas bagi membincangkan cara-cara mengatasi masalah kemerosotan harga dan pembangunan pasaran lada hitam masakini.

(ii) Jemaah Pemasaran Lada Hitam telah diminta untuk mengenalpasti beberapa cara jangka pendek bagi meningkatkan kesejahteraan hidup penanam lada hitam dan harga tempatan lada hitam daripada menurun ke peringkat yang lebih teruk.

(iii) Sebagai langkah jangka panjang tumpuan harus diberi kepada pembangunan Pemasaran selaras dengan Dasar Pertanian Negara dan Wawasan 2020 untuk meningkatkan penyertaan petani dengan tambahan nilai komoditi-komoditi yang dihasilkan oleh negara ini.

**(b) Koko**

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pertanian untuk membantu pekebun koko dalam menghadapi penurunan harga, antara lain-

- (i) meningkatkan produktiviti ladang;
- (ii) meningkatkan kualiti koko Malaysia;
- (iii) mempelbagaikan perusahan pertanian.

**(c) Getah**

Dalam usaha negara untuk memperbaiki harga pasaran getah di pasaran, Malaysia sebagai salah sebuah negara ahli. INRO sedang berusaha untuk merunding semula Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA) 1987. Ini bertujuan untuk memperkukuhkan INRA dan INRO bagi menstabilkan harga di tahap yang memuaskan aspirasi

negara-negara pengeluar seperti Malaysia. Di samping itu, Malaysia serta lain-lain negara pengeluar akan mempertingkatkan kerjasama bagi mengkoordinasikan pengeluaran dalam usaha untuk mengurangkan penawaran getah selaras dengan jumlah permintaan. Lain-lain usaha yang telah dan sedang dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan pengeluar termasuk kekebun kecil getah adalah seperti penanaman semula getah dengan klon-klon yang berpenghasilan tinggi, mekanisasi penorehan getah serta amalan-amalan agronomik yang lain.

**LARANGAN PENGGUNAAN  
BAHASA TIONGHUA DI PAPAN  
TANDA—TINDAKAN MAJLIS  
DAERAH HILIR PERAK**

25. Tuan Wong Wing On minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan sedar Majlis Daerah Hilir Perak pernah membuat keputusan semasa ia bermesyuarat di Cameron Highlands pada 29-12-1991 untuk melarang penggunaan Bahasa Tionghua di papan-papan tanda kawasan perumahan, seperti di Taman Sentosa, Langkap; dan bahawa keputusan ini merupakan satu penghinaan terhadap semangat dan jaminan Perlembagaan Persekutuan untuk membatalkan keputusan ini dan mencegah perbuatan semacam ini diulangi oleh Kerajaan-kerajaan Tempatan yang lain.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak dimaklumkan mengenai tindakan Majlis Daerah Hilir Perak melarang penggunaan Bahasa Tionghua di papan-papan tanda kawasan perumahan seperti di Taman Sentosa, Langkap seperti tersebut itu.

Walau bagaimanapun, sukalah saya tegaskan bahawa Majlis Daerah Hilir Perak sebagai sebuah pihak berkuasa Tempatan mempunyai kuasa putus yang mutlak terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan. Bukanlah peranan atau kuasa Kementerian ini untuk mengarahkan mana-mana pihak berkuasa tempatan menukarkan apa-apa keputusan yang telah dibuatnya dalam hal seperti ini. Oleh kerana Majlis Daerah Hilir Perak terletak di bawah bidang kuasa kerajaan Negeri Perak, maka adalah wajar soalan ini dikemukakan dalam Dewan Undangan Negeri Perak.

**AKHBAR “MINGGUAN  
WAKTU”—PEMBATALAN  
PERMIT**

26. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) mengapakah permit akhbar “Mingguan Waktu” telah ditarik balik dan pengedaran Rokat serta Harakah pula dihadkan; dan
- (b) apakah alasan Kerajaan terhadap tindakannya sedangkan ia mendakwa untuk mencapai sebuah masyarakat yang lebih berdemokrasi di dalam Wawasan 2020nya.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Permit penerbitan akhbar bertajuk “Mingguan Waktu” dibatalkan oleh kerana menyiarkan penulisan, laporan dan berita yang boleh memecahbelahkan masyarakat Malaysia dan seterusnya menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Pengedaran “Rokat” dan “Harakah” dihadkan penjualannya kepada ahli-ahli parti berkenaan sahaja oleh kerana penerbitan-penerbitan itu adalah lidah rasmi parti-parti politik itu.

- (b) Tindakan Kerajaan seperti mana disebutkan tadi sebenarnya memenuhi kemahuan parti-parti politik yang terlibat, iaitu memaparkan isu-isu seperti di kalangan ahli-ahli parti berkenaan. Pencapaian demokrasi dalam rangka Wawasan 2020 bukanlah bergantung kepada peranan parti-parti politik sahaja.

#### **POLIKLINIK HOSPITAL DAERAH TAWAU—PEMBINAAN**

27. Tuan Geoffrey Yee Ling Fook minta Menteri Kesihatan menyatakan tentang pembangunan sebuah poliklinik di Tawau seperti yang telah disebutkan sejak beberapa tahun ini tetapi sehingga ke hari ini, projek tersebut masih belum dimulakan:

- (a) apakah masalah bagi cadangan pembangunan klinik tersebut; dan
- (b) bilakah poliklinik ini dapat dimulakan dan disiapkan.

**Dato' K. Kumaran:**

- (a) Projek Poliklinik Hospital Daerah Tawau sedang dalam pelaksanaan. Rekabentuk dan dokumen tender adalah siap pada Februari 1992. Tender untuk kerja-kerja yang diperlukan telah ditutup. Pada masa ini Lembaga Tender di Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah sedang menilai tender-tender yang disyorkan.
- (b) Pembinaan poliklinik ini dijangka akan bermula satu bulan selepas surat setujuterima dikeluarkan dan pembinaan dijangka siap dalam masa 24 bulan kontrak ditandatangani.

#### **PENANAM PADI DI KELANTAN— PENGANIAYAAN**

28. Puan Hajjah Ilani binti Dato Haji Isahak minta Menteri Pertanian menyatakan sampai bilakah pihak Kerajaan Pusat mahu menganiayai penanam padi Kelantan yang memihak kepada Angkatan Perpaduan Ummah. Tahukah bahawa rakyat yang dianiayai itu akan menganggap Kerajaan Pusat sebagai pembelot dan bukan pembela rakyat.

**Dato' S. Subramaniam:** Sukacita saya memaklumkan di dalam Dewan ini bahawa Kerajaan Persekutuan tidak pernah menganiaya penanam-penanam padi di negeri Kelantan sama ada mereka memihak kepada Barisan Nasional atau Angkatan Perpaduan Ummah. Sebenarnya Angkatan Perpaduan Ummahlah yang menganiaya penanam-penanam padi di negeri Kelantan sebab mengganggu saluran agihan baja yang sedia wujud. Ini telah menyebabkan Kerajaan Pusat terpaksa menghentikan pemberian baja padi sementara bagi mengkaji cara agihan yang lebih baik.

Seperti juga di negeri-negeri lain, Kerajaan Pusat tetap melaksanakan program yang sama untuk meninggikan pendapatan penanam-penanam padi seperti pengwujudan KASA itu sendiri. Dengan yang demikian, usaha meningkatkan hasil padi lebih mudah dijalankan.

#### **KAD PENGENALAN BARU— KESULITAN MEMPERBAHARUI**

29. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa orang awam mengalami bermacam-macam kesusahan dalam membaharui kad pengenalan oleh kerana kerumitan isi kandungan borang-borang dan juga lain-lain perkara teknikal. Adakah

Kementerian Dalam Negeri bercadang atau akan mengambil langkah memudahkan borang dan juga proses membaharui kad pengenalan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya tidak bercadang untuk menjawab soalan ini kerana jawapan telah diberi pada 29 April 1992 lalu.

**MAJLIS PENASIHAT PELINDUNG  
PENGGUNA KEBANGSAAN—  
PERANAN**

**30. Puan Rohani binti Abd. Karim** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) peranan, tanggungjawab serta bidangkuasa Majlis Penasihat Pelindung Majlis Penasihat Pengguna Kebangsaan;
- (b) peranan, tanggungjawab serta bidangkuasa Majlis Hal Ehwal Pengguna di peringkat negeri;
- (c) apakah perancangan Kementerian untuk mempertingkatkan tahap kesedaran dan pendidikan mengenai hak dan tanggungjawab pengguna serta langkah perlindungan yang ditawarkan; dan
- (d) sama ada negara kita akan mewujudkan sebuah Akta Penggunaan yang komprehensif seperti yang terdapat di United Kingdom dan Australia.

**Dr Sak Chen Lum:** Bagi soalan (a), adalah dimaklumkan bahawa Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan (MPPK) adalah sebuah Majlis yang ditubuhkan di Kementerian ini mengikut Peruntukan 3 (4) Akta Kawalan Harga 1946 (Pindaan 1973). Peruntukan tersebut memberi kuasa kepada Menteri Perdagangan Dalam

Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menubuhkan Majlis tersebut dengan keahliannya terdiri daripada perwakilan sektor perniagaan, Kerajaan dan lain-lain pertubuhan. Peranan, tanggungjawab dan bidang tugas Majlis ini, sebagaimana yang dinyatakan di dalam Akta Kawalan Harga tersebut, adalah untuk menasihati Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengenai perkara-perkara berikut:

- (a) penetapan dan pengawalan harga barang;
- (b) meletakkan tanda atau label berkaitan dengan sesuatu barangan sebagaimana yang ditetapkan mengikut Seksyen 13 (1) Akta ini;
- (c) penyelenggaraan stok penimbal bagi tujuan penstabilan harga;
- (d) lain-lain perkara yang mungkin dirujuk kepada Yang Berhormat Menteri bagi menjadikan pelaksanaan Akta ini lebih berkesan.

Walau bagaimanapun, sejajar dengan perkembangan dalam bidang kepenggunaan, pihak Kementerian tidak menghalang sekiranya Majlis ini ingin membincangkan sesuatu yang diluar dari bidangkuasa yang telah ditetapkan.

Pihak Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa memberi perhatian terhadap cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Majlis ini dalam merangka aktiviti-aktiviti kepenggunaan serta merancang perubahan atau penggubalan sesuatu dasar mengenai kepenggunaan.

Bagi soalan (b) pula, peranan, tanggungjawab serta bidangkuasa Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri adalah seperti berikut:

- (i) merancang, menyelaras dan melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti kepenggunaan;

- (ii) memberi pandangan kepada Kerajaan Negeri dalam apa jua perkara yang berkaitan dengan kegunaan; dan
- (iii) menjadi sumber maklumat dalam membantu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan menjalankan tugas masing-masing.

Bagi soalan (c) pula, sukacita dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa Objektif Kementerian Perdagangan dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna adalah bagi memastikan perdagangan dalam negeri berjalan dengan sihat dan lancar dan juga mendidik dan melindungi pengguna.

Sejajar dengan objektif tersebut Kementerian sememangnya telah, sedang dan akan terus mempertingkatkan tahap kefahaman dan kesedaran pengguna atas hak dan tanggungjawab mereka. Perkara ini dijalankan melalui berbagai aktiviti, seperti ceramah (secara langsung dan/atau radio), pameran, seminar dan penerbitan risalah dan buku. Selain daripada itu, penubuhan Majlis Hal Ehwal Pengguna di setiap negeri merupakan satu strategi bagi meningkatkan tahap.

Mengenai langkah perlindungan yang ditawarkan, adalah dimaklumkan bahawa pada masa ini ada 30 buah Akta yang secara tidak langsung memberi perlindungan kepada pengguna. Undang-undang ini dikuatkuasakan oleh beberapa agensi Kerajaan, terutamanya oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Bagi mendapat perlindungan di bawah Akta-akta ini, aduan kenalah dibuat kepada Kementerian yang seterusnya akan menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya ke atas pesalahlaku.

Berkaitan dengan soalan (d), adalah dimaklumkan bahawa pihak Kementerian sedang mengkaji kemungkinan mengadakan satu Akta yang komprehensif bagi pengguna. Penyediaan Akta ini memakan masa sedikit memandangkan banyaknya agensi-agensi dan Akta-akta yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan pengguna-pengguna dewasa ini.

### INFLASI—KADAR

**31. Tuan Wee Choo Keong** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah kadar inflasi untuk tahun 1991 dan bulan Januari hingga April 1992 dan memberikan sebab-sebab yang mengakibatkan inflasi.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Soalan ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah pun dijawab 30 April 1992 iaitu semasa saya menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Santubong.

### KEBAKARAN DI LAPANGAN TERBANG SUBANG—PUNCA

**32. Dato' Haji Mohamad bin Abdullah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah puncanya menyebabkan berlakunya kebakaran di Lapangan Terbang Subang baru-baru ini; dan
- (b) berapakah perbelanjaan sebenar yang dianggarkan bagi membaik pulih kerosakan tersebut.

13-5-92

**3. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kerugian akibat kebakaran di Terminal Satu Lapangan Terbang Antarabangsa (LTAB) di Subang;

- (b) apakah sebab utama berlakunya kebakaran tersebut dan apakah langkah-langkah keselamatan yang sedang dan akan diambil bagi memastikan kejadian tersebut tidak akan berulang di masa-masa akan datang; dan
- (c) berapakah jumlah peruntukan yang akan diperuntukkan bagi kerja-kerja membaikpulih dan bilakah LTAB ini dapat digunakan sepenuhnya.

14-5-92.

**15. Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sebab-sebab dan hasil siasatan kebakaran di Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Subang baru-baru ini. Adakah kebakaran ini berpunca daripada perbuatan sabotaj.
- (b) nilai kerosakan yang dianggarkan di dalam kebakaran tersebut.
- (c) adakah pihak bomba bercadang untuk mengetatkan peraturan bomba bagi tempat-tempat penting dan strategik negara seperti di Lapangan Terbang.
- (d) adakah kebakaran ini memberi kesan jangka panjang kepada ekonomi negara.

**68. Tuan Wee Choo Keong** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah yang mengakibatkan kebakaran di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang baru-baru ini dan apakah tindakan yang telah diambil oleh beliau di atas lapangan terbang lain supaya kebakaran tidak berlaku lagi. Sila berikan butir-butirnya.

19-5-92.

**69. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sebab-sebab sebenar berlakunya kematian di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang baru-baru ini dan apakah langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengelakkan perkara-perkara yang sama berulang lagi;
- (b) adakah beliau puas hati dengan sistem pengawalan keselamatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang;
- (c) bilakah kerja-kerja pemulihan ruang yang telah terbakar akan siap dan boleh digunakan; dan
- (d) berapakah anggaran perbelanjaan pemulihan, dari mana sumber perbelanjaan dan siapakah telah dipertanggungjawabkan serta syarikat-syarikat manakah yang telah diberi kontrak untuk memperbaiki lapangan terbang tersebut.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Saya mohon izin menjawab soalan Yang Berhormat ini bersama-sama dengan soalan daripada Tuan Lau Dak Kee pada hari ini dan soalan-soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang menyentuh mengenai kebakaran di Terminal I, yang dikemukakan pada tarikh-tarikh berikut:

- (a) Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim pada 13-5-92
- (b) Tuan Wee Choo Keong pada 14-5-92
- (c) Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis
- (d) Tuan Mohamed Kamal bin Hussain pada 19-5-92

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun menubuhkan satu Lembaga, iaitu

Lembaga Siasatan Kebakaran terminal I, Lapangan Terbang Antarabangsa Subang bagi,

- (i) menyiasat punca kebakaran Terminal I, dan
- (ii) mencari jalan pencegahan bagi mengelakkan kejadian seumpama ini dari berlaku.

Lembaga Siasatan ini dianggotai oleh wakil-wakil dari Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perkhidmatan Bomba, Jabatan Bekalan Elektrik, Jabatan Kimia dan Polis Di-Raja Malaysia. Setakat ini Lembaga Siasatan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan telah bermesyuarat selama lapan kali, iaitu pada 14 April, 15 April, 18 April, 22 April, 25 April, 28 April, 5 Mei dan 9 Mei 1992. Di dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan itu, Lembaga Siasatan telah diberi penerangan oleh wakil dari Jabatan-Jabatan yang menjadi anggota Lembaga mengenai siasatan terperinci yang dilakukan oleh Jabatan masing-masing. Setiap maklumat yang diperolehi akan dianalisa dengan mendalam termasuk menemubual (questioning) individu-individu tertentu yang dirasai boleh membantu Lembaga dalam tugasnya. Laporan lengkap Lembaga dijangka dapat disediakan pada akhir bulan Mei 1992.

Oleh kerana siasatan masih lagi berjalan, saya tidaklah dapat memberikan maklumat-maklumat yang lebih terperinci.

Berhubung dengan perkara mengenai keselamatan, kos membaikpulih terminal ini dan kerugian yang dialami, sukacita dimaklumkan, iaitu berhubung peraturan keselamatan, sememangnya soal keselamatan sentiasa dititikberatkan oleh pihak pengurusan Lapangan Terbang. Mengenai kos membaikpulih Terminal I oleh kerana kerja-kerja pembersihan dan baikpulih masih lagi berterusan, maka kos sebenar belum dapat dipastikan sekarang. Begitu juga

dengan kerugian yang dialami, ianya masih lagi dinilai oleh pihak-pihak yang terlibat.

### **AKTA PROFESYEN UNDANG-UNDANG—PINDAAN**

**33. Tuan R. Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Profesyen Undang-undang 1978 yang memperuntukkan bagi Pendakwa Raya untuk menjadi Ketua Bar.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Soalan seperti ini pernah dikemukakan di sidang Parlimen yang terdahulu dan dengan itu tidak lagi perlu mendapat sebarang jawapan.

### **RANCANGAN KHIDMAT "OPEN UNIVERSITY PROGRAMME" DI TELEVISYEN**

**34. Puan Rohani binti Abd. Karim** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah perancangan khidmat "Open University Programme" on Television dan matlamat untuk mewujudkan khidmat ini;
- (b) apakah langkah yang akan diambil bagi memperbaiki semua program radio and television bagi mencapai Wawasan 2020; dan
- (c) apakah tindakan yang akan diambil untuk mempertingkatkan serta membaiki mutu pertuturan bahasa Inggeris bagi pendengar dan juga pembaca berita.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey):**

- (a) Kementerian ini tidak ada cadangan untuk mewujudkan "open university programme" di televisyen. Semua siaran RTM mempunyai objektif mendidik, memberi maklumat dan menghibur para penonton. Para

pelajar dan mahasiswa-mahasiswa dapat menggunakan maklumat-maklumat baik dari segi akademik ataupun nilai-nilai murni yang universal yang disiarkan melalui TV. Kementerian Pendidikan yang mempunyai TV Pendidikan juga berusaha untuk mendidik para pelajar khususnya dengan berbagai-bagai maklumat yang difikirkan perlu untuk menyediakan para pelajar yang cerdas dan I.Q. tinggi serta dapat menjadikan bahan-bahan siaran sebagai maklumat tambahan dan tajuk perbincangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep "open university" yang akan dijalankan oleh Kementerian Pendidikan adalah masih dalam peringkat kajian. Terdapat berbagai-bagai ciri pada "open university dan Kerajaan belum lagi menetapkan corak program yang hendak dijalankan di Malaysia.

- (b) Kementerian ini sedang berusaha untuk membaiki rancangan-rancangan radio dan TV dari segi mutu persembahan, teknik siaran dan juga mutu program. Selaras dengan Wawasan 2020, rancangan-rancangan telah diperbanyakkan dan juga banyak di antara rancangan-rancangan yang telah diswastakan.
- (c) Pembaca-pembaca berita dan pengacara yang mengulaskan rancangan diberi latihan-latihan dari semasa ke semasa untuk membaiki bacaan mereka serta gaya persembahan mereka.

#### **PEKERJA ASING TANPA IZIN—OPERASI PENDAFTARAN**

**35. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah pencapaian usaha

memulihkan pekerja pendatang haram dari Indonesia. Adakah usaha yang sama akan dibuat untuk pendatang dari Selatan Thailand.

#### **Tuan Ong Ka Ting:**

- (i) Sehingga 15-4-92 Kerajaan telah mendaftar seramai 88,634 orang Pekerja Asing Tanpa Izin (PATI). Daripada bilangan ini seramai 66,158 orang adalah PATI Indonesia.
- (ii) Operasi Pendaftaran PATI yang dibuat sekarang bukan terhad kepada PATI Indonesia sahaja tetapi juga kepada PATI dari negara-negara lain termasuk Thailand. Bilangan PATI Thai yang telah mendaftar setakat ini ialah seramai 3,176 orang.

#### **DIESEL MINYAK SAWIT—KAJIAN PENGGUNAAN**

**36. Tuan Wahab bin Suhaili** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan bahawa penemuan baru ialah minyak kelapa sawit boleh digunakan sebagai minyak diesel kereta, adakah Kerajaan bercadang untuk memperluaskan lagi industri ini supaya kereta kedua Malaysia akan bergerak dengan menggunakan kelapa sawit.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai penggunaan minyak sawit sebagai bahan api ke atas kereta-kereta, sukacitanya dinyatakan bahawa pengujian yang dijalankan masakini adalah masih di peringkat awalan iaitu melibatkan enjin yang direka oleh sebuah syarikat Jerman. Enjin ini boleh menggunakan berbagai minyak sayuran yang lain seperti minyak rapeseed dan kacang soya selain dari minyak sawit serta ke atas diesel petroleum biasa. Pengujian yang dijalankan menunjukkan bahawa enjin tersebut dapat mengurangkan kadar pengeluaran asap hitam di mana nitrogen

oksid, karbon monoksid, sulfur dioksid dan partikal carbon adalah rendah yang sekaligus ianya tidak mengakibatkan pencemaran udara.

Dalam aspek ini, konsep enjin minyak sayuran ini adalah konsep enjin diesel yang mana lebih sesuai untuk kenderaan berat seperti lori, bas mini dan bas ekspres. Walau bagaimanapun, memandangkan prospek penggunaannya sebagai minyak diesel kereta adalah cerah, Kementerian ini akan mengambil perhatian mengenainya serta kemungkinan ianya digunakan sebagai bahan api untuk kereta nasional kedua kelak.

**KLINIK DESA DI KAWASAN  
BELIMBING BESI, KLAIT,  
KETIMBUNG DAN LUNYING,  
SARAWAK—PEMBINAAN**

**37. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) Kawasan Belimbing Besi, Klait, Ketimbang dan Lunying adalah jauh di pedalaman kawasan Sebuyau/Tebelu, Batang Lupar adakah pihak Kementerian bercadang untuk membina Klinik Desa, jikalau ia bila, dan jikalau tidak, kenapa tidak; dan
- (b) adakah Kerajaan sedar yang jururawat-jururawat dan pembantu-pembantu klinik di klinik luar bandar enggan menolong dan mengubat pesakit di luar masa pejabat dibuka walaupun pesakit di dalam keadaan kecemasan.

**Dato' K. Kumaran:**

- (a) Kementerian Kesihatan pada masa ini tidak ada cadangan untuk membina sebuah Klinik Desa di kawasan Belimbing Besi, Klait, Ketimbang dan Lunying oleh sebab bilangan penduduk di kawasan tersebut berjumlah

kurang dari 800 orang. Pada masa sekarang, kawasan ini dikendalikan oleh Perkhidmatan Doktor Udara dan Pasukan Kesihatan Kampung sekali sebulan. Jabatan Perubatan Sarawak mengkaji dari masa ke masa keadaan dan akan mengemukakan cadangan untuk mendirikan sebuah klinik di kawasan jika perlu.

- (b) Kementerian Kesihatan pada masa ini juga tidak ada cadangan untuk membina Hospital Daerah di Pusa dan di Sebuyau pada masa ini. Keutamaan adalah diberi untuk mendirikan hospital untuk daerah terlebih dahulu. Di Sarawak ada 8 lagi daerah yang belum mempunyai hospital setakat ini. Untuk daerah-daerah kecil yang mempunyai jumlah penduduk yang ramai, Kementerian akan menaikkan taraf klinik sedia ada kepada Pusat Kesihatan dan seorang Pegawai Perubatan akan ditempatkan. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, empat buah klinik desa di Pendam, Debak, Sematan dan Belawai akan dinaikkan taraf.

**KLINIK KESIHATAN IBU  
DAN KANAK-KANAK  
DI SARAWAK—PERKHIDMATAN  
KHUSUS**

**38. Wan Junaidi bin Tunaku Jaafar** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian sedar Klinik Daerah di luar bandar telah menetapkan hari Isnin untuk rawatan kepada ibu mengandung dan hari Rabu dan Khamis untuk kanak-kanak. Ini telah menjejaskan prestasi dan nama baik Jabatan oleh kerana pegawai dan jururawat berkenaan enggan merawat pesakit-pesakit lain

pada hari-hari yang berkenaan walaupun pesakit tersebut di dalam keadaan sakit dan memerlukan rawatan segera; dan

- (b) adakah Kementerian sedar yang jururawat-jururawat dan pembantu-pembantu klinik di klinik luar bandar enggan menolong dan mengubat pesakit di luar masa pejabat dibuka walaupun pesakit di dalam keadaan kecemasan.

**Dato' K. Kumaran:**

- (a) Semua klinik-klinik di luar bandar terutama sekali Klinik Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak di Sarawak ada mempunyai jadual klinik untuk diikuti oleh orang awam. Jadual ini adalah untuk penduduk-penduduk yang tinggal di sekitar klinik dan mereka yang boleh mengikuti jadual tersebut. Oleh kerana perkhidmatan untuk ibu mengandung dan kanak-kanak adalah perkhidmatan yang khusus maka hari-hari tertentu perlu ditetapkan bagi memberi perkhidmatan-perkhidmatan tersebut. Hari-hari tertentu juga ditetapkan di dalam jadual tersebut bagi memberi perkhidmatan kesihatan untuk kanak-kanak seperti imunisasi (Hepatitis B, DPT, Campak) di mana perkhidmatan ini diperluaskan lagi bagi mencapai matlamat imunisasi kanak-kanak sejagat (Univeral Child Immunisation). Jadual yang disediakan juga adalah untuk membolehkan kakitangan klinik membuat persediaan tertentu terdahulu supaya kualiti perkhidmatan yang lebih baik dapat diberikan. Orang-orang awam memberi kerjasama dan mengikuti temujanji-temujanji yang telah dibuat. Walau bagaimanapun, bagi pesakit-

pesakit yang tidak dapat mengikuti jadual tersebut, perkhidmatan yang biasa, lengkap dan tiada membezakan juga diberikan. Adalah menjadi polisi atau dasar jabatan supaya menerima dan tidak menolak mana-mana pesakit pada bila-bila masa terutama di klinik-klinik luar bandar. Oleh itu, jika seseorang pesakit datang untuk mendapatkan rawatan pada hari di mana telah dijadualkan untuk sesebuah klinik, rawatan dan pengendalian yang sepatutnya akan diberikan kepada beliau. Malah, kes-kes kecemasan atau akut (acute) sentiasa diberi keutamaan untuk rawatan dengan tidak mengira apakah jadual pada hari tersebut. Kesemua kemudahan kesihatan kami tidak pernah menolak untuk menerima kes-kes kecemasan.

#### **BUKIT BENDERA, PULAU PINANG—LAPORAN EIA UNTUK PROJEK**

39. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada pihak Kerajaan telah meluluskan suatu EIA untuk projek memajukan kemuncak Bukit Bendera di Pulau Pinang, dan jika ada, apakah langkah akan diambil untuk mengelakkan masalah banjir di kawasan sekelilingnya selepas pelaksanaan projek tersebut.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Jawapannya adalah "tidak".

#### **PENJARA/BANDUAN—BILANGAN**

40. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan penjara yang terdapat di negara ini;

- (b) bilangan banduan yang menghuni penjara-penjara di negara kita; dan
- (c) adakah dengan pelaksanaan hukuman menjalankan kerja-kerja sosial yang dilakukan oleh penjenayah ringan mampu mengurangkan kesesakan dalam penjara dan apakah Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan bentuk hukuman jenis ini.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Terdapat sebanyak 26 buah penjara di negara ini.
- (b) Bilangan banduan yang menghuni penjara-penjara di negara ini seramai 19,467 orang (pada 11-4-1992).
- (c) Kajian masih lagi dijalankan ke atas beberapa cadangan untuk mengenakan hukuman lain sebagai alternatif ke atas hukuman penjara bagi mengurangkan kesesakan di penjara.

**BANJIR KILAT DI BANDAR  
KLANG—RANCANGAN  
TEBATAN**

**41. Tuan Fong Kui Lun** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah sumbangan Kerajaan Pusat selama ini dan akan datang bagi melaksanakan projek pencegahan banjir kilat dalam bandar Klang.

**Dato' S. Subramaniam:** Kerajaan Pusat sedar atas kejadian banjir kilat di bandar Klang dan pada tahun 1981 Kerajaan Pusat telah bertindak dalam usaha mengatasi masalah ini dengan menjalankan Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Klang dan Pelabuhan Klang. Kajian ini yang dijalankan dengan bantuan teknik Jepun telah siap dijalankan pada 1982. Hasil kajian ini adalah cadangan-cadangan sistem saliran bandar untuk menebatkan banjir di bandar Klang dan Pelabuhan Klang.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-4 Kerajaan Persekutuan telah mewujudkan satu projek tebatan banjir berasaskan kepada kajian yang dinamakan Rancangan Tebatan Banjir Bandar Klang dan Pelabuhan Klang dengan kos projek sebanyak \$27 juta. Projek ini dijadualkan untuk disiapkan pada tahun 2000.

Sehingga sekarang sebanyak \$8.1 juta telah dibelanjakan di bawah projek ini bagi melaksanakan kerja-kerja tebatan banjir di Klang. Dalam Rancangan Malaysia Ke-6, Kerajaan Pusat telah memperuntukkan \$870,000 bagi melaksanakan kerja tebatan banjir di bawah Rancangan Tebatan Banjir Bandar Klang dan Pelabuhan Klang.

Dengan pelaksanaan kerja-kerja tersebut, banjir telah dapat dicegah.

**OPERASI JPJ DAN POLIS  
TERHADAP PEMANDU LORI**

**42. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Pengangkutan memberitahu adakah sedar bahawa kesesakan lalu-lintas bagi lori-lori angkut barang-barang berat sudah melampaui batas dan melebihi had muatan dan had laju. Terdapat mereka berlumba-lumba pada waktu siang dan malam. Apakah tugas JPJ dalam perkara ini kerana jarang-jarang benar pegawai JPJ/Polis memeriksa mereka khususnya Jalan Ipoh-Kuala Lumpur. JPJ dan Polis biasanya menahan pemandu-pemandu selepas tol Jalan Kuching sahaja, kenapa tidak di Jalan Ipoh-Kuala Lumpur-Ipoh.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Kementerian Pengangkutan memang menyedari bahawa sejak kebelakangan ini bilangan lori-lori yang mengangkut barang telah bertambah. Di samping itu terdapat lori-lori yang membawa muatan berlebihan dan dipandu dengan laju melebihi daripada had yang dibenarkan. Kesalahan

membawa muatan yang berlebihan dan memandu laju melebihi had yang dibenarkan hanya berlaku semasa ketiadaan pegawai-pegawai penguatkuasaan JPJ dan Polis di jalanraya.

Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pihak Polis dan JPJ tidak dapat menjalankan penguatkuasaan 24 jam dan berada di semua tempat pada masa yang sama. Ini adalah disebabkan keupayaan JPJ dan Polis adalah terhad dari segi bilangan anggota dan peralatan. Oleh yang demikian, maka penguatkuasaan selalunya dijalankan di tempat dan kawasan yang strategik, luas dan selamat tanpa mengganggu lalulintas dan keselesaan/keselamatan pengguna-pengguna jalanraya yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan tol Jalan Kuching adalah merupakan salah satu kawasan yang strategik dan menepati kehendak penguatkuasaan dan ia merupakan pintu masuk untuk ke Kuala Lumpur bagi kenderaan dari utara. Itulah sebabnya mengapa pemandu-pemandu ditahan selepas plaza tol Jalan Kuching. Ingin saya menjelaskan bahawa pihak polis dan JPJ ada menjalankan operasinya dari masa ke semasa di kawasan antara Kuala Lumpur dan Ipoh seperti di persimpangan jalan ke Kuala Kubu Baru, kawasan berhampiran tol Slim River dan tempat-tempat strategik yang lain.

#### EAEC—PENDIRIAN JEPUN DAN KOREA SELATAN

**43. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) adakah Jepun dan Korea Selatan telah memberi persetujuan untuk membentuk EAEC sesudah Amerika tidak menggalakkan penyertaan Jepun;

(b) adakah gagasan EAEC itu tidak akan diteruskan memandangkan perkara itu sudah jarang disebut-sebut sekarang; dan

(c) apakah alternatif baru jika EAEC ditangguhkan.

14-5-92.

**13. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah perkembangan terakhir mengenai cadangan penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur. Adakah tentangan-tentangan daripada negara Barat akan menumpaskan hasrat negara timur untuk memajukan hak mereka.

**Tuan Chua Jui Meng:** saya memohon izin untuk memberi jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Tumpat bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Kedah pada 14-5-1992, memandangkan bahawa perkara yang dibangkitkan semuanya berkaitan dengan East Asia Economic Caucus (EAEC).

Saya ingin memaklumkan bahawa semasa Sidang Kemuncak ASEAN Keempat di Singapura baru-baru ini, Ketua-ketua Negara ASEAN telah bersetuju pada dasarnya dan mengakui pentingnya cadangan bagi ASEAN dan negara-negara di rantau Asia Timur untuk berunding secara tidak formal dalam forum EAEC untuk membincangkan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan bersama berkaitan dengan kerjasama ekonomi, perdagangan dan pelaburan. Adalah diakui bahawa kerjasama seperti ini akan menyumbangkan kepada peningkatan dalam pertumbuhan ekonomi rantau ini di samping memberikan suara dan pengaruh yang lebih kuat dalam usaha untuk mengukuhkan sistem perdagangan bebas.

Berikutan dengan keputusan Sidang Kemuncak ASEAN Keempat itu, konsep EAEC akan dihuraikan dengan lebih terperinci oleh Pegawai-pegawai Kanan ASEAN yang juga akan menyediakan pelan tindakan bagi pelaksanaannya.

Adalah diperhatikan bahawa penolakan Amerika Syarikat terhadap EAEC adalah kerana khuatir cadangan tersebut akan menyebabkan pengaruhnya di rantau ini akan berkurangan dan pada masa yang sama memberi peluang kepada Jepun untuk menguasai sumber dan pasaran di rantau Asia Timur yang pesat membangun ini. Bagi Jepun dan Korea pula, pendirian mereka terhadap cadangan ini adalah didorong oleh kepentingan masing-masing dan tekanan daripada Amerika Syarikat yang merupakan rakan perdagangan penting bagi negara-negara tersebut.

Dengan itu adalah dijangka bahawa penghuraian konsep EAEC dengan lebih terperinci oleh pegawai-pegawai kanan ASEAN akan dapat menggariskan aspek-aspek untuk meningkatkan kerjasama serantau dalam bidang ekonomi, perdagangan dan pelaburan, usaha bersama untuk membuka pasaran serta mengurangkan rintangan perdagangan yang akan memanfaatkan kesemua negara berikutan wujudnya pasaran serantau yang lebih terbuka. Penghuraian konsep EAEC juga akan menekankan dengan lebih jelas lagi bahawa ianya bukan bertujuan menubuhkan satu blok perdagangan dan di sebaliknya adalah selaras dengan prinsip-prinsip GATT dan tidak akan mengurangkan keberkesanan APEC atau dengan izin, Asia Pacific Economic Cooperation. Dalam pembentukan EAEC ini, peranan Jepun dan Korea adalah penting memandangkan mereka merupakan kuasa ekonomi yang penting di rantau ini. Pada masa ini, Jepun sedang menunggu pihak ASEAN untuk

menyiapkan butir-butir terperinci mengenai konsep dan pelan pelaksanaan cadangan tersebut.

Sebenarnya proses integrasi ekonomi di kalangan negara-negara di rantau Asia Timur adalah satu proses yang sedang berlaku dan akan terus berlaku di masa depan. Ini jelas ditunjukkan oleh jumlah perdagangan yang semakin meningkat di kalangan negara-negara tersebut dan aliran pelaburan yang besar. Proses tersebut pada masa ini didorong oleh kuasa pasaran dan inisiatif sektor swasta. Oleh itu cadangan penubuhan EAEC adalah selaras dengan aliran yang berlaku sekarang dan bertujuan untuk menyelaraskan perkembangan yang berlaku.

Bagi Malaysia, pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi bagi negara-negara di rantau ini hasil daripada peningkatan dalam kerjasama serantau di bidang ekonomi, perdagangan dan pelaburan akan mewujudkan peluang-peluang perniagaan dan eksport yang lebih luas kepada penguasa-penguasa tempatan. Peluang-peluang perniagaan dengan negara-negara Indo China juga akan turut bertambah berikutan dengan pelaksanaan dasar-dasar ekonomi pasaran dan regim perdagangan yang terbuka di negara-negara tersebut dan hasil peningkatan dalam kerjasama serantau.

#### **PEKERJA ASING—JUMLAH PENDAFTARAN**

**44. Tuan Richard Riot Anak Jaem** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pekerja asing di negara kita ini yang telah mendaftarkan diri dengan Jabatan Imigresen sehingga hari ini, mengikut jenis pekerjaan dan negara asal mereka.

**Tuan Ong Ka Ting:** Jumlah pekerja asing yang telah mendaftarkan diri dengan Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 15-4-1992 adalah seramai

88,634 orang. Mereka adalah seperti berikut:

Warganegara	Sektor Pekerjaan			Jumlah
	P/Rumah	Ladang	Binaan	
Indonesia	17,792	15,024	33,342	66,158
Bangladesh	38	643	8,984	9,665
Myanmar	29	20	5,158	5,207
India	38	75	3,335	3,448
Thai	943	1,649	584	3,176
Pakistan	1	2	685	688
Sri Lanka	4	5	128	137
Filipina	24	—	70	94
Nigeria	—	—	14	14
Nepal	—	—	11	11
Syria	—	3	4	7
Congo	—	—	2	2
Djiboti	1	1	1	3
Ethopia	1	—	2	3
Cameron	—	—	1	1
Ghana	—	—	1	1
Bostwana	—	—	2	2
Tanzania	—	—	1	1
Tidak dinyatakan	9	—	7	16
			<b>Jumlah:</b>	<b>88,634</b>

#### PROJEK PEMBANGUNAN DI SABAH—PEMBIAYAAN OLEH KERAJAAN PUSAT

45. Tuan Maidom P. Pansai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa tindakannya untuk menyalurkan perlaksanaan projek-perojek pembangunan luar bandar daripada Kerajaan Pusat menerusi KEMAS (dan bukan lagi menerusi Pejabat Daerah) adalah bagi pandangan rakyat Malaysia ianya jelas menggambarkan kewujudan Kerajaan Gandingan “Parallel Government di Sabah. Kalau sedar, adakah ini selaras dengan Perlembagaan Negara Malaysia.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Keputusan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan di negeri Sabah dengan menggunakan Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan adalah keputusan Kerajaan. Kerajaan Persekutuan membuat keputusan sedemikian dengan tujuan untuk menyedarkan rakyat

bahawa Kerajaan Persekutuan tetap akan melaksanakan tanggungjawabnya untuk melaksanakan projek-projek pembangunan untuk kesejahteraan kepada rakyat walaupun Kerajaan Negeri Sabah dikuasai oleh Parti Pembangkang. Untuk tujuan ini Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan jentera pelaksanaan projek-projek pembangunan di negeri Sabah dengan terbentuknya Jabatan Pembangunan Persekutuan.

Dalam sistem “Federal” yang diamalkan di Malaysia ini memang terdapat dua Kerajaan gandingan di mana-mana negeri iaitu Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab masing-masing. Ini jelas jika Yang Berhormat dari Kota Belud membaca Perlembagaan.

#### PAKAIAN MENUTUP AURAT KEPADA PELAJAR PEREMPUAN ISLAM—ARAHAN

46. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah maksud dan tujuan sebenar Ketua Pengarah Pendidikan mengeluarkan arahan bahawa pihak Kementerian melarang sebarang tekanan atau paksaan terhadap murid perempuan memakai tudung atau telekung;
- (b) adakah Kementerian dapat memberi jaminan bahawa semangat daripada arahan ini bukan bermaksud untuk menyekat terus murid-murid Islam daripada memakai tudung atau pakaian seragam yang menutup aurat; dan
- (c) sebagai langkah melahirkan insan yang bertaqwa disamping berilmu, apakah bentuk galakan yang dilakukan oleh Kementerian untuk mempengaruhi murid-murid

perempuan Islam memakai pakaian seragam sekolah yang menutup aurat dan memperlihatkan keperibadian Islam.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peraturan pakaian seragam murid-murid sekolah dengan jelas membenarkan dan menggalakkan pelajar-pelajar perempuan Islam memakai baju kurung, berkain sarung dan memakai tudung atau mini telekung, mengikut bentuk, warna dan ukuran yang ditetapkan. Namun demikian, pemakaian tudung atau telekung itu hendaklah dilakukan dengan rela hati mengikut pilihan para pelajar dan ibu bapa sendiri, tanpa sebarang paksaan atau tekanan daripada mana-mana pihak lain. Pemakaian tudung atau mini telekung itu hendaklah dilakukan sebagai hasil keinsafan, kesedaran dan penghayatan pelajar terhadap kebenaran, bukan kerana merasa takut atau dalam keadaan terpaksa akibat paksaan dan tekanan orang lain. Para pelajar perlu benar-benar kebenaran mengapa sesuatu perlakuan atau tindakan itu perlu dibuat.

Surat Pekeliling yang dikeluarkan adalah bertepatan dengan lunas-lunas pendidikan dan tidak berhasrat menyekat murid-murid Islam daripada memakai tudung atau pakaian yang menutup aurat tetapi menggalakkannya melalui kesedaran dan penghayatan pendidikan yang diperolehi oleh pelajar-pelajar sama ada secara formal atau tidak formal.

Sebagai langkah melahirkan insan yang bertaqwa di samping berilmu sepanjang masa, Kementerian Pendidikan membekalkan aspek pendidikan Islam dalam kurikulum sekolah. Kurikulum yang ada sekarang (KBSR dan KBSM) adalah memadai untuk melahirkan warganegara yang seimbang dan harmonis, sama ada daripada segi intelek dan jasmaninya, mahupun daripada segi emosi dan rohaninya. Insyaa' Allah.

## KURSUS/LATIHAN KEPADA PETANI DI SARAWAK

**47. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian bercadang:

- (a) untuk memberi kursus/latihan kepada para petani di Sarawak tentang cara pertanian yang lebih progresif dan moden serta juga memberi pinjaman tanpa cagaran kepada para petani dan nelayan; dan
- (b) membekalkan para petani di Sarawak dengan mesin moden dan alat-alat pertanian moden yang lain untuk meningkatkan produktiviti mereka.

**Dato' S. Subramaniam:**

- (a) Soal bercadang untuk memberi kursus/latihan kepada petani di Sarawak tentang cara pertanian yang lebih progresif adalah tidak timbul, kerana pada masa ini program berkenaan merupakan antara program utama yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Pembangunan Masyarakat Sarawak bagi melatih petani tentang teknik perladangan moden, pengurusan ladang dan kepimpinan. Malah sejak tahun 1983 program Pengembangan Kampung Intensif dilaksanakan yang kemudian diperluaskan kepada Pakej Pembangunan Pertanian (ADP) di mana petani dilatih dan dibantu menghasilkan makanan yang mencukupi, meningkatkan pendapatan, membentuk kepimpinan serta memperbaiki tahap kehidupan yang lebih selesa. Berhubung dengan soal pinjaman, satu skim pinjaman kelompok yang dikenali sebagai Skim Pinjaman Desa disediakan kepada para petani Sarawak melalui BPM. Skim pinjaman ini boleh dipertimbangkan tanpa

cagaran dengan syarat adanya penjamin. Sejak skim tersebut dilaksanakan (1987) sejumlah \$7.5 juta telah diluluskan kepada 3,069 orang petani.

- (b) Mengenai soal pembekalan mesin dan alat pertanian kepada para petani, pada masa ini terdapat petani yang memiliki sendiri peralatan pertanian moden. Dalam pada itu bagi meningkatkan lagi mekanisasi dalam kegiatan pertanian, Kerajaan menyediakan khidmat kejenteraan ladang kepada petani yang disalurkan melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan juga melalui Pejabat Pertanian Daerah bagi kawasan-kawasan yang belum mempunyai PPK.

#### **PENGHARAMAN AL-ARQAM DAN KELULUSAN PERTUNJUKAN BUDAYA BARAT—KONTRADIKSI**

48. Tuan Mohamad bin Sabu minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah ulasan Kerajaan mengenai pandangan bahawa berlaku kontradiksi nilai dalam tindakan pihak Kerajaan Barisan Nasional untuk mengharamkan kegiatan dakwah Al-arqam dan Tabligh sementara itu pertunjukan konsert budaya Barat seperti Paula Abdul, Gloria Estefan dan Diana Ross mendapat kelulusan dalam membuat persembahan;
- (b) apakah ulasan Kerajaan mengenai pandangan bahawa kini wujud trend mempersendakan aktiviti dan aktiviti dakwah Islam melalui agensi Kerajaan seperti radio dan TV dengan sokongan pihak Kerajaan Barisan Nasional sementara golongan artis dan penyanyi

diberi penghormatan dan kepujian sebagai contoh yang boleh diikuti oleh masyarakat; dan

- (c) apakah Kerajaan berpuas hati dengan tahap moral dan nilai masyarakat Malaysia sekarang khususnya kalangan generasi muda yang lebih menyanjung dan memuja personaliti dunia hiburan dalam dan luar negeri daripada bersikap peka terhadap ancaman dan cabaran yang merosakkan nilai dan norma serta pemikiran yang akan melemahkan unsur-unsur kekuatan dalam diri mereka.

**Tuan Othman bin Abdul:**

- (a) Sebenarnya tidak terdapat kontradiksi nilai dalam tindakan Kerajaan mengharamkan Kumpulan Darul Arqam dan tindakan Kerajaan meluluskan pertunjukan konsert budaya barat. Kerajaan berpendapat bahawa kegiatan-kegiatan Kumpulan Darul Arqam adalah berkaitan dengan perkara-perkara aqidah, yang mana sebahagian daripada kegiatan mereka itu boleh menjejaskan aqidah dan keimanan seseorang, sementara itu, pertunjukan konsert budaya barat pula merupakan persembahan yang bercorak kebudayaan masyarakat di Barat. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar liberal, maka terpulanglah kepada masyarakat untuk memilih mana nilai yang baik dengan yang tidak baik.
- (b) Kerajaan tidak berhasrat untuk mempersendakan aktiviti-aktiviti yang baik dan kerajaan sedar bahawa rancangan-rancangan yang wujud di radio dan televisyen adalah untuk semua golongan masyarakat. Di samping itu pihak Kerajaan telah

berusaha untuk menyesuaikan program di tempat-tempat tertentu dengan mengenakan beberapa syarat untuk dipatuhi oleh semua pihak demi melahirkan masyarakat yang bermutu dan bermoral. Sebagai contoh, pihak Kerajaan mengharamkan penyanyi berambut panjang, berpakaian menjolok mata, senikata-senikata lagu yang lucu dan mengandungi unsur-unsur mempersendakan agama yang boleh meruntuhkan akhlak generasi muda-mudi daripada disiarkan dalam radio dan televisyen.

- (c) Kerajaan tidak pernah menggalakkan muda-mudi supaya menjadi manusia tidak bermoral. Semua anggota masyarakat, terutamanya muda-mudi diberi didikan supaya bermoral tinggi, berilmu pengetahuan, mempunyai kesihatan yang sempurna untuk menjadi manusia yang berkualiti. Untuk tujuan itu Kerajaan membangun sekolah-sekolah, hospital-hospital dan berbagai-bagai institusi yang mendatangkan faedah kepada semua rakyat. Sehubungan dengan itu untuk mencapai hasrat Kerajaan, masyarakat juga khususnya ibu bapa dan keluarga hendaklah sama-sama memikul tanggungjawab ini dengan memberi perhatian, kasih sayang dan didikan yang sempurna kepada anak-anak.

#### PELARIAN DARI ACHEH DAN MYANMAR—TINDAKAN

**49. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan pelarian yang tiba dari Aceh dan yang tiba dari Myanmar dalam masa setahun yang lalu ke negara ini;

- (b) bilangan yang diberi perlindungan sebagai pelarian dan jika tidak diberikan perlindungan sebagai pelarian, apakah langkah yang diambil terhadap mereka; dan
- (c) dalam rangka penyelesaian dengan pihak Indonesia terhadap pelarian Aceh, apakah jaminan bahawa pelarian yang pulang itu tidak akan menghadapi penindasan dan adakah maklumbalas bahawa mereka yang sudah pulang mendapat layanan yang sewajar dari pihak pemerintahan Indonesia.

#### Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Malaysia tidak pernah menerima pelarian sama ada daripada Aceh ataupun Myanmar. Mereka yang datang daripada Aceh dan Myanmar adalah pendatang tanpa izin dan bukanlah pelarian.
- (b) Kerajaan Malaysia tidak pernah memberi perlindungan kepada golongan ini. Sebaliknya Kerajaan akan mengambil tindakan ke atas mereka mengikut peraturan-peraturan imigresen sedia ada atas kedudukan mereka sebagai pendatang tanpa izin.
- (c) Kerajaan sentiasa berbincang dengan Kerajaan Indonesia mengenai masalah pekerja-pekerja Indonesia dan masalah pendatang tanpa izin. Kerajaan Indonesia memahami tindakan-tindakan kita terhadap pekerja-pekerja Indonesia dan pendatang tanpa izin mengikut peraturan dan undang-undang Malaysia. Kerajaan Indonesia juga telah memberi jaminan bahawa pendatang tanpa izin Indonesia, sama ada dari Aceh atau dari

daerah lain tidak akan didakwa atau dihukum apabila mereka kembali/dihantar balik ke Indonesia.

**PERKHIDMATAN  
PENGANGKUTAN AWAM DAN  
PERDAGANGAN—  
MENINGKATKAN MUTU**

**50. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sistem-sistem baru pemberian permit-permit kenderaan awam dan komersial bagi memberi imej baru kepada kenderaan awam dan komersial dan seterusnya memperkemaskan dan mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan pengangkutan negara ini.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor):** Bagi memberi imej baru dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kenderaan perdagangan, Kementerian ini antara lain telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) Memperketatkan syarat kelayakan pemohon lesen kenderaan pengangkutan awam bagi memastikan cuma pengusaha yang berdaya maju dan berupaya memberi perkhidmatan yang berkualiti sahaja layak diberi lesen.
- (ii) Memperkenalkan sistem "Reward and Penalty" di mana pengusaha yang terbukti memberikan perkhidmatan yang berkualiti boleh dipertimbangkan lesen tambahan manakala pengusaha yang tidak boleh memberikan perkhidmatan yang berkualiti akan ditarik balik lesen atau dikurangkan jumlah lesen yang dimiliki.

(iii) Memperkenalkan warna seragam kenderaan pengangkutan awam bagi membezakan jenis perkhidmatan yang diberikan untuk membendung penyalahgunaan lesen dan memastikan perkhidmatan yang diberi bertepatan dengan jenis lesen.

(iv) Memberikan latihan khusus kepada pemandu-pemandu dan bakal-bakal pemandu bagi memastikan mereka ini menjadi pemandu yang berkualiti.

**HOSPITAL RATU ELIZABETH,  
KOTA KINABALU—  
PEMBESARAN DAN NAIKTARAF**

**51. Tuan Joseph Voon** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membesarkan Hospital Ratu Elizabeth di Kota Kinabalu, Sabah memandangkan hospital tersebut sudah tidak mampu lagi menampung pesakit yang begitu ramai. Purata dalam sehari berapakah ramai pendatang haram yang mendapatkan rawatan perubatan jika dibandingkan dengan orang tempatan di semua hospital di Sabah.

**Dato' K. Kumaran:** Kementerian Kesihatan Malaysia sedang melaksanakan projek pembesaran dan menaikkan taraf Hospital Ratu Elizabeth Kota Kinabalu. Projek ini telah dimulakan dalam Rancangan Malaysia Kelima dan disambungkan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Masakini Juru-perunding telah dilantik dan sedang membuat analisa keadaan semasa untuk merancang keperluan kemudahan kesihatan sehingga tahun 2020. Perancangan keperluan kesihatan dan rekabentuk dijangka akan mengambil masa setahun. Pembinaan dijangka dimulakan apabila perancangan ini sudah siap.

Purata dalam sehari peratus kedatangan pendatang haram ke hospital-hospital di Sabah dibandingkan dengan orang tempatan adalah seperti berikut:

Tahun	Pendatang Haram	Penduduk Tempatan	Nisbah Pendatang Tempatan
1990	18.2%	81.8%	1: 4
1991	65.6%	34.4%	1: 2

### SEKOLAH BERASRAMA PENUH—BILANGAN

**52. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah sekolah-sekolah menengah berasrama penuh yang didirikan di luar-luar bandar mengikut negeri-negeri sehingga Disember 1991, dalam tempoh dekad 80-an.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan sekolah berasrama penuh yang telah dibina dalam dekad 80an ialah 13 buah. Butir perincian sekolah berasrama penuh yang telah dibina dalam dekad 80an mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan
1. Perak	2
2. Pahang	2
3. Terengganu	1
4. Negeri Sembilan	1
5. Johor	1
6. Kelantan	1
7. Selangor	1
8. Sarawak	1
9. Sabah	3
	13

### SAMSU YANG DIBOTOLKAN—MUTU

**53. Puan Lim Lay Hoon** minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan

mutu samsu yang kini dibotolkan selepas penjualan todi telah diharamkan di setengah negeri dan penjualan samsu dalam plastik diharamkan di seluruh Semenanjung Malaysia.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Kawalan yang dilakukan oleh Jabatan Kastam bagi memastikan mutu samsu adalah bercorak fizikal, di mana pegawai kastam ditempatkan di kilang penyulingan samsu, semasa proses penyulingan samsu berjalan. Sebelum samsu yang disulingkan dilepaskan kepada premis berlesen pembotol samsu, contohnya akan dikiriskan ke Jabatan Kimia untuk dianalisa mengenai kekuatan alkohol dan mutunya. Setakat ini, Jabatan Kimia belum menjumpai contoh samsu yang dihantar mengandungi bahan-bahan yang merosakkan (harmful).

Jabatan Kastam akan memastikan setiap lebel yang diluluskan kepada pembotol samsu mengandungi nama dan alamat pembotol, kekuatan alkohol dalam botol, isipadu alkohol dalam botol dan ramuan untuk samsu yang dibotolkan. Saiz dan jenis bekas yang boleh digunakan dalam membotol samsu untuk pasaran tempatan telah pun ditetapkan oleh Jabatan Kastam, iaitu hanya botol buatan gelas atau seramik dengan saiz minima 150 ml.

Selain daripada Jabatan Kastam, kilang penyulingan samsu dan kilang pembotol samsu adalah juga tertakluk kepada undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Kesihatan Awam, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Majlis Tempatan mengenai mutu samsu dan keadaan kebersihan premis kilang.

### SEKOLAH SWASTA—BILANGAN

**54. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah bilangan sekolah swasta yang terdapat

dalam negeri kita pada masa ini mengikut negeri-negeri dan berapakah jumlah bilangan pelajar-pelajar mengikut bangsa; dan

- (b) apakah tindakan yang dilakukan terhadap sekolah-sekolah swasta yang masih tidak mahu/tidak patuh kepada arahan menggunakan kurikulum dan kokurikulum sama seperti di sekolah Kerajaan.

**Dr Fong Chan Onn:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah sekolah swasta yang terdapat di negara kita ialah sebanyak 105 buah iaitu 36 buah sekolah rendah dan 69 buah sekolah menengah, dengan jumlah enrolmen 59,273 orang.
- (b) Mengikut rekod-rekod yang terdapat di Kementerian ini, tidak ada sekolah swasta yang tidak mahu atau tidak mematuhi arahan menggunakan kurikulum seperti mana yang digunakan di sekolah-sekolah Kerajaan. Walaupun ada sekolah-sekolah swasta yang menggunakan kurikulum lain selain daripada kurikulum kebangsaan, tetapi sekolah-sekolah itu sememangnya telah diberi kebenaran untuk berbuat demikian. Antara sebab-sebab kebenaran diberikan adalah:
- sekolah-sekolah itu menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan bagi kanak-kanak bukan warganegara Malaysia.
  - sekolah-sekolah itu menolak tawaran untuk 'conform' ke kurikulum Kebangsaan. Oleh itu dibenarkan terus menggunakan kurikulumnya sendiri.

### **FILEM "TURTLE BEACH"—TINDAKAN MENYAMAN PENERBIT**

**55. Tuan Haji Ishak bin Arshad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan untuk menyaman penerbit dan pengeluar filem 'Turtle Beach' yang ditayangkan di Australia yang dengan nyata memburukkan Kerajaan Malaysia.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Kerajaan berpendapat bahawa sebarang tindakan untuk menyaman penerbit dan pengeluar filem "Turtle Beach" bukanlah langkah yang wajar dalam hal ini. Perasaan kita telah pun diberitahu kepada Kerajaan Australia dan Kerajaan tersebut telah mengambil tindakan untuk "menjauhkan diri" mereka daripada filem ini.

*(Soalan No. 56, sila lihat jawapan kepada soalan No. 30 pada 4.5.92)*

### **GURU PELATIH DI MAKTAB PERGURUAN, SABAH—BILANGAN**

**57. Datuk Monggoh Orow** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah guru-guru pelatih yang memasuki dan menjalani latihan di:

- (a) Maktab Kent, Tuaran;
- (b) Maktab Gaya, Kota Kinabalu; dan
- (c) Maktab-maktab Perguruan di Keningau dan Sandakan.

tiap-tiap tahun mulai Januari 1986 hingga Disember 1991. Daripada jumlah guru-guru pelatih yang tamat berapakah jumlah yang berasal daripada Sabah.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan guru-guru pelatih yang diambil mengikuti kursus di maktab-maktab perguruan di Sabah bagi tahun-tahun

1986-1991 adalah dianggarkan 160 orang bagi Maktab Perguruan Kent, 220 orang di Maktab Perguruan Gaya, 280 orang Maktab Perguruan Keningau dan Maktab Perguruan Sandakan ialah seramai 90 orang bagi setiap tahun. Daripada jumlah tersebut lebih 95% adalah anak watan Sabah.

### HUTANG KERAJAAN NEGERI—JUMLAH

**58. Tuan James Jimbun Anak Pungga** meminta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hutang setiap negeri sehingga sekarang dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Pusat kepada negeri yang belum dapat membayar balik hutang.

**Dato' Loke Yuen Yow:**

(a) Sehingga 31.12.1991 jumlah hutang Kerajaan-kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan ialah sebanyak \$7,446.46 juta. Kedudukan jumlah hutang mengikut Kerajaan-kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>\$ Juta</i>
1. Selangor	900.99
2. Johor	814.95
3. Kedah	798.76
4. Kelantan	799.96
5. Perak	641.34
6. Negeri Sembilan	666.57
7. Terengganu	582.09
8. Sarawak	523.19
9. Pahang	587.98
10. Sabah	449.58
11. Melaka	296.56
12. Pulau Pinang	243.97
13. Perlis	140.52
	<hr/> 7,446.46

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan-kerajaan Negeri tidak membayar balik pinjaman mengikut jadual yang telah ditetapkan. Ini telah menyebabkan bayaran balik pinjaman telah tertunggak sebanyak \$1,657.08 juta pada akhir tahun 1991.

Bagi mengatasi masalah tunggakan yang besar ini mesyuarat Majlis Kewangan Negara pada 8 Februari 1990 telah bersetuju menetapkan pinjaman mengikut kategori seperti berikut:

- (i) Kategori I adalah pinjaman untuk projek-projek yang berjaya yang mana Kerajaan Negeri berkenaan akan membayarnya dalam satu tempoh yang bersesuaian dengan kadar pulangan projek-projek berkenaan;
- (ii) Kategori II adalah pinjaman untuk projek-projek yang menghadapi masalah kewangan yang mana penjadualan semula akan dibuat dengan membekukan faedah dalam satu tempoh yang munasabah dengan kadar faedah dikurangkan kepada yang berpatutan;
- (iii) Kategori III adalah pinjaman kepada projek yang telah gagal dan telah berhenti pelaksanaannya yang mana peruntukan geran akan disediakan supaya ia dapat di'offset'kan dengan pinjaman-pinjaman yang terlibat.

Perbincangan telah diadakan dengan Kerajaan-kerajaan negeri dan Perbendaharaan telah membuat keputusan ke atas beberapa pinjaman yang akan menyelesaikan masalah tunggakan pinjaman sejumlah \$957.1 juta mengikut kategori pinjaman yang disebutkan tadi.

### JENAYAH—JUMLAH KEJADIAN

**59. Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah kejadian jenayah 1991 untuk jenayah-jenayah berikut:
  - (i) membunuh;
  - (ii) merogol;

- (iii) mencuri;
  - (iv) merompak;
  - (v) mengedar dadah.
- (b) berapakah jumlah kejadian jenayah tersebut mengikut negeri-negeri dari tahun 1981 hingga 1991;
- (c) berapa peratuskah peningkatan atau penurunan kadar kejadian jenayah tersebut jika dibandingkan di antara tahun 1981 dan 1991;
- (d) (i) apakah hukuman mandatori gantung sampai mati bagi kesalahan dadah di bawah seksyen 39 (B) Akta Dadah Merbahaya 1952 berjaya mengurangkan ancaman penyalahgunaan dadah. Jika tidak, apakah faktor-faktor yang menyebabkannya dan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasinya;
- (ii) sila nyatakan jumlah pesalah-pesalah yang telah ditangkap dan didakwa di bawah seksyen 39(B) bermula dari tahun penguatkuasaannya sehingga ke tahun 1991 mengikut pecahan tahunan; dan
- (iii) adakah Kerajaan berhasrat untuk meneruskan hukuman mandatori gantung terhadap pesalah-pesalah di bawah seksyen 39(B) tersebut walaupun kadar tangkapan dan dakwaan di bawah seksyen 39(B) terus meningkat. Sila nyatakan sebab-sebabnya.

### Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Jumlah kejadian jenayah 1991 untuk jenayah-jenayah berikut:
- (i) Membunuh—415 kes
  - (ii) Merogol—706 kes
  - (iii) Mencuri—56421 kes
  - (iv) Merompak—5804 kes
  - (v) Mengedar dadah—465 kes
- (b) Jumlah kejadian jenayah tersebut keseluruhan dari tahun 1981 adalah seperti berikut:

#### KEJADIAN JENAYAH

Tahun	Membunuh	Merogol	Mencuri	Merompak	Mengedar Dadah
1981	258	360	63356	4937	134
1982	225	442	60570	4510	260
1983	303	460	65551	5336	363
1984	293	470	68959	5991	462
1985	327	530	77743	7881	528
1986	386	688	82314	9070	456
1987	362	668	73927	7607	525
1988	346	611	68064	6798	561
1989	322	576	56596	5473	680
1990	313	638	59137	5817	779
1991	415	706	56421	5804	744

- (c) Jumlah peratus peningkatan atau penurunan kadar kejadian jenayah tersebut jika dibandingkan di antara tahun 1981 dan 1991 ialah:
- |                |   |         |
|----------------|---|---------|
| Membunuh       | — | +37.8%  |
| Merogol        | — | +49.0%  |
| Mencuri        | — | -12.3%  |
| Merompak       | — | +15.0%  |
| Mengedar dadah | — | +81.99% |
- (d) (i) Dari perangkaan yang saya akan sebutkan sebentar lagi menunjukkan bahawa hukuman gantung sampai mati tidak mengurangkan kes-kes penyalahgunaan dadah. Ini disebabkan mereka yang ditangkap mengedar dadah hanyalah mereka yang bekerja dengan sindiket sebagai 'couriers' atau orang upahan sahaja. Apabila mereka ditangkap, orang upahan

ini senang ditukar ganti. Di dalam hubungan ini ketua-ketua sindikit yang bertanggungjawab ke atas kemasukan bekalan dadah dan para pembiayaannya tidak langsung menanggung risiko kerana mereka tidak pernah membawa dadah sendiri.

Ganjaran lumayan yang diperolehi dari kegiatan pengedaran merupakan satu faktor tarikan dan dorongan kepada mereka yang ingin kekayaan dengan cepat tanpa memikirkan risiko yang mereka tanggung nanti.

Langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini ialah dengan meluaskan gerakan dari semasa ke semasa untuk mencegah kemasukan dadah ke negara ini akan tidak secara langsung mengurangkan bekalan dadah. Di bawah undang-undang pencegahan, pengedar-pengedar ini ditangkap untuk tindakan-tindakan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Di bawah Akta Dadah Berbahaya (Rampasan dan Perlucuthakan Harta) 1988 pula, Pihak Mahkamah diberi kuasa untuk merampas dan melucuthakan Harta kepunyaan seseorang pengedar dadah jika didapati harta tersebut adalah hasil dari aktiviti pengedaran dadah.

(ii) Jumlah mereka yang ditangkap di bawah

Seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya 1952 dari tahun 1975 hingga tahun 1991 adalah seperti berikut:

1975	—	4
1976	—	40
1977	—	73
1978	—	123
1979	—	85
1980	—	82
1981	—	134
1982	—	260
1983	—	363
1984	—	462
1985	—	528
1986	—	456
1987	—	525
1988	—	561
1989	—	680
1990	—	779
1991	—	744

(iii) Kerajaan belum ber-cadang untuk mengubah hukuman mati mandatori di bawah Seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya 1952 ke atas pesalah-pesalah yang terlibat dengan kegiatan pengedaran dadah.

#### SISTEM SARAN BARU—PELAKSANAAN

60. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah fakta-fakta, kajian-kajian serta cadangan-cadangan yang telah diajukan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) kepada Jemaah Menteri ke arah melaksanakan Sistem Saran Baru (SSB);
- (b) apakah dasar-dasar dan prinsip-prinsip Islam yang diambilkira dalam melaksanakan sistem tersebut;

- (c) apakah kepastian tidak akan berlaku apa-apa penyelewengan di dalam perlaksanaannya; dan
- (d) apakah kaedah-kaedah dan prosidur-prosidur yang akan dilaksanakan bagi mengelakkan sebarang penyelewengan.

**Tuan Othman bin Abdul:**

- (a) Semasa memperkenalkan Sistem Saraan Baru (SSB) kepada keseluruhan sektor awam, Kerajaan telah mengeluarkan satu laporan bertajuk Laporan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam yang mengandungi secara lengkap dan terperinci semua fakta serta hasil penemuan yang menjadi asas kepada SSB. Oleh yang demikian, sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Maran berminat bolehlah mendapatkan naskah laporan tersebut dari Jabatan Percetakan Negara.

Walaupun bagaimanapun, izinkan saya menghuraikan secara ringkas perkara-perkara penting berkaitan SSB. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, SSB mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1992. Dalam merangka SSB, beberapa cadangan hasil kajian Jabatan Perkhidmatan Awam telah dikemukakan dan dipersetujui oleh Kerajaan. Antara yang terpenting ialah supaya SSB mengutamakan unsur galakan dan fleksibiliti bertujuan meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan awam bagi menghadapi perkembangan dan perubahan semasa dan juga cabaran masa hadapan. Matlamat ini akan dicapai melalui beberapa strategi pelaksanaan, iaitu, penyusunan semula struktur perkhidmatan supaya menjadi lebih responsif; perolehan tenaga anggota yang berdaya inovatif,

berbakat serta kreatif; dan penerapan nilai-nilai budaya kerja yang mementingkan peningkatan produktiviti dan prestasi yang berkualiti. Berikutan dengan pelaksanaan SSB, penekanan diberi kepada prestasi kerja di mana anggota yang berprestasi cemerlang akan diberi pergerakan gaji dan peluang naik pangkat yang lebih istimewa dan cepat. Bagi menggalakkan anggota berkhidmat dengan lebih cemerlang, bayaran-bayaran insentif juga disediakan kepada anggota-anggota yang mempunyai kemahiran dan kepakaran tertentu. Di samping itu, struktur organisasi perkhidmatan awam serta skim-skim perkhidmatan disusun semula selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan keupayaan pengurusan supaya dapat berfungsi dengan lebih berkesan.

- (b) Dalam melaksanakan SSB, beberapa prinsip turut diberi penekanan dan antaranya ialah prinsip kesaksamaan. Prinsip ini diperkenalkan untuk menjamin pemberian imbuhan yang lebih adil dan saksama kepada anggota. Di bawah SSB, anggota-anggota ditawarkan saraan yang setimpal dengan kelayakan, pengalaman dan tugas-tugas yang dilaksanakan. Selain daripada itu, sesuai dengan konsep masyarakat penyayang, SSB juga mengemukakan beberapa kemudahan dan elaun-elaun baru bertujuan menjaga dan meningkatkan kebajikan anggota seperti kemudahan rawatan perubatan kepada ibu bapa, cuti untuk menjaga anak, imbuhan untuk mengurus jenazah dan kemudahan cuti tertentu bagi anggota-anggota yang mengidap sakit berbahaya bagi menjalani rawatan perubatan yang

berpanjangan. Prinsip pemberian ini adalah didapati selaras dengan dasar serta prinsip yang diutamakan dalam agama Islam. Dalam pada itu, penerapan nilai-nilai budaya kerja yang mementingkan kerajinan dan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapat nafkah yang lebih tinggi secara halal dan beramanah sebagaimana diperuntukkan dalam pergerakan gaji yang istimewa di bawah SSB juga merupakan nilai-nilai yang digalakkan dalam agama Islam. Dengan itu, perkara-perkara yang menjadi asas kepada SSB merupakan juga perkara-perkara yang memang dituntut oleh agama Islam.

- (c) & (d) Dalam melaksanakan SSB ini beberapa siri penerangan telah diadakan di seluruh negara. Risalah serta nota-nota panduan mengenai kaedah pelaksanaan SSB telah juga diedarkan kepada semua pihak yang terlibat. Tindakan ini diambil untuk memastikan semua anggota yang bertanggungjawab untuk melaksanakan SSB memahami matlamat dan kaedah pelaksanaan serta mengetahui peranan masing-masing dalam menjayakan SSB. Untuk menjamin SSB dilaksanakan dengan licin dan berkesan beberapa mekanisme akan diwujudkan seperti Panel Melaksanakan Pergerakan Gaji, Jawatankuasa Tetap Penilaian Perkhidmatan Kritikal dan Panel Penilaian Prestasi untuk menilai prestasi anggota. Jabatan Perkhidmatan Awam juga akan mengadakan urusan naziran dari semasa ke semasa untuk mengawasi pelaksanaan SSB di peringkat Jabatan dan Agensi.

Seperti juga di bawah Laporan JKK 1976, anggota-anggota

yang terkilang boleh mengemukakan tuntutan mereka kepada Tribunal Perkhidmatan Awam jika mereka mempunyai apa-apa tuntutan anomali. Melalui mekanisme ini adalah diharapkan sebarang penyelewengan akan dapat diatasi.

### **PENDATANG HARAM DI SABAH—PENGHANTARAN BALIK**

**61. Tuan Lai Lun Tze** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah bilangan pendatang-pendatang haram di negeri Sabah dan apakah langkah-langkah Kerajaan yang akan diambil untuk menghantar mereka balik.

**Tuan Ong Ka Ting:** Pasukan Petugas Khas telahpun menamatkan Gerakan Pendaftaran Pendatang Luar Negeri (PLN) di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan pada 13hb Ogos 1991. Kerja-kerja kemasukan dan prosesan data sedang dijalankan sekarang sebelum kerja-kerja kemasukan dan prosesan data sedang dijalankan sekarang sebelum kerja-kerja pengkategorian PLN kepada Pendatang Tanpa Izin, Buruh Asing dan pelarian dijalankan. Proses ini masih diteruskan. Oleh itu, Pasukan Petugas Khas belum dapat memberikan perangkaan terperinci tentang tiap-tiap kategori pendatang yang didaftar itu buat masa ini.

Langkah utama yang sedang dan akan diambil terhadap Pendatang Tanpa Izin untuk menghantar mereka balik ke negara asal masing-masing ialah mempertingkatkan lagi gerakan-gerakan penangkapan oleh agensi-agens penguatkuasa seperti PDRM, Imigresen dan Buruh.

Seterusnya tempat tahanan yang cukup perlu disediakan untuk menahan mereka sebelum diusir balik ke negara

asal masing-masing. Oleh kerana tiga buah penjara di Sabah iaitu di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau tidak akan mencukupi untuk menampung keperluan tersebut, Pasukan Petugas Khas telah bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri untuk membina tiga buah Pusat Tahanan sementara, tiap-tiap satu di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau. Kerajaan Negeri Sabah telahpun bersetuju tentang tempat-tempat yang dicadangkan dan telah meluluskan sejumlah peruntukan untuk tujuan itu. Kerajaan Negeri sedang mengambil tindakan-tindakan yang terakhir sebelum memulai kerja-kerja menyiapkan pusat-pusat tahanan tersebut.

Dengan peningkatan gerakan penangkapan dan penyediaan tempat tahanan yang cukup, proses pengusiran Pendatang Tanpa Izin daripada Negeri Sabah dapat dijalankan dengan licin dan terancang.

#### RTM—JUMLAH MASA PENYIARAN

62. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) jumlah masa penyiaran yang diperuntukkan untuk program-program Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Cina, Tamil dan bahasa lain pada tahun 1990, 1991 dan 1992 dan berikan juga sebagai peratus kepada masa siaran keseluruhannya;
- (b) apakah sebabnya masa siaran dikurangkan dan apakah kedudukannya bagi tahun depan; dan
- (c) mengapakah masa siaran program Cina dan Tamil tidak boleh dinaikkan sehingga 30% dan 10% untuk mencerminkan komposisi kaum penduduk Malaysia.

**Tuan Railey bin Haji Jaffrey:**  
Peratusan masa siaran untuk program-program siaran RTM bagi tahun 1990, 1991 dan 1992 adalah seperti berikut:

##### 1990 (Seminggu)

	TV1	TV2
Bahasa Malaysia	58.6%	15.7%
Inggeris	39%	52.2%
Cina	—	17.2%
Tamil	—	14.9%
Lain-lain	2.4%	—
	<hr/> 100%	<hr/> 100%

##### 1991 (Seminggu)

	TV1	TV2
Bahasa Malaysia	66%	11.9%
Inggeris	30%	55.1%
Cina	—	20.7%
Tamil	—	12.3%
Lain-lain	4%	—
	<hr/> 100%	<hr/> 100%

##### 1992 (Seminggu)

	TV1	TV2
Bahasa Malaysia	77.6%	21%
Inggeris	20.4%	51.3%
Cina	—	15.4%
Tamil	—	12.2%
Lain-lain	2%	—
	<hr/> 100%	<hr/> 100%

Adalah tidak benar bahawa jumlah siaran masa dikurangkan walaupun secara peratusan angkanya menurun sedikit. Jumlah masa siaran adalah seperti berikut:

##### 1991 (Seminggu)

	TV1	TV2
Bahasa Malaysia	59 jam 13 minit	7 jam 6 minit
Inggeris	26 jam 25 minit	32 jam 28 minit
Cina	—	1.2 jam 9 minit
Tamil	—	7 jam 13 minit
Lain-lain	3 jam 37 minit	—
	<hr/> 88 jam 15 minit	<hr/> 15 jam 56 minit

##### 1992 (Seminggu)

	TV1	TV2
Bahasa Malaysia	70 jam 10 minit	16 jam 30 minit
Inggeris	18 jam 30 minit	40 jam
Cina	—	12 jam
Tamil	—	9 jam 30 minit
Lain-lain	1 jam 50 minit	—
	<hr/> 90 jam 30 minit	<hr/> 78 jam

- (b) Kementerian akan menyelaraskan rancangannya mengikut selera para penonton melalui kajian yang dijalankan dari masa ke semasa, dan selaras dengan dasar Kerajaan untuk menyiarkan 80% rancangan-rancangan tempatan dan 20% rancangan-rancangan luar negeri menjelang tahun 2000.
- (c) Kementerian ini lebih mementingkan rancangan-rancangan yang mempunyai unsur-unsur commonalities daripada yang bercorak communnality, rancangan-rancangannya yang disiarkan akan dikaji dari masa ke semasa dan disesuaikan dari masa ke semasa.

#### AKAUN SEMASA IMBANGAN PEMBAYARAN—KEDUDUKAN

**63. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan 'overheating' ekonomi dan penggunaan (consumption) di negara ini bagi 1990, 1991 dan 1992 (sehingga 31.3.92). Dengan kedudukan ini, apakah akan terjadi dengan akaun semasa imbalan pembayaran bagi 1992, 1993, 1994 dan 1995. Apakah penyelesaiannya.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Ekonomi negara telah berkembang pada kadar lebih kurang 9 peratus untuk tempoh empat tahun berturut-turut sejak tahun 1988. Ianya berkembang pada kadar 9.8 peratus pada tahun 1990, 8.8. peratus tahun 1991 dan dijangkakan pada kadar kira-kira 8.5 peratus bagi tahun 1992. Kerajaan sentiasa mengawasi keadaan ekonomi dengan rapi agar kadar pertumbuhannya selaras dengan keperluan untuk menstabilkan harga dan keseimbangan luaran.

Kadar inflasi telah meningkat daripada 3.1 peratus pada tahun 1990 kepada 4.4 peratus pada tahun 1991;

ianya terkawal dan masih rendah jika dibandingkan dengan kadar yang dialami oleh negara-negara lain termasuk negara-negara membangun. Keadaan inflasi telah menjadi stabil di mana angkatanunjuk harga pengguna bagi tempoh Januari-Mac 1992 kekal pada tahap 4.4 peratus.

Pertumbuhan perbelanjaan penggunaan dijangka akan berkurangan pada tahun 1992. Penggunaan swasta mengikut nilai sebenar dijangka akan berkembang dengan perlahan, iaitu pada kadar 5-6 peratus dalam tahun 1992 berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 11.6 peratus dalam tahun 1991 dan 13.6 peratus dalam tahun 1990. Sementara penggunaan awam mengikut nilai sebenar pula dijangka akan meningkat pada paras yang agak tinggi pada tahun 1992, iaitu di sekitar 14 peratus berbanding dengan pertambahan sebanyak 6.5 peratus pada tahun 1990 dan 9.6 peratus pada tahun 1991. Pertambahan yang pesat dalam tahun 1992 adalah disebabkan terutamanya oleh bayaran tunggakan gaji baru kakitangan awam selaras dengan pelaksanaan Sistem Saraan Baru. Kadar pertumbuhan ini akan berkurangan kembali selepas tahun 1992.

Akaun semasa imbalan pembayaran telah mengalami defisit pada tahun 1991, iaitu sebanyak \$12 ribu juta berbanding dengan \$4.5 juta pada tahun 1990. Defisit ini dijangka akan terus meningkat pada tahun 1992. Sebab-sebabnya meliputi perkembangan import yang terus pesat khususnya import untuk pelaburan seperti jentera dan barang perantaraan. Di samping itu kenaikan eksport terus sederhana pada kadar 18.9 peratus disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia. Jumlah ketibaan pelancong juga berkurangan sebanyak 22.7 peratus akibat Krisis Teluk pada awal tahun 1991. Ini telah menyebabkan jumlah pendapatan perjalanan-perjalanan sebanyak 3.5 peratus berbanding dengan pertambahan sebanyak 16.6 peratus dalam tahun 1990.

Kedudukan akaun semasa bagi tahun 1993, 1994 dan 1995 sukar untuk diramal dengan tepat. Namun demikian, kedudukan ini dijangka akan berubah beberapa tahun akan datang berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:

- (a) Bayaran import yang tinggi ke atas jentera dan barangan perantaraan merupakan satu keadaan sementara sahaja. Apabila jentera yang diimport dan input perantaraan tersebut digunakan dalam proses pengeluaran ianya akan membantu prestasi eksport.
- (b) Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan eksport seperti (i) mengadakan perjanjian pembayaran dua hala; (ii) mencari pasaran baru dan bukan tradisional seperti negara-negara di Latin Amerika dan Afrika; dan (iii) memperkukuhkan pasaran-pasaran sedia ada;
- (c) Usaha-usaha sedang diambil untuk membangun dan memajukan kapasiti sektor perkhidmatan dalam negeri khususnya dalam bidang perkapalan, pengangkutan, insurans, pelancongan dan pendidikan tinggi; dan
- (d) Kerajaan juga menggalakkan pelaburan semula dengan memanjangkan tempoh elaun pelaburan semula sebanyak 40 peratus untuk syarikat-syarikat besar dan 50 peratus untuk syarikat-syarikat kecil sehingga 1995.
- (e) Usaha-usaha akan diteruskan untuk mengurangkan jumlah import khususnya barangan modal dan perantaraan melalui dasar kandungan tempatan (dengan izin, local content policy), dasar percukaian dan sebagainya.

## PADANG GOLF—PEMBINAAN

**64. Tuan Michael Lisa Kaya** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapakah jumlah "Golf Course" yang sedang dan juga yang akan dibina di seluruh negara dan pecahan mengikut negeri dan adakah kenyataan ini benar bahawa dengan adanya kemudahan "Golf Course" ini ianya menjadi satu tarikan untuk pelancong-pelancong khususnya daripada negara Timur. Jika benar, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan usahawan-usahawan tempatan untuk melabur dalam sektor pembinaan padang "Golf Course" khususnya di negeri Sarawak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said):** Kementerian Belia dan Sukan sedang menjalankan kajian untuk mengumpul maklumat mengenai padang-padang golf yang ada di negara ini. Pada masa ini maklumat yang dipohon oleh Yang Berhormat tidak tersimpan di Kementerian Belia dan Sukan memandangkan pembangunan dan penyelarasan padang golf adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan negeri dan pihak-pihak berkuasa tempatan. Kerajaan negeri adalah digalakkan menarik usahawan-usahawan tempatan melabur dalam sektor pembinaan padang golf selaras dengan sambutan rakyat tempatan dan pelancong-pelancong yang menunjukkan minat dalam permainan golf.

## HARGA BARANGAN PENGGUNA—KAJIAN SYARIKAT PERUNDING

**65. Tuan Philip Yong Chiew Lip** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) bilakah kajian ke atas harga barangan pengguna di beberapa bandar di Malaysia yang dijalankan oleh konsultan siap; dan

- (b) dapatkah Kementerian memberi jaminan bahawa cadangan-cadangan daripada konsultan perunding itu akan dilaksanakan, utama sekali di Sabah di mana harga barangan pengguna adalah tertinggi di Malaysia.

19-5-92

**22. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sejauh manakah kajian yang dibuat oleh Syarikat Frank Small dan Arthur D. Little antaranya terhadap harga barangan yang terdapat dalam bandar telah selesai dijalankan. Sila butirkan rumusan yang didapati daripada kajian tersebut.

**Dr Sak Cheng Lum:** Terlebih dahulu saya memohon izin menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat dari Johor Bahru pada 19.5.1992 memandangkan soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang sama.

Kajian mengenai perbezaan harga di Malaysia yang dijalankan oleh syarikat perunding Arthur D. Little (Malaysia) Sdn. Bhd. bersama-sama dengan Frank Small & Associates sedang dalam peringkat terakhir dan dijangka akan disampaikan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada pertengahan bulan Mei 1992 ini.

Pada ketika ini agak sukar bagi saya untuk memberi jaminan apa-apa kepada rumusan-rumusan kajian itu kerana ia belum selesai lagi.

#### **LEBIHAN GAJI—JUMLAH KAKITANGAN/WANG TERLIBAT**

**66. Tuan Kerk Kim Hock** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah orang kakitangan awam yang menerima lebihan gaji

berikutan perbeza memindahkan mata gaji sejak 10 tahun lalu;

- (b) jumlah wang yang terlibat; dan  
(c) sama ada Kerajaan bercadang melupuskan lebihan gaji yang dibayar.

**Tuan Othman bin Abdul:** Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini telahpun dijawab di sesi soal jawab mulut Dewan Rakyat pada tarikh 7hb Mei 1992 yang lalu.

#### **BAHASA KEBANGSAAN DI SRJK (C)—PENGAJARAN**

**67. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) mengapa pengumuman Timbalan Menteri Pendidikan Yang Berhormat dari Selangor bahawa Bahasa Kebangsaan akan diajar dari permulaan darjah satu di SRJK (C) tidak ditunaikan;  
(b) sejauh manakah kajian semula KBSR dijalankan dan apakah hasilnya setakat ini, bertanggungjawab dalam kajian ini; dan  
(c) sudahkah cadangan pertukaran guru-guru Ilmu Hisab dan Bahasa Kebangsaan antara Sekolah Kebangsaan dan SRJK(C) telah dijalankan. Jika ya, nyatakan bilangan guru yang terlibat mengikut pecahan jenis sekolah dan negeri.

**Dr Fong Chan Onn:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telahpun mengkaji perkara ini dengan mendalam dari sudut pendidikan dan iktisad dan menetapkan bahawa pengajaran mata pelajaran Bahasa Kebangsaan di SRJK(C)

dan SRJK(T) mula diajarkan pada Semester II persekolahan Tahun I sekolah rendah. Keputusan yang sama juga diambil bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris yang diajarkan mulai Semester II di SK dan SRK. Semester I Tahun I di sekolah rendah ditumpukan sepenuhnya kepada bahasa pengantar.

- (b) Kajian semula KBSR dijalankan dengan secara menyeluruh iaitu meliputi sukatan pelajaran, bahan pengajaran pembelajaran, buku teks, guru, sistem penilaian dan juga pengurusan. Kementerian Pendidikan sedang meneliti semua maklumbalas dan hasil-hasil kajian yang dibuat oleh pelbagai pihak terhadap KBSR serta akan mengambil tindakan terhadap perkara-perkara tersebut.
- (c) Pertukaran guru-guru metamatik dan Bahasa Kebangsaan antara Sekolah Kebangsaan dan SRJK(C) masih di peringkat cadangan dan setiap cadangan memerlukan kajian yang mendalam sebelum ianya dilaksanakan.

#### SEMBURAN UBAT AEDES—TINDAKAN KE ATAS SYARIKAT SWASTA

**68. Tuan Lim Hock Seng** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian telah menswastakan atau membenarkan pihak swasta menyembur ubat Aedes (fogging); apa tindakan boleh diambil oleh Kementerian terhadap syarikat swasta yang memaksa penghuni rumah membayar wang untuk menyembur ubat Aedes.

**Dato' K. Kumaran:** Adalah dimaklumkan bahawa sehingga kini Kementerian Kesihatan tidak pernah menswastakan atau memberikan apa-apa

kebenaran kepada pihak swasta menjalankan semburan ubat Aedes (fogging) ke rumah-rumah.

Kementerian Kesihatan tidak mempunyai apa-apa kuasa di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit Tahun 1975, (Akta 154) ke atas syarikat swasta yang memaksa penghuni rumah membayar wang untuk semburan ubat Aedes (fogging).

#### LUTH—MENGHANTAR ORANG MISKIN MENUNAikan HAJI

**70. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Lembaga Urusan dan Tabung Haji mempunyai rancangan untuk menghantar beberapa orang miskin setahun untuk menunaikan haji sebagai amal jariah yang diambil daripada sebahagian dari keuntungan yang besar setiap tahun.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tabung Haji tidak mempunyai rancangan untuk menghantar beberapa orang miskin untuk menunaikan haji sebagai amal jariah dengan menggunakan sebahagian dari keuntungannya kerana keuntungan ini adalah sebagai amanah dari pendeposit kepada Tabung Haji.

Lagipun, salah satu syarat wajib haji ialah seseorang itu "berkuasa" membayar segala perbelanjaan haji. Dengan lain-lain perkataan, mereka yang tidak mempunyai cukup wang untuk menunaikan fardu haji masih tidak wajib haji ke atasnya.

#### PENGLIBATAN KAKITANGAN KERAJAAN DALAM POLITIK— KEBENARAN

**71. Tuan Foo Piew Kok** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan kakitangan dan pegawai Kerajaan telah dapat kebenaran untuk menyertai kegiatan politik, sama ada parti

pemerintah atau parti Pembangkang dan kegiatan perniagaan. Apakah pendirian Kerajaan mengenai perkara tersebut.

**Tuan Othman bin Abdul:** Mengikut peraturan sekarang, di bawah Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Bab 'D' 1980, kebenaran untuk mengambil bahagian dalam kegiatan politik bagi kakitangan Kerajaan dari Kumpulan Sokongan di bawah Sistem Saraan Baru (SSB), atau dikenali sebagai Kumpulan B, C & D sebelumnya, perlu terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis daripada Kerajaan, yang akan dipertimbangkan oleh Ketua Setiausaha-Ketua Setiausaha Kementerian bagi perkhidmatan bukan gunasama dan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bagi jawatan gunasama. Berdasarkan peraturan tersebut, rekod mengenai jumlah kakitangan Kerajaan yang menyertai kegiatan politik tidak disimpan secara berpusat, kecuali bagi mereka yang berada dalam kategori perkhidmatan gunasama, di mana setakat ini berjumlah 35 orang semuanya. Penyertaan politik bagi Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional di bawah SSB atau dikenali sebagai Kumpulan 'A' sebelumnya adalah dilarang sama sekali.

Mengenai kegiatan perniagaan yang boleh digolongkan sebagai 'pekerjaan luar'. Peraturan Perkara 5, Perintah Am Bab 'D' 1980 menghuraikan bahawa, kecuali setakat mana ia dikehendaki dalam menjalankan tugasnya atau diberi kuasa dengan nyata untuk berbuat demikian oleh Ketua Jabatannya, seseorang pegawai tidak boleh:

- (a) mengambil bahagian secara langsung atau secara tak langsung dalam pengurusan atau perjalanan apa-apa pengusahaan perdagangan, pertanian atau perindustrian;
- (b) menjalankan apa-apa kerja bagi mana-mana institusi, syarikat,

firma atau orang perseorangan, persendirian untuk mendapatkan upah;

- (c) sebagai seorang pakar, memberi apa-apa laporan atau keterangan pakar sama ada dengan percuma atau untuk mendapatkan upah; atau
- (d) bertugas sebagai seorang wasi, pentadbir atau penerima.

Walaupun demikian, seseorang pegawai boleh memohon kebenaran untuk menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu dari jenis yang telah dinyatakan itu, sama ada bagi faedah dirinya atau faedah saudara mara yang dekat atau bagi mana-mana badan yang bukan mencari keuntungan yang ia adalah pemegang jawatannya.

Bagi menimbang sama ada kebenaran patut diberi atau tidak, Ketua Jabatan hendaklah mengambil perhatian tentang tatakelakuan yang ditetapkan, khususnya dengan memastikan bahawa dengan kebenaran itu:

- (a) pekerjaan luar itu hendaklah jangan dilakukan dalam waktu bekerja pejabat dan semasa pegawai itu dikehendaki menjalankan tugas-tugas rasminya;
- (b) aktiviti itu tidak akan dengan apa-apa cara menjejaskan kegunaan pegawai itu sebagai seorang pegawai awam; dan
- (c) pekerjaan atau pengusahaan itu tidak akan dengan apa-apa cara bercanggah dengan kepentingan Jabatan atau menjadi tak sejajar dengan kedudukan pegawai itu sebagai seorang pegawai awam.

Oleh kerana kelulusan tersebut berada di bawah bidangkuasa Ketua-ketua Jabatan di pelbagai peringkat, rekod jumlah yang terlibat dalam kegiatan berkenaan tidak disimpan secara berpusat.

**ANGGOTA ATM  
KE KEMBOJA—ELAUN DAN  
KEMUDAHAN**

**72. Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah jenis elaun-elaun dan jumlah amaunnya serta lain-lain kemudahan yang disediakan bagi anggota pasukan tentera Malaysia yang dihantar berkhidmat di Kemboja di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB); dan
- (b) siapakah yang membiayai segala kos perbelanjaan yang terlibat dalam penghantaran anggota pasukan tentera kita ke Kemboja.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:**

- (a) Setiap anggota ATM yang dihantar berkhidmat ke Kemboja di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu akan mendapat gaji penuh dan segala kemudahan yang sedang dinikmati oleh mereka mengikut pangkat dan kelayakan anggota berkenaan. Selain daripada itu mereka juga menerima elaun dan kemudahan seperti berikut:

- (i) *Elaun dan Kemudahan oleh Kerajaan Malaysia*

Seperti mana yang telah diberikan kepada anggota-anggota ATM yang bertugas di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Namibia, semua anggota ATM akan diberikan Elaun Sara Hidup yang terdiri daripada Elaun Khas dan Elaun Gejala Hidup. Kadar Elaun Sara Hidup ini masih dalam kajian Kementerian Kewangan.

- (ii) *Elaun dan Kemudahan Oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu*

- (a) Elaun Harian pada kadar US\$1.28 sehari.
- (b) Elaun Cuti pada kadar US\$10.50 sehari tertakluk kepada maksimum 7 hari setiap 6 bulan.
- (c) Elaun Perjalanan Tugas Rasmi mengikut kadar yang ditetapkan oleh PBB.
- (d) Elaun Pakar pada kadar US\$291.00 sebulan kepada anggota yang mempunyai kelayakan pakar.
- (e) Kemudahan makan, tempat tinggal dan peralatan secara percuma.
- (b) Semua kos perbelanjaan yang terlibat dalam penghantaran anggota ATM ke Kemboja adalah dibiayai oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

**CUKAI KE ATAS BARANGAN  
PERSENDIRIAN—KADAR**

**73. Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) tidakkah Kementerian Kewangan sedar bahawa kadar duti kastam sebanyak 50% ke atas barangan persendirian yang dibawa masuk penumpang-penumpang termasuk dari Pulau Labuan dan Pulau Langkawi adalah terlalu tinggi dan tidak munasabah; dan
- (b) bolehkah Kerajaan menimbang semula supaya duti kastam ke atas barangan persendirian diturunkan kepada kadar yang

lebih berpatutan dan munasabah selaras dengan usaha meningkatkan pelancongan tempatan dan perbelanjaan yang terpaksa ditanggung oleh mereka yang melancong.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penumpang-penumpang yang berada sekurang-kurangnya 72 jam di luar negeri termasuk di Pulau Labuan dan Pulau Langkawi berhak mendapat pengecualian cukai ke atas barang-barang hadiah (gifts) yang diimport setakat nilai \$500/-. Selepas had \$500/- ini, barang-barang yang lain yang dibawa masuk akan dikenakan cukai pada kadar 50%.

Tujuan mengenakan cukai pada kadar 50% adalah untuk memudahkan pemeriksaan kastam. Kadar duti 50% ini telah ditetapkan berdasarkan kadar purata duti bagi barang-barang yang biasa dibawa oleh penumpang-penumpang yang memasuki Malaysia. Ini meliputi barang-barang tekstil, kulit dan elektrik dan juga bahan-bahan makanan.

Kadar 50% ini adalah dianggap munasabah oleh kerana penumpang-penumpang boleh mendapat pengecualian ke atas barang-barang yang diimport setakat nilai \$500 jika ia berada sekurang-kurangnya 72 jam di Pulau Labuan dan Pulau Langkawi.

**IJAZAH PERUBATAN DARI  
UNIVERSITI MALAYA—  
PENOLAKAN PENGIKTIRAFAN  
OLEH GMC**

**74. Tuan Chor Chee Heung** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah penolakan oleh Lembaga Perubatan Am (GMC) Britain untuk mengakui Ijazah Perubatan Universiti Malaya adalah suatu keputusan politik;

(b) apakah jawapan yang telah diberi oleh Lembaga Perubatan Am (GMC) Britain untuk menolak akui Ijazah Perubatan Universiti Malaya (MBBS); dan

(c) dalam keadaan demikian, adakah Doktor tempatan yang mempunyai kelayakan Ijazah Perubatan Universiti Malaya seperti MBBS adalah layak untuk mengikuti kursus post-graduate di Britain tanpa mengambil sebarang peperiksaan luar.

**Dr Fong Chan Onn:**

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan "General Medical Council" (GMC) di United Kingdom untuk tidak mengiktiraf Ijazah Perubatan (MBBS) dari Universiti Malaya (UM) adalah tidak berasas dengan sebab-sebab yang tidak begitu jelas.

(b) Jawapan yang telah diberikan oleh Lembaga Perubatan Am (GMC) Britain untuk tidak mengakui Ijazah Perubatan dari Universiti Malaya (MBBS) ialah:

(i) Nisbah antara pelajar dan pesakit di Universiti Hospital adalah tidak sesuai.

(ii) Kurikulum tidak memuaskan.

(iii) Pelajar-pelajar kurang mahir berbahasa Inggeris.

(iv) Bilangan tenaga pengajar tidak mencukupi.

(c) Doktor-doktor lepasan dari Universiti Malaya boleh mengikuti kursus Ijazah Lanjutan di Britain dengan syarat dengan memohon untuk mendapatkan Pendapatan Terhad. Syarat ini dikehendaki untuk membolehkan mereka menjalankan kerja-kerja klinikal di hospital-hospital tertentu di Britain. "Pendaftaran"

ini harus disokong oleh penyelia dan pihak hospital berkenaan serta mendapat anjuran dan sokongan yang kuat dari Fakulti Perubatan di Universiti Malaya.

### **KEBERSIHAN ALAM SEKITAR—DASAR UMUM**

**75. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) apakah dasar umum berkaitan dengan pengawasan kebersihan dan pengekalan alam sekitar yang bersih, indah dan nyaman;
- (b) apakah dasar umum berkaitan pembuangan dan kemusnahan bahan-bahan buangan sama ada sampah-sarap atau pembuangan perindustrian dan sebagainya dan setakat manakah peranan dan pengaruh Kementerian ke atas Kerajaan-kerajaan Negeri dan Majlis-majlis Perbandaran bagi menentukan dan mengawasi keselamatan dan keselesaan penduduk-penduduk di dalam menggubal dasar-dasar yang berkenaan; dan
- (c) apakah dan setakat manakah perkembangan dan kejayaan dasar-dasar Kerajaan yang diamalkan berkaitan dengan pembersihan pantai, sungai, jalanraya dan tempat-tempat awam di negara kita.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:**

- (a) Bagi menjawab soalan pertama, saya ingin menjelaskan bahawa dasar umum berkaitan dengan pengawasan kebersihan dan pengekalan alam sekitar yang bersih, indah dan nyaman adalah seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan Rancangan Malaysia Kelima. Dalam Rancangan Malaysia

Ketiga, Kerajaan telah mewujudkan Dasar Alam Sekitar Negara yang secara keseluruhannya memberi pertimbangan kepada faktor-faktor bagi menyeimbangkan keperluan aktiviti-aktiviti manusia dengan alam sekitar, yang antara lain memberi penekanan kepada keperluan untuk mengekalkan keadaan alam sekitar yang sihat bagi kehidupan manusia yang sempurna.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima, usaha-usaha bagi mencapai tujuan Dasar Alam Sekitar Negara diteruskan. Usaha-usaha untuk mengimbangkan eksploitasi sumber-sumber semulajadi telah diberi penekanan utama melalui program-program pengurusan alam sekitar termasuk menggalakkan penglibatan orang awam dan sektor swasta dalam kempen kesedaran alam sekitar, pendidikan dan latihan tentang alam sekitar.

Bagi mengawasi kebersihan dan mengekalkan alam sekitar yang bersih, indah dan nyaman, Kerajaan telah membentuk Pelan Tindakan Negara Bagi Pengurusan Sisa-sisa Pepejal dan mengadakan Program Bersih dan Indah. Program ini secara umumnya adalah untuk mewujudkan alam sekitar yang bersih dan indah dengan melibatkan aktiviti-aktiviti kebersihan seperti kebersihan tandas awam, pantai, parit dan longkang, kampung baru, kampung tradisi dan kawasan setinggan.

- (b) Bagi menjawab soalan kedua, saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan dari masa ke semasa mempertingkatkan tahap pengurusan buangan sampah sarap dan buangan daripada industri. Selain

daripada penguatkuasaan undang-undang, Kerajaan juga telah dan sedang melaksanakan usaha-usaha dalam mempertingkatkan keadaan di tapak-tapak pelupusan sampah sarap dan membangunkan tapak-tapak pelupusan yang baru dengan mengambil kira faktor-faktor alam sekitar. Pengurusan penggunaan bahan-bahan pembungkusan, guna semula, mengenakan kos pengolahan dan pelupusan serta aktiviti-aktiviti pendidikan awam adalah antara usaha-usaha yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi pengurusan sampah sarap. Bagi buangan-buangan industri pula, Kerajaan telah menggalakkan usaha-usaha ke arah pengurangan, kuantiti penghasilan buangan, 'zero waste approach', penggunaan proses pengilangan yang menghasilkan buangan yang minima, perolehan kembali dan penggunaan teknologi bersih.

Bagi mengawasi keselamatan dan keselesaan penduduk, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian-kementerian berkenaan telah dari semasa ke semasa mewujudkan kerjasama yang rapat dengan Kerajaan-kerajaan negeri serta penguasa-penguasa tempatan. Pelaksanaan dasar-dasar untuk tujuan ini disalurkan melalui Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan. Perkara-perkara yang berkaitan dengan kawalan pencemaran alam sekitar pula dibincangkan dalam mesyuarat Exco Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab ke atas alam sekitar.

- (c) Bagi menjawab soalan ketiga, saya ingin menjelaskan bahawa sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pihak-pihak berkuasa berkenaan telah

menumpukan usaha-usaha dalam meningkatkan kepakaran pengurusan peralatan dan amalan-amalan pengumpulan dan pelupusan sampah sarap. Pada amnya penswastaan beberapa aktiviti yang berkaitan dengan kebersihan telah meningkatkan tahap kebersihan bagi kebanyakan tempat. Walau bagaimanapun, tahap kesedaran awam dan kesedaran sivik masih belum mencapai ke tahap yang diharapkan.

Berhubung dengan aktiviti pembersihan pantai, aktiviti ini merupakan aktiviti yang berterusan yang dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan peruntukan tahunan telah dikhaskan bagi aktiviti ini.

Mengenai program pembersihan sungai, pihak-pihak berkuasa berkenaan mempunyai program pemeliharaan sungai di semua peringkat negeri dan daerah. Program ini bertujuan menyelenggarakan sungai-sungai supaya dapat berfungsi sebagai saluran air dengan cekap dan berkesan. Program pemeliharaan sungai ini serta program mencegah banjir yang juga diuruskan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran telah dapat memperbaiki keadaan sungai di samping mengurangkan masalah banjir dan pertakungan air.

Penguatkuasaan peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang mengawal pelepasan effluen ke alurair sedikit sebanyak dapat mempengaruhi kualiti air sungai dan air laut di mana hasil pemerosesan data kualiti air telah menunjukkan pengurangan pencemaran daripada effluen industri yang berasaskan pertanian.

Akhirnya saya ingin merumuskan bahawa agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam perkara ini sentiasa bekerjasama antara satu sama lain berdasarkan kepada bidangkuasa masing-masing untuk mengekalkan alam sekitar yang bersih, indah dan nyaman di negara ini.

#### **KAD PENGENALAN BARU—JUMLAH BELUM DITUNTUT**

**76. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah Kad Pengenalan Baru yang belum dituntut oleh pemiliknya setakat ini;
- (b) langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini;
- (c) jumlah bilangan kes bagi penjualan pasport Antarabangsa kepada rakyat asing; dan
- (d) langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Tuan Ong Ka Ting:** Bagi menjawab soalan

- (a) & (b) Sukacita saya memaklumkan bahawa sehingga hari ini tiada kad pengenalan baru yang tidak dituntut iaitu selepas tempoh yang diberikan berlalu.
- (c) Setakat ini sebanyak 18 pasport Malaysia telah dikenalpasti telah dijual kepada warganegara asing.
- (d) Antara langkah yang telah dan akan diambil bagi mengatasi kegiatan pemalsuan/penjualan Pasport Malaysia ialah:
  - (i) mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan di dalam pasport;

- (ii) memperketatkan proses pengeluaran pasport;

- (iii) menanggung pengeluaran pasport gantian kepada orang-orang yang cuai menjaga pasportnya sehingga menyebabkan hilang.

- (iv) memperingatkan orang ramai supaya menjaga keselamatan pasport yang telah dikeluarkan kepada mereka.

#### **PENDATANG TANPA IZIN—JUMLAH PENDAFTARAN**

**77. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan Pendatang Tanpa Izin yang telah didaftarkan setakat ini mengikut negara asas mereka;
- (b) anggaran kasar jumlah Pendatang Tanpa Izin di seluruh Malaysia;
- (c) sebab-sebab mengapa hanya sebilangan kecil sahaja yang baru mendaftar; dan
- (d) apakah usaha-usaha yang telah diambil untuk mempercepatkan proses pendaftaran.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Jumlah Pekerja Asing Tanpa Izin (PATI) yang telah didaftar sehingga 15.4.92 adalah seramai 88,634 orang. Mereka ini adalah terdiri daripada rakyat negara-negara Indonesia, Bangladesh, Myanmar, India, Thai, Pakistan, Sri Lanka, Filipina, Nigeria, Nepal, Syria, Congo, Djiboti, Ethophia, Cameron, Zaire, Bostwana dan Tanzania.
- (b) Kerajaan tidak dapat membuat anggaran jumlah sebenar PATI yang telah berada di negara ini kerana kehadiran mereka di sini adalah secara tidak teratur.

- (c) Kerajaan tidak dapat memastikan sebab sebenar sebahagian sahaja PATI yang mendaftar. Pada masa ini urusan pendaftaran masih/sedang berjalan dan dijangkakan mereka yang belum mendaftar akan keluar mendaftar pada saat-saat akhir nanti.
- (d) Berbagai langkah telah diambil untuk mempercepatkan proses pendaftaran, antaranya ialah:
- (i) menambahkan pusat pendaftaran PATI di seluruh Semenanjung khususnya di tempat yang berhampiran dengan kawasan ladang dan pembinaan;
  - (ii) membuka kaunter pendaftaran pada hari minggu; dan
  - (iii) mengguna komputer dalam urusan pendaftaran dan urusan mengeluarkan pas.

**UNIVERSITI ISLAM  
ANTARABANGSA—  
PEMBIAYAAN**

**78. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah "grant" tahunan bagi membiayai operasi UIA yang diterima dari negara-negara Islam sejak penubuhan UIA sehingga tahun 1991;
- (b) mengenai bilangan pelajar yang terpaksa berhenti pengajian kerana kenaikan yuran universiti;
- (c) bilangan perletakan jawatan kakitangan akademik di universiti tempatan untuk tahun 1985 hingga 1991 dan kesannya ke atas kualiti siswazah-siswazah; dan

- (d) sebab-sebab mengapa kakitangan akademik di universiti tempatan dan di Institut Teknologi MARA tidak berpuas hati dengan Sistem Saraan Baru (SSB).

**Dr Fong Chan Onn:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebahagian besar dari perbelanjaan untuk Universiti Islam Antarabangsa (UIA) adalah ditanggung oleh Kerajaan Malaysia. Walau bagaimanapun, beberapa negara Islam yang lain juga turut memberi bantuan seperti buku-buku rujukan dan biasiswa kepada pelajar-pelajar UIA.
- (b) Setakat ini tiada lagi pelajar yang tidak dapat meneruskan pengajian akibat dari kenaikan yuran universiti. Kerajaan dengan kerjasama penaja biasiswa dan pihak universiti telah menjalankan berbagai langkah untuk membantu pelajar yang kurang mampu, antaranya:
  - (i) menubuhkan tabung pinjaman pelajar.
  - (ii) menaikkan kadar biasiswa/pinjaman untuk pelajar-pelajar di bawah tajaan mereka.
- (c) Bilangan pensyarah universiti yang meletakkan jawatan sejak lima tahun kebelakangan ini hanya lebih kurang 2% daripada keseluruhannya jumlah kakitangan akademik. Setakat ini ia tidak menjejaskan kualiti siswazah-siswazah dari universiti-universiti tersebut.
- (d) Antara faktor-faktor yang menyebabkan pensyarah universiti dan ITM tidak berpuas

hati terhadap pelaksanaan SSB adalah:

- (i) Hanya jawatan pensyarah dalam bidang-bidang perubahan dan kejuruteraan sahaja yang dianggap sebagai kritikal. Manakala pensyarah-pensyarah dalam bidang-bidang lain tidak mendapat pengiktirafan sedemikian.
- (ii) Kenaikan pangkat pensyarah-pensyarah ke tingkatan kanan, selepas lima tahun berkhidmat tidak lagi secara automatik. Dalam SSB, masa yang lebih lama diambil untuk mendapatkan tanggagaji yang sama.

#### **MAJLIS KEBANGSAAN PENASIHAT PEMBASMIAN KEMISKINAN**

**79. Tuan G. Palanivel** minta Perdana Menteri menyatakan apakah Majlis Kebangsaan Penasihat Pembasmian Kemiskinan akan mempertimbangkan pengambilan wakil-wakil daripada sektor estet terutama estet-estet di mana keadaan sosio-ekonomi masih buruk sekian lama.

**Tuan Othman bin Abdul:** Majlis Kebangsaan Penasihat Pembasmian Kemiskinan masih belum ditubuhkan. Oleh kerana kemiskinan meliputi pelbagai dimensi, dijangka Majlis ini akan meliputi semua sektor secara menyeluruh.

#### **PROJEK MINI HIDRO SUNGAI KEJIN, SARAWAK—KOS PEMBINAAN**

**80. Tuan Harrison Ngau Laing** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos

menyatakan jumlah kos untuk membina sebuah mini hidro di Sungai Kejin, Long Laput, Baram, Sarawak. Bilakah pembinaan akan dimulakan dan bilakah ianya dijangka siap. Berapakah keupayaan pengeluaran elektrik projek ini. Ke manakah tenaga elektrik hasil projek ini akan disalurkan. Berapa banyakkah penduduk yang dijangka menikmati hasil projek ini. Berapa banyakkah tempat di Sarawak khususnya di Baram yang sudah dikenalpasti untuk dimajukan untuk projek mini hidroelektrik.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Projek Mini Hidro Sungai Kejin di Sarawak dirancangan untuk pembinaan pada tahun 1994 dan dijangka siap pada tahun 1995. Anggaran kos projek ini ialah \$7 juta dan keupayaan penjana adalah sebanyak 400 kilowatt. Projek ini apabila siap nanti dijangka dapat membekal kuasa elektrik kepada Long Lama, Long Laput, Sungai Tabi dan Sungai Dua. Sebanyak 2500 penduduk akan menikmati hasil projek ini. Sebanyak 320 tempat di seluruh negeri Sarawak telah dikenalpasti sebagai tapak yang mempunyai potensi untuk projek mini hidro.

Walau bagaimanapun, di Baram belum ada lokasi lain selain dari Sungai Kejin yang boleh menjanakuasa hidro. Usaha-usaha sedang diambil untuk mengenalpasti lokasi-lokasi yang sesuai bagi penjana kuasa hidro di seluruh negeri Sarawak termasuk kawasan Baram.

#### **WAKIL POS SUNGAI DI SARAWAK—PERKHIDMATAN**

**81. Tuan Harrison Ngau Laing** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada perkhidmatan wakil pos sungai (River Postal Agent) akan dihidupkan semula. Jika ya,

bagaimanakah ia akan dijalankan dan berapa banyak wakil diperlukan khususnya untuk Baram, Sarawak. Jika tidak, mengapakah perkhidmatan ini tidak akan dipulihkan.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pos Malaysia sebelum diswastakan pada 1.1.1992 dan dikenali sebagai Jabatan Perkhidmatan Pos pernah mengendalikan Wakil Pos Sungai (Riverine Postal Agency) yang beroperasi di Sungai Rejang di bahagian Sarawak pada tahun 1976 tetapi perkhidmatannya diberhentikan dalam tahun 1982 oleh kerana sambutan yang tidak menggalakkan serta kos operasi yang tinggi. Ini bermakna dari segi operasi wakil pos ini hanya dapat beroperasi di antara 10 hingga 15 hari sahaja dalam sebulan kerana masalah kerosakan. Pada keseluruhannya adalah didapati Pejabat Pos Sungai di Sarawak didapati tidak sesuai jika dilihat dari semua sudut iaitu sambutan, kos dan masalah teknikal.

Oleh yang demikian, Pos Malaysia tiada rancangan setakat ini untuk menubuhkan pejabat pos sungai di Sarawak termasuk kawasan Baram oleh kerana sebab-sebab berkenaan. Di samping itu, Pos Malaysia berpendapat bahawa dengan adanya 7 buah wakil pos di kawasan Baram iaitu:

- (1) Long Teru;
- (2) Long Seridan;
- (3) Long Akah;
- (4) Lubok Nibong;
- (5) Long Lelang;
- (6) Long Atip Apoh; dan
- (7) Long Miri.

adalah memadai untuk orang ramai mendapatkan perkhidmatan pos. Walau bagaimanapun, Pos Malaysia akan

menimbangkan permohonan bagi perkhidmatan pos di kawasan Baram jika ada permintaan tambahan.

#### **PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI DI SARAWAK—PERUNTUKAN**

**82. Tuan Harrison Ngau Laing** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk memajukan perhubungan telekomunikasi di kawasan pedalaman negeri Sarawak, khususnya di kawasan Baram. Berapakah peruntukan ini dalam Rancangan Malaysia Keenam. Bagaimanakah cara perlaksanaannya. Adakah ia berdasarkan permohonan penduduk tempatan atau hasil kajian Kerajaan.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan telekomunikasi luar bandar adalah di bawah rancangan pondok telefon awam luar bandar di mana Telekom Malaysia dipertanggungjawabkan untuk menyediakannya.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Telekom Malaysia telah menyediakan peruntukan sebanyak \$19 juta bagi melaksanakan kemudahan perkhidmatan telekomunikasi di kawasan Baram secara peringkat demi peringkat.

Memandangkan kawasan ini adalah jauh dan terpencil, Telekom Malaysia menghadapi masalah teknikal untuk menyediakan kemudahan yang sempurna. Walau bagaimanapun, Telekom Malaysia akan berusaha untuk menyediakan perkhidmatan melalui penggunaan ATUR, Multi Access Radio System (MARS) dan Radio Call Services dan pelaksanaan projek ini adalah berdasarkan kepada permohonan penduduk tempatan dan hasil kajian Kerajaan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1991 DAN 1992)

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3) 1991

DAN

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1) 1992

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992) dibacakan kali yang kedua sekarang," dan juga atas masalah:

Bahawa Usul yang berikut ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak dua ratus empat puluh satu juta, enam ratus dua puluh empat ribu, lapan ratus tujuh puluh ringgit (\$241,624,870) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1991, untuk menampung sejumlah satu ratus dua puluh juta, lima ratus sembilan puluh sembilan ribu, lapan ratus tujuh puluh ringgit (\$120,599,870) bagi Maksud-Maksud dan Butiran-Butiran (Projek-Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan

Pembangunan Tambahan Ketiga 1991 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1992 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-Maksud dan Butiran-Butiran (Projek-Projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut; dan

- (2) bagi tahun kewangan 1992, untuk menampung sejumlah satu ratus dua puluh satu juta, dua puluh lima ribu ringgit (\$121,025,000) bagi Maksud-Maksud dan Butiran-Butiran (Projek-Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1992 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1992 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-Maksud dan Butiran-Butiran (Projek-Projek) dalam ruang kesebelas dan kedubelas penyata tersebut. (*11hb Mei, 1992*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan diminta sambung serba ringkas yang boleh.

*3.38 ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengenai Sabah Gas Utilisation Project. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa projek yang berkenaan terdiri daripada Sabah Gas Industries Sdn. Bhd. dan Sabah Energy Corporation. Kedua-duanya telah mengalami kerugian terkumpul sebanyak \$1.9 ribu juta pada tahun 1991. Manakala pendedahan Kerajaan Persekutuan dalam projek ini adalah sebanyak \$2.6 ribu juta. Ini termasuk

pinjaman Kerajaan sebanyak \$800 juta dan pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan sebanyak \$1.8 ribu juta. Itu adalah kedudukan Sabah Gas Utilisation Project.

Untuk mengatasi masalah projek tersebut dan untuk mengurangkan bahkan menghapuskan pendedahan Kerajaan Persekutuan, maka Kerajaan telah merancang satu cadangan menyusun semula Sabah Gas Utilisation Project melibatkan langkah-langkah seperti berikut.

Yang pertamanya pengambilalihan Sabah Gas Industry dan Gas Grid milik Sabah Energy Corporation termasuk kesemua aset-aset dan tanggungan pada harga nominal seringggit.

Kedua, seterusnya penjualan aset-aset Sabah Gas Industry dan Gas Grid kepada pihak yang ditentukan seperti berikut:

Gas Grid dan Loji Methanol kepada PETRONAS; Janakuasa Elektrik dijual kepada Lembaga Letrik Sabah; dan Loji Hot Briquetted Iron sekarang di peringkat perundingan dengan Konsortium Besiwaja yang terdiri daripada Amalgamated Steelmill, Southern Iron and Steelworks, dan Malayawata Steel Berhad.

PETRONAS dan Lembaga Letrik Sabah akan menjelaskan harga pembelian aset-aset Sabah Gas Industry yang berkenaan dengan pengambilalihan pinjaman Sabah Gas Utilisation Project. PETRONAS akan mengambilalih pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan setakat harga pembelian Loji Methanol dan Gas Grid, manakala Lembaga Letrik Sabah akan mengambilalih pinjaman Kerajaan setakat hanya pembelian Janakuasa Elektrik. Harga pembelian loji Hot Briquetted Iron masih dalam rundingan.

Selepas tindakan yang dibuat, kekurangan yang timbul masih lagi pada jumlah satu bilion ringgit. Maka kesemua ini perlu dijelaskan dan untuk

menjelaskan jumlah yang sebanyak \$1 bilion itu, maka Kerajaan:

- (i) mengambil langkah menghapuskan baki pinjaman Kerajaan kepada Sabah Gas Utilisation Project sebanyak \$694.4 juta;
- (ii) menyediakan peruntukan bagi membalikkan pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan sebanyak \$327.6 juta.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan untuk mengambilalih Sabah Gas Industry dan Gas Grid dan seterusnya penjualan aset-asetnya adalah dengan persetujuan dan kerjasama pihak Kerajaan Negeri Sabah, pihak PETRONAS dan juga Lembaga Letrik Sabah. Maka langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan adalah dengan harapan bahawa ianya dalam jangka masa yang panjang boleh membangunkan industri-industri yang berkenaan melalui penglibatan secara langsung oleh PETRONAS, Lembaga Letrik Sabah dan Konsortium Besiwaja yang mempunyai kepakaran dan yang mempunyai kepentingan secara langsung dan juga synergy masing-masing dalam bidang-bidang yang berkenaan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tadi mendapat arahan daripada Tuan Yang di-Pertua supaya cepat habiskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merujuk perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengenai kursus bina semangat bahawa untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kumpulan sasaran kursus bina semangat ini adalah seperti berikut: iaitu kumpulan belia; kumpulan pentadbiran awam; kumpulan swasa; kumpulan politik

termasuk Menteri-menteri dan Ahli-ahli politik; kumpulan pendidik; kumpulan masyarakat awam; dan kumpulan pemimpin akar umbi.

Adalah nyata bahawa para Menteri dan Ahli-ahli politik termasuk di dalam kumpulan sasar yang akan diberikan kursus bina semangat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Menteri-menteri dan kesemua pemimpin peringkat Kerajaan telahpun melalui program yang berkenaan dan kalau Ahli-ahli Pembangkang yang tidak ada halangan, maka.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kepong bangun lagi. Hendak minta penjelasankah Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, hendak minta penjelasan.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:**..... program ini adalah merangkumi program-program Ahli-ahli politik daripada mana-mana pihak.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan. Saya hendak merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas mengenai nilai ringgit. Nilai ringgit telah mula menjadi kukuh berbanding dengan beberapa matawang utama mulai penghujung tahun 1991. Dalam tempoh 3 bulan pertama tahun ini, nilai ringgit meningkat sebanyak 5.8% berbanding dengan Dollar Amerika Syarikat; 11.7% terhadap Yen Jepun; 15.7% terhadap Deutsche Mark; dan 7.9% terhadap Dollar Singapura. Kenaikan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor:

- (i) prestasi ekonomi negara yang kukuh beberapa tahun

kebelakangan ini telah menyebabkan keyakinan terhadap ringgit menjadi semakin kukuh;

- (ii) kadar faedah yang tinggi dalam negara telah menurun pengaliran masuk dana wang asing ke dalam sistem kewangan negara kita serta menggalakkan pengeksporth-pengeksporth membawa balik hasil eksport ke negara;
- (iii) permintaan untuk ringgit bertambah berikutan daripada pengaliran masuk modal asing yang tinggi untuk pelaburan di Malaysia;
- (iv) kedudukan Dollar Amerika Syarikat yang lemah dalam pasaran antarabangsa berikutan daripada pertumbuhan ekonomi Amerika yang lebih perlahan.

Nilai ringgit yang tinggi buat masa ini mempunyai beberapa implikasi ke atas ekonomi Malaysia. Ini termasuklah:

- (i) harga barang-barang import akan menjadi lebih murah berikutan daripada peningkatan nilai ringgit. Ini mungkin menggalakkan lebih banyak import. Walau bagaimanapun, harga import yang murah boleh mengurangkan kos pengeluaran industri-industri tempatan oleh kerana kebanyakan daripada pengilang-pengilang mengimport sebahagian besar import serta alat-alat kelengkapan mereka;
- (ii) kenaikan nilai ringgit juga boleh memberi manfaat kepada negara dari segi pengurangan dalam jumlah dana tempatan yang perlu diperuntukkan bagi membayar balik hutang luar negara;
- (iii) kekukuhan nilai ringgit juga dapat mengurangkan inflasi

yang diimport dan selanjutnya menyederhanakan kadar inflasi dalam negeri;

- (iv) kenaikan nilai ringgit mungkin menjejaskan daya saing berapa pengeksport-pengeksport. Walau bagaimanapun, masalah ini boleh diatasi jika pengeksport-pengeksport kita meningkatkan produktiviti mereka dan kurang berharap kepada faktor kadar tukaran wang luar.

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai masalah hakisan pantai di Pasir Mas, Kelantan bahawa dalam Rancangan Malaysia Keenam, peruntukan sebanyak \$100 juta telah diluluskan bagi Projek Hakisan Pantai Negara yang bertujuan untuk melaksanakan projek mengawal hakisan pantai yang telah dikenalpasti. Kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti adalah dibuat berdasarkan kajian hakisan pantai negara yang telah dibuat pada tahun 1985 dan kawasan-kawasan yang kritikal telah disenaraikan untuk melaksanakan projek pengawalan hakisan ini.

Bagi tahun 1992, sejumlah \$33 juta telah diluluskan bagi sejumlah 28 kawasan yang dikenalpasti. Kawasan pantai dekat Pasir Mas adalah tidak termasuk di dalam senarai kawasan yang telah dikenalpasti di bawah kajian ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian akan dimaklumkan berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut. Seterusnya Kementerian tersebut akan mengemukakan masalah ini kepada Majlis Kawalan Hakisan Pantai Negara di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri untuk mempertimbangkan sama ada kawasan tersebut memerlukan bantuan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong

Kerajaan telah menawarkan \$10 juta saham Telekom Malaysia Berhad kepada kaum India. Pada mulanya tawaran tersebut telah dibuat kepada MAIKA bagi keseluruhan \$10 juta saham tersebut. Walau bagaimanapun, atas nasihat pihak MAIKA, disebabkan kedudukan kewangannya yang tidak kukuh, Kementerian Kewangan telah mengagihkan semula tawaran \$10 juta saham tersebut kepada kaum India melalui MAIKA \$1 juta, dan \$3 juta saham bagi setiap 3 syarikat lain iaitu S. B. Management Services Sendirian Berhad, Advanced Personal Computers Sdn. Bhd. dan Careway Sdn. Bhd.

Persoalan mengenai pemilikan 3 syarikat lain, Kementerian Kewangan menerimanya 'in good faith' dan tidak mempersoalkan status dan kedudukan ketiga-tiga syarikat berkenaan kerana persoalan pengagihan saham seterusnya kepada kaum India adalah terserah kepada budi bicara dan tanggungjawab pihak-pihak berkenaan yang telah diperuntukkan saham-saham tersebut.

Mengenai sama ada wujud peruntukan saham Telekom Malaysia khas bagi kaum Cina, adalah dimaklumkan bahawa tidak ada peruntukan sedemikian. Seperti yang diperuntukkan bagi kaum bumiputera dan kaum India kerana kaum Cina adalah sedia aktif dalam pegangan ekuiti saham dan aktiviti pelaburan di Bursa Saham Kuala Lumpur kerana tahap kemampuan serta kefahaman dan pengalaman mereka memang telah jelas diketahui umum. Dalam hubungan ini, tahap pegangan ekuiti kaum-kaum Cina dalam syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur adalah sedia aktif dan dengan demikian tidak memerlukan tawaran khas seperti yang diberikan kepada kaum bumiputera dan kaum India.

Menjawab serentak soalan daripada .....

**Tuan Lim Kit Siang: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan demi kepentingan orang ramai. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa ada diperuntukkan \$10 juta saham Telekom kepada MAIKA. Adakah beliau sedar bahawa Pengerusi MAIKA, Tan Sri G. Pasamanickam sudah kata bahawa beliau tidak tahu langsung mengenai peruntukan itu. Beliau sebagai Pengerusi MAIKA baru tahu peruntukan \$1 juta. Bukankah ini menunjukkan bahawa ada skandal, ada salahguna kuasa, ada penyelewengan yang perlu disiasat?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab daripada awal tadi mengatakan bahawa di peringkat melaksanakan keputusan Kerajaan, bahawa Kerajaan membuat pendirian 'in good faith' untuk kepentingan masyarakat kaum India. Kalau sekiranya ada perkara-perkara yang berbangkit daripada langkah tersebut, maka pihak Kementerian Kewangan khususnya bersedia untuk diambil langkah-langkah sama ada oleh pihak BPR atau siapa-siapa untuk menyiasat tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjawab serentak dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas dalam hal saham ini.

Mengenai pengagihan tawaran khas secara langsung Saham Tenaga Nasional Berhad kepada pelabur-pelabur bumiputera oleh Kementerian Kewangan, pemilihan dibuat melalui proses pendaftaran syarikat-syarikat bumiputera oleh Kementerian Kewangan dan dari senarai syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, pada keseluruhannya sebanyak 1,035 buah syarikat bumiputera telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antara-bangsa dan Industri bagi pemilihan

syarikat-syarikat bumiputera yang layak ditawarkan saham TNB. Dari jumlah tersebut, hanya sebanyak 965 buah syarikat bumiputera yang ditawarkan Saham TNB dan kebanyakannya diperuntukkan di antara 15,000 unit saham kepada 25,000 unit saham melalui proses mini balloting.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tawaran khas Saham TNB kepada pelabur-pelabur bumiputera adalah yang paling terbesar iaitu 300 juta saham dalam sejarah korporat Malaysia dan melibatkan bilangan syarikat dan institusi pelabur bumiputera yang agak terbesar.

Saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai Bank Pertanian. Isu-isu yang dibangkitkan tertumpu kepada kedudukan kewangan bank dan juga kewibawaan Pengurus Besar yang dipinjamkan dari Bank Negara.

Kementerian Kewangan mula memutuskan supaya tindakan tegas diambil bagi membaikpulih kedudukan operasi bank sejak penghujung tahun 1989.

Sebagai tindakan awal ke arah pemulihan kedudukan kewangan Bank Pertanian Malaysia, Kementerian Kewangan berpendapat masalah pengurusan Bank Pertanian Malaysia itu sendiri perlu diperkemas dan selaras dengan matlamat ini Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertanian bersetuju supaya seorang pegawai kanan Bank Negara Malaysia dipinjamkan sebagai Pengurus Besar Bank Pertanian Malaysia.

Sejak perlantikan Pengurus Besar ini, Kementerian Kewangan sentiasa mengawasi tindakan-tindakan yang diambil oleh beliau dalam men-cadangkan perubahan-perubahan untuk mengatasi masalah-masalah yang telah menyebabkan kedudukan kewangannya meruncing. Ini meliputi usaha-usaha membanteras apapun langkah-langkah

negatif, menyusun semula struktur organisasi, memperkenalkan kaedah-kaedah amalan bank yang berpandukan kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara serta mengambil tindakan tegas untuk mengutip hutang-hutang lapuk.

Sejak Kementerian Kewangan mengambil tindakan tegas mempengaruhi supaya pentadbiran Bank Pertanian Malaysia diperkemas, terdapat tanda-tanda pemulihan telah berlaku. Ini dilihat dari segi prestasi kewangan dalam tahun 1991 yang menunjukkan Bank Pertanian Malaysia telah mencatat keuntungan setelah mengalami kerugian dalam tahun-tahun sebelumnya.

Tidak dapat dinafikan bahawa faktor penting yang membawa kepada pemulihan ini ialah perlantikan Pengurus Besar yang dipinjamkan oleh Bank Negara Malaysia sejak bulan Julai 1990. Sungguhpun terdapat tanda-tanda pemulihan, Kementerian Kewangan akan meneruskan pengawasannya terhadap bank ini bagi menentukan prestasinya terus meningkat dan kerugian terkumpulnya dapat dihapuskan dalam masa sesingkat yang boleh. Di samping mengawasi prestasi operasinya, Kementerian Kewangan juga menilai dari masa ke semasa struktur modal Bank Pertanian Malaysia. Walau bagaimanapun, buat masa ini Kementerian Kewangan mengutamakan tindakan-tindakan memperbaiki pengurusan dalaman Bank Pertanian Malaysia sebelum membuat apa-apa pendirian mengenai keperluan modal baru untuk memulihkan kedudukan kewangan Bank Pertanian Malaysia.

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Masalah yang saya telah timbulkan ialah mengenai pengawalan pengurusan Bank Pertanian oleh Kerajaan dan tanggungjawab Kerajaan. Bukankah benar bahawa dalam perkara ini, Kerajaan sudah lalai dan cuai dalam

tanggungjawabnya khasnya apabila Yang Berhormat Menteri Pertanian dalam penjelasannya berkata sebagai satu contoh di sini, bahawa Koperasi SHAMELIN Berhad dan Syarikat SHAMELIN Holdings Berhad tidak pernah meminjam wang daripada Bank Pertanian.

Di sini adalah akaun-akaun nama Kumpulan SHAMELIN:

“Akaun HQ 135-7

Akaun 179-17

Akaun 179-21

Akaun 193-52

Akaun 193-12

Akaun 207-4

Akaun 193-23

Akaun 193-30

Akaun 202-3

Akaun 181-3 hingga 181-13.

Pada 31hb Disember 1989, Kumpulan SHAMELIN yang berhutang sebanyak \$24,562,318, tiada cagaran, tiada perjanjian yang kukuh dari peminjam berkenaan bagi pembayaran semula pinjaman, tiada cagaran diberikan—Coopers & Lybrand. “

Mana ada seorang Menteri datang ke Dewan ini mengatakan pinjaman tidak diberi oleh Bank Pertanian kepada SHAMELIN apabila ada pembohong (mislead) Dewan ini. Bukankah ini menunjukkan Kerajaan tidak bertanggungjawab dalam perkara, mahu menutup satu skandal \$405 juta, skandal Bank Pertanian Malaysia. Inilah bukti. Kalau mahu bukti dia ada di sini dan patut Yang Berhormat Menteri Pertanian dirujuk kepada Committee of Privileges oleh kerana bohong dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengulang apa yang saya sebut sebentar tadi bahawa dalam usaha untuk menyusun semula

struktur organisasi, maka pengurusan yang ada pada hari ini memikul tanggungjawab untuk memperkenalkan kaedah-kaedah amalan bank yang berpandukan kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara serta mengambil tindakan yang tegas terhadap apapun hutang-hutang termasuk hutang-hutang lapuk.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong mengenai Kolej Tunku Abdul Rahman. Kerajaan telah meluluskan penubuhan Kolej Tunku Abdul Rahman College dan bersetuju memberi bantuan kewangan dan lain-lain bantuan kepada Kolej tersebut. Bantuan kewangan yang diberikan adalah atas dasar setengah-setengah one-to-one, dengan izin, bagi perbelanjaan modal dan juga perbelanjaan pengurusan tahunan.

Semenjak dari awal-awal lagi pihak Kolej telah bersetuju bahawa Kolej ini akan diurus dan ditadbir tertakluk kepada Akta Pelajaran 1991 dan mematuhi Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Suratcara Kerajaan atau Instrument of Government, dengan izin, bagi Kolej ini telah ditetapkan dan dipersetujui. Suratcara ini memberi cukup perlindungan bagi menentukan bahawa pengurusan dan pentadbiran Kolej ini berjalan dengan betul. Menteri Pendidikan dan Menteri Kewangan ada wakil-wakilnya dalam Majlis Kolej ini dan juga Jawatankuasa kewangannya. Tiap-tiap tahun Kolej akan menghantar kepada Menteri Pendidikan anggaran pendapatan dan perbelanjaan dan penyata kira-kira yang telah diauditkan. Kolej ini juga akan menghantar kepada Menteri Pendidikan laporan tahunan mengenai aktiviti akademik dan lain-lain.

Adalah menjadi dasar Kolej ini untuk mengambil penuntut dari semua kaum dan peruntukan ini ada dalam Suratcara Kerajaan.

Untuk Perbelanjaan Pembangunan, sumbangan Kerajaan ialah dua juta ringgit untuk Rancangan Malaysia Kelima dan permohonan sebanyak \$20 juta di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan bagi tahun 1993 permohonan telah diterima untuk membantu Kolej tersebut bagi tujuan pembiayaan Perbelanjaan Pengurusan dan juga Pembangunan.

Anggaran keseluruhannya bagi Kolej tersebut untuk Belanja Pengurusan dan Pembangunan adalah seperti berikut:

<i>Tahun 1993</i>	
<i>Pengurusan</i>	<i>Pembangunan</i>
\$17.7 juta	\$20 juta

Permohonan ini telahpun dipersetujui oleh Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga bahawa jumlah \$20 juta ini bagi Perbelanjaan Pembangunan 1993, adalah sebahagian daripada jumlah Anggaran Pembangunan yang diperlukan bagi tahun 1991 hingga 1995. Sejumlah \$40 juta bagi projek-projek seperti berikut iaitu pembinaan bangunan dewan, perpustakaan, pusat pelajar, kompleks sukan, sekolah teknologi, kompleks cawangan di Johor Bahru dan kompleks cawangan di Pulau Pinang dan diperlukan 50% ataupun \$20 juta daripada pihak Kerajaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya DAP hendak sama-sama menyumbang maka sepatutnya DAP bukan sahaja berterima kasih kepada Kerajaan tetapi juga cuba membantu pembiayaan kolej berkenaan berdasarkan kepada perjanjian Kerajaan—\$1 daripada Kerajaan dan \$1 daripada sumber kolej.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perkara yang.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak? Kota Melaka bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih. Saya hendak bertanya sama ada apakah sebabnya pihak Kerajaan enggan memberikan grant secara langsung kepada Kolej Tunku Abdul Rahman kerana jumlah yang disebutkan di sini adalah \$20 juta, kerana satu jumlah yang kecil kalau kita berbanding dengan jumlah peruntukan yang disediakan untuk bidang pendidikan dan juga untuk Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini di mana Kementerian Pendidikan diberikan, saya ingat, kalau saya tidak silap, \$103 bilion dan \$20 juta berbanding dengan jumlah yang besar ini adalah sangat kecil. Mengapakah pihak Kerajaan tidak mahu memberikan grant secara langsung untuk Kolej Tunku Abdul Rahman dan adakah Menteri MCA, khususnya Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang ada di sini, pernah meminta atau memohon daripada pihak Kerajaan supaya grant penuh dan grant secara langsung ini diberikan kepada Kolej Tunku Abdul Rahman. Kalau mereka tidak mohon, saya rasa DAP hendak memohon bagi pihak MCA (*Ketawa*) untuk Kolej Abdul Rahman bahawa grant penuh sebanyak \$20 juta diberikan dan saya rasa Tuan Yang di-Pertua pun akan bersetuju. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Mengapa hendak babitkan Kerusi pula, Yang Berhormat? (*Ketawa*)

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Yang Berhormat dari Kota Melaka sepatutnya menghormati perjanjian asal dari segi pembiayaan, satu demi satu. Dan kalau pun DAP memohon, besar kemungkinan tidak akan dilayan oleh Kerajaan. Sepatutnya DAP merujuk kepada kemampuannya untuk memenuhi perjanjian asal, satu daripada sumber DAP dan satu daripada sumber

Kerajaan seperti yang dikendalikan oleh MCA dengan setia dan taatnya. (*Tepuk*)

**Tuan Lim Guan Eng:** MCA.....

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai isu gaji dan elaun anggota Polis DiRaja Malaysia yang dikatakannya tidak setaraf dengan anggota perkhidmatan awam dan dimaklumkan bahawa pihak Polis DiRaja Malaysia telah mengemukakan memorandum kepada Jabatan Perkhidmatan Awam mencadangkan supaya disamatarafkan beberapa elaun anggota Polis dengan anggota perkhidmatan awam. Memorandum itu telah diangkat ke pertimbangan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Jawatankuasa Kabinet berkenaan telah menimbang cadangan itu dan memutuskan supaya cadangan asal Kerajaan mengenai gaji, elaun, kemudahan dan gred jawatan dikekalkan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Sistem Saraan Baru. Ini adalah memandangkan kedudukan saraan perkhidmatan Polis ditetapkan berdasarkan relativitinya dalam struktur perkhidmatan awam.

Untuk makluman, selain daripada Polis DiRaja Malaysia, Kerajaan juga telah menerima memorandum daripada beberapa perkhidmatan lain mencadangkan supaya diperbaiki kedudukan gaji, elaun dan kemudahan dalam perkhidmatan masing-masing. Keputusan Kerajaan ialah segala apa yang telah ditetapkan oleh Kerajaan di bawah SSB hendaklah dikekalkan. Sebarang anomali yang berbangkit ekoran pelaksanaan SSB hendaklah ditimbang di bawah Akta Tribunal Perkhidmatan Awam yang usul pindaannya dibentangkan dalam Sidang Parlimen sekarang.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan sedikit lagi. Mengenai kedudukan Ahli Yang Berhormat dari Pendang, untuk makluman Dewan ini bahawa Badan Pencegah Rasuah telahpun menjalankan siasatan berhubung dengan dakwaan ke atas Setiausaha Parlimen yang berkenaan. Hasil siasatan mendapati bahawa Yang Berhormat berkenaan tidak menyedari bahawa namanya telah tercatat sebagai Pengarah Syarikat mulai 31hb Mei, 1990 oleh Setiausaha Syarikat kerana Yang Berhormat berkenaan tidak menyemak perkara ini dengan rekod syarikat. Walau bagaimanapun, sebaik sahaja menyedarinya Yang Berhormat berkenaan telah meletakkan jawatan dengan serta-merta pada 3hb Jun, 1991. Namun begitu, Yang Berhormat berkenaan masih memegang saham syarikat Kurnia Damai Sdn. Bhd. dan perkara ini tidaklah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Syarikat atau undang-undang yang lain. Hasil siasatan juga mendapati bahawa tidak berlaku sebarang perbuatan rasuah dalam pemilikan saham oleh Yang Berhormat berkenaan yang mana wang diperolehi secara pinjaman. Pemilikan saham ini telah diisytiharkan oleh Yang Berhormat berkenaan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam borang pengisytiharan harta dengan menyatakan saham yang diperolehi itu adalah secara pinjaman. Walaupun memegang saham dengan syarikat tersebut.....

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kok Lanas bangun.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Terima kasih. Saya hendak habiskan ini. Didapati tidak aktif dalam perniagaan syarikat dan tidak pula mengambil kesempatan terhadap saham syarikat selaras dengan peraturan yang ada. Rumusannya BPR tidak perlu mengambil apa-apa tindakan lanjut kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan tidak melanggar mana-mana undang-undang rasuah ataupun peraturan berhubung dengan isu yang berbangkit.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** (*Bangun*)

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang mengenai Solarvest Sdn. Bhd.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kok Lanas bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Saya sudah beralih tajuk, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, salah satu daripada syarat pajakan ialah keahlian kelab golf yang berkenaan akan dibina sebegitu rupa tidak melebihi 4,500 ahli. Dari segi permohonan syarikat untuk mengutip yuran kemasukan keahlian daripada 800 ahli pertama, Datuk Bandar telahpun memberi persetujuan dengan mengenakan syarat supaya yuran kemasukan yang dikutip, iaitu \$70,000 seorang, dimasukkan ke dalam Simpanan Tetap dan tidak digunakan sehinggalah sekurang-kurangnya 18 lubang padang golf boleh mula dimainkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

**Tuan Wee Choo Keong:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bukit Bintang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bukit Bintang boleh bangkit dalam Jawatankuasa nanti. (*Ketawa*)

Bahawa iklim pelaburan di Malaysia adalah baik; kemasukan pelaburan asing ke negara ini masih lagi pada tahap yang tinggi dan menggalakkan. Walaupun secara keseluruhannya, kemasukan pelaburan adalah berada pada tahap yang tinggi, negeri Kelantan tidak berjaya menarik pelaburan asing. Selain daripada faktor-faktor lokasi dan infrastruktur, pelabur-pelabur juga mungkin ditakutkan oleh beberapa kenyataan yang dibuat oleh Kerajaan PAS yang menjadikan iklim pelaburan di negeri tersebut kerana menarik. Seterusnya, ini akan menjejaskan kedudukan ekonomi negeri Kelantan.

Dalam hubungan ini, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat seolah mempertikaikan keadaan kemiskinan di negeri Kelantan, walaupun angka-angka menunjukkan rakyat negeri Kelantan adalah miskin. Misalnya, pendapatan per kapita rakyat Kelantan adalah 40% daripada purata bagi seluruh negara. Adakah beliau berpendapat kemiskinan itu adalah takdir ataupun beliau berpendapat negeri Kelantan adalah sebuah negeri yang kaya. Sekiranya rakyat negeri Kelantan tidak miskin, kenapakah Kerajaan negeri memohon pelbagai peruntukan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan di negeri Kelantan. Sekiranya benar, negeri Kelantan boleh berdikari seperti yang telah didakwa semasa kempen

pilihanraya tahun 1990 tidak perlulah Kerajaan Kelantan menggesakan Kerajaan Pusat menyediakan lebih banyak peruntukan bagi negeri Kelantan. Adakah ini merupakan satu bukti bahawa Kerajaan PAS hendak mengeneppikan tanggungjawabnya untuk membasmi kemiskinan di negeri Kelantan?

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat juga mendakwa bahawa terdapat diskriminasi dalam peruntukan Kerajaan Persekutuan. Ahli Yang Berhormat kata negeri Kelantan tidak miskin, sekarang mahukan dan merayu kepada peruntukan. Kerajaan Persekutuan tidak mengamalkan diskriminasi dalam mengeluarkan peruntukan. Semua rakyat miskin akan dibantu. Skim PPRT, misalnya, dilaksanakan di seluruh Malaysia, termasuk Kelantan. Sekadar-kita hendakkan pemimpin Kelantan menyedari bahawa ianya datang daripada pihak Kerajaan Persekutuan dan tidak diputarbelitkan. Kita menubuhkan Jabatan Pembangunan di negeri Kelantan dan juga Sabah khusus untuk memastikan bahawa projek-projek pembangunan yang diperuntukkan dapat dilaksanakan dengan licin dan baik dan tidak ada diskriminasi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ada perkara-perkara yang dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tidak dapat saya jawab di dalam rumusan ini, saya mohon maaf dan saya percaya bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat kalau ianya ada kaitan boleh membangkitkannya di peringkat Jawatankuasa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bahawa Usul ini di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak dua ratus empat puluh satu juta, enam ratus dua puluh empat ribu, lapan ratus tujuh puluh ringgit (\$241,624,870) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi jumlah kewangan 1991, untuk menampung sejumlah satu ratus dua puluh juta, lima ratus sembilan puluh sembilan ribu, lapan ratus tujuh puluh ringgit (\$120,599,870) bagi Maksud-Maksud dan Butiran-Butiran (Projek-Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1991 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1992 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-Maksud dan Butiran-Butiran (Projek-Projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1992, untuk menampung sejumlah satu ratus dua puluh satu juta,

dua puluh lima ribu ringgit (\$121,025,000) bagi Maksud-Maksud dan Butiran-Butiran (Projek-Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1992 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1992 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-Maksud dan Butiran-Butiran (Projek-Projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$507,461,000 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1991 bagi Maksud-maksud Bekalan B.4, B.5, B.7, B.10 dan B.17 hingga B.21, B.23 dan B.25 hingga B.28, B.30, B.32 hingga B.34, B.36, B.39, B.40, B.43, B.45, B.47 dan B.51 hingga B.54, B.56 dan B.57 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$929,176,500 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1992 bagi Maksud-maksud Bekalan B.7, B.14, B.17, B.22, B.26 hingga B.28, B.30, B.45, B.52 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual. Wang sejumlah tidak lebih daripada \$120,599,870 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan (Bil. 3) Tahun 1991 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.17, P.18, P.28, P.43, P.44 dan P.54 untuk Kementerian-kementerian yang ber-

kenaan seperti yang ditunjukkan di dalam Penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1992 dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$121,025,000 yang diperuntukkan di dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan (Bil. 1) Tahun 1992 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.17, P.19, P.42 dan P.47 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan di dalam Penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1992 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telahpun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran-anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 1991 dan 1992 dan juga Anggaran-anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1991 dan 1992 kelmarin. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Tambahan ini adalah juga diberi di dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3A Tahun 1992 dan 4A Tahun 1992 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga Tahun 1991 dan Tambahan Pertama Tahun 1992 dan Kertas Perintah 5A Tahun 1992 dan 6A Tahun 1992 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1991 dan Tambahan Pertama 1992. Oleh itu saya tidak berhajat untuk memberi apa-apa penerangan tambahan lagi. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

*Maksud B 4, B.5, B.7 dan B.10 (Jadual Pertama)—*

*Maksud B.7 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P.7 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1)) 1992—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.4, B.5, B.7 dan B.10 dan Kepala Pembangunan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Kepong.

4.16 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, B. 7 mengenai Kursus-kursus Bina Negara. Saya telahpun mendengar ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang mengatakan ramai pemimpin Kerajaan telah menyertai kursus-kursus Bina Negara termasuk Menteri-menteri. Kalau begitu kursus-kursus yang ada sekarang tidak begitu berkesan kerana nampaknya ada setengah-setengah Menteri yang tidak dapat menunaikan kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawab terutamanya mengenai konsep bersih, cekap dan amanah. Adalah perlu bagi pihak Kerajaan untuk mempertingkatkan lagi mutu ataupun kualiti kursus-kursus tersebut termasuk menumpukan perhatian yang lebih ke atas kod etika perilaku yang telahpun saya cadangkan semalam. Itulah satu langkah yang perlu diambil memandangkan hasrat pihak Kerajaan untuk memajukan negara ini sehingga menjadi sebuah negara yang maju pada tahun 2020. Kalau tidak menumpukan perhatian ke atas kod etika seperti ini, saya tidak nampak bagaimana pihak Kerajaan dapat mencapai matlamatnya. Walau bagaimanapun, memang kita mengetahui jawapan-jawapan yang diberi oleh pihak Kerajaan mengenai kursus ini ataupun mengenai perkara-perkara yang lain, cuma jawapan yang dianggap baik, yang seronok didengar, tetapi tidak semestinya membayangkan keadaan yang sebenar.

Tuan Pengerusi, saya nampak perbelanjaan dibuat untuk mempelawa wartawan-wartawan daripada negara-negara Selatan ke Malaysia mulai dari bulan Februari tahun ini hingga Jun 1992 dan daripada laporan yang telah kita baca bahawa memang ada setengah-setengah wartawan daripada negara-negara Selatan ini terutamanya mereka yang pergi ke Sarawak sangat bergembira menyaksikan keadaan di Sarawak dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, memang saya tidak menyangkal keperluan untuk pihak Kerajaan negara ini untuk menonjolkan imej yang baik bagi negara kita. Untuk menonjolkan begitu bersih, cekap dan amanah pihak Kerajaan, pihak negara pentadbiran Malaysia dan daripada berbagai bidang termasuk ekonomi, pertanian, industri dan sebagainya, semua ini memang kita hendaklah menunjukkan kepada pihak negara-negara luar begitu gagahnya pentadbiran dan bidang-bidang sosio dan ekonomi Malaysia. Setakat ini saya nampak kalau kita pergi ke luar negara, memang negara-negara seperti Singapura dan Indonesia ataupun Filipina lebih di kenali oleh penduduk-penduduk di seberang laut. Mungkin kerana inilah kita perlu mempertingkatkan penonjolan imej Malaysia.

Walau bagaimanapun, kalau apa yang berlaku sepertimana yang disarankan oleh pihak kami mengenai penyelewengan termasuk skandal, pengurusan kewangan yang tidak begitu tepat terutamanya mengenai projek-projek penswastaan. Jadi, ini akan menonjolkan imej yang tidak baik, sebab itulah saya menggunakan kesempatan ini untuk membangkitkan hal ini supaya tidak kita membelanjakan lebih \$2 juta untuk mempelawa wartawan-wartawan yang tak asing ke negara ini kemudian telah berlaku penyelewengan, kecurangan dan kesalahan-kesalahan yang amat sangat terutamanya ke atas pengurusan kewangan.

Nampaknya Padang Terap pun setujulah. Setuju. Ini termasuk Tuan Pengerusi, kaliber, kerana ada wartawan-wartawan yang masuk ke Dewan yang mulia ini dan nampaknya Menteri ataupun Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen yang tidak dengan sepenuhnya menunjukkan kebolehan ataupun kaliber, misalnya tadi ada yang tidak menjawab soalan dengan betul, mengelakkan menjawab soalan, itu tidak betul. Tidak akan menonjolkan imej yang baik kepada

wartawan negara-negara Selatan yang masih melawat Malaysia sampai bulan Jun ini.

Tuan Pengerusi, ada satu lagi di dalam Jabatan Perdana Menteri yang disebutkan di sini ialah mengenai IOFC di Labuan, ada peruntukan untuk IOFC di Labuan.

**Tuan Pengerusi:** Di bawah butiran berapa Yang Berhormat?

**Dr Tan Seng Giaw:** B.7, memang ada.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Ada. Labuan, Tuan Pengerusi, IOFC Labuan. Ada satu lagi, Tuan Pengerusi, IOFC Labuan.

**Seorang ahli:** Tidurkah?

**Dr Tan Seng Giaw:** Memang tidak tidurlah. (*Ketawa*)

**Dato' Dr Affuddin bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya hendak tolong dia, Kertas Perintah 6A, dia dok cari Labuan tadi.

**Dr Tan Seng Giaw:** 6A. Ya, terima kasihlah. 6A itu mengenai Labuan, itu tambahan B. 7 Tuan Pengerusi, saya sudah sebutkan B. 7 tadi. B. 7 iaitu tambahan sebanyak lebih \$48 juta dikehendaki untuk pengambilan balik tanah di Wilayah Persekutuan Labuan untuk maksud IOFC dan bukan sahaja tanah itu ada perkara-perkara yang lain juga.

Tuan Pengerusi, adalah perlu bagi pihak Kerajaan untuk mengkaji trend bagi harga-harga tanah di Wilayah Persekutuan Labuan yang meningkat dengan pesat. Saya diberitahu bahawa kalau sebelum IOFC diumumkan bahawa tanah itu kalau harganya \$500,000 sekarang meningkat ke satu juta dan ini mungkin akan menjejaskan

IOFC di Labuan kerana harganya tidak dikawal.

Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa dari segi kecekapan untuk menguruskan semua IOFC ini kita tidak sepatutnya membenarkan segelintir orang saya yang dapat meraih keuntungan daripada Labuan menjadi pusat IOFC dan berulang kali pihak DAP telah membangkitkan hal pemilihan tanah, hal harga tanah di Labuan, sehingga ada seorang Ahli Yang Berhormat beberapa tahun yang lepas, kerana ada sebutkan angka yang besar sedikit yang mana ke atasnya telah diambil tindakan. Tuan Pengerusi pun boleh ingat lagilah mengenai tanah ini, dan pada pendapat saya apa yang dibangkitkan walaupun dikenakan tindakan oleh Dewan Rakyat ke atas bekas Yang Berhormat Sandakan, beliau ada membuat jasa yang baik untuk mempertahankan Labuan, untuk mempertahankan kebanyakan penduduk Labuan yang tidak dapat meraih keuntungan dan tidak dapat sama-sama menikmati faedah yang akan timbul ke atas Labuan sebagai IOFC.

Tuan Pengerusi, patutlah kita memperketatkan cara-cara mengontrolkan orang-orang yang akan melabur di Labuan. Misalnya pegawai-pegawai bank, berapa bank yang boleh memasuki dan sebagainya. Misalnya ada kenyataan daripada Gabenor Bank Negara, Tan Sri Jaffar Hussin yang mengatakan license of offshore banks dan insurance firms, dengan izin, Tuan Pengerusi, "that have been allowed to operate management offices in Kuala Lumpur can only use them as the base for their Chief Executive Officers (CEO). CEO yang boleh menggunakan off-shore bank offices di Kuala Lumpur, dengan demikian kita dapat mengendali, mengawalseliakan hal itu.

Macammana kita hendak tahu CEO sahaja yang dapat menggunakan pejabat-pejabat yang disebutkan oleh Gabenor Bank Negara? Kita patut mengambil

langkah-langkah yang lebih tegas, ketat untuk mengawasi hal ini sebab saya berpendapat kalau kita tidak menggunakan langkah-langkah yang ketat, maka ada banyak peluang bagi pihak yang membawa wang-wang yang tidak diinginkan ataupun wang yang didapati dengan cara-cara yang tidak betul untuk dibersihkan di IOFC ini termasuk melalui Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, saya nampaknya ada satu persembahan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Hong Kong untuk menjualkan IOFC sebagai satu persembahan road-show, dia buat road-show di Hong Kong. Yang Berhormat Menteri Kewangan patut memberi laporan kepada Dewan yang mulia ini samada road-show itu ada berjaya atau tidak untuk menjualkan IOFC di Hong Kong. Patutlah beliau menerangkan sama ada pihak-pihak yang tertentu terutamanya bank-bank yang besar dan pelabur-pelabur yang besar yang akan menempatkan pelaburannya di Labuan. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi: Nilam Puri.**

*4.30 ptg.*

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam Anggaran Maksud B. 7 Butiran 020000 - Jabatan Perdana Menteri, dalam hal peruntukan yang telah diberikan kepada ANC sebanyak \$4.2 juta. Soalnya, kenapa Kerajaan menjalankan dasar yang berbeza terhadap memberi bantuan kepada sesuatu pertubuhan ataupun kepada sesuatu badan. ANC adalah satu pertubuhan parti Pembangkang di Afrika Selatan yang menentang Dasar Apartheid yang menentang dasar perbezaan warna kulit walaupun perjuangan mereka ada tuduhan mengatakan mereka juga bertujuan dalam membentuk cara tidak melalui pilihanraya ataupun cara senjata dan sebagainya.

Kita bersetuju Kerajaan mengeluarkan perbelanjaan sebanyak itu untuk membantu ANC tetapi pada masa yang sama kenapakah Kerajaan tidak mengeluarkan bantuan kurang daripada itu atau sebanyak itu kepada badan-badan orang-orang yang tertindas yang berjuang untuk mencapai kemerdekaan seperti umat Islam di Kashmir yang mereka itu menurut Bangsa-bangsa Bersatu supaya diadakan referendum kepada rakyat Kashmir untuk menentukan sama ada mereka hendak memilih duduk di bawah India atau di bawah Pakistan. Sekarang mereka ditindas begitu dahsyat dan Malaysia tidaklah menghulurkan bantuan seperti mereka menghulurkan bantuan kepada ANC yang diketuai oleh Nelson Mandela. Barangkali kita boleh faham kerana perjuangan ANC ini mendapat sokongan menyeluruh termasuk daripada negara Barat dan juga Amerika Syarikat. Bila Barat dan Amerika menyokong barulah Malaysia berani menyokong secara terbuka, tetapi apabila Barat dan Amerika tidak menyokong, nampaknya Malaysia teragak-agak untuk menyokong ataupun memberi bantuan terutama sekali yang bersangkutan-paut dengan perjuangan Islam dan umat Islam. Bantuan sebanyak itu tidak diberikan kepada perjuangan di Palestin bahkan sekarang umat Islam yang tertindas Bosnia-Herzegovina. Sepatutnya Kerajaan memikirkan untuk memberi bantuan lebih banyak daripada itu kerana mereka ini tidak mendapat sokongan negara-negara Barat. Kalau negara seperti Malaysia tidak menyokongnya, maka mereka akan tertindas lebih dasyat. Begitu juga bantuan yang dihulurkan kepada mereka terutama sekali umat Islam yang terpaksa dihalau keluar daripada Burma sekarang ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah berucap dalam dasar dahulu.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri):** Ya. Saya hendak masuk balik.

**Tuan Pengerusi:** Jangan ulang balikkah.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri):** Di Afrika Selatan kita memberi bantuan \$4.2 juta dan juga ada lagi satu badan yang tertindas iaitu Pertubuhan Belia Islam di sana juga menghadapi dasar apartheid di Afrika Selatan. Kita tidak nampak Kerajaan menghulurkan bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan Islam yang tertindas di Afrika Selatan. Walaupun begitu, kami menyokong bantuan yang diberikan kepada ANC tetapi kena lihat lebih luas bantuan-bantuan sepatutnya diberi kepada pertubuhan-pertubuhan lain di Afrika Selatan dan di lain-lain tempat.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B.7 juga di mukasurat 6 iaitu perbelanjaan \$1.481 juta untuk papan tanda video matrix di Dataran Merdeka. Perbelanjaan begini besar dikeluarkan sudah tentu kita mahu ianya memberi faedah kepada masyarakat terutama penduduk warga-kota di Kuala Lumpur. Video ini diadakan dan kita berterima kasih bila ada ceramah-ceramah di situ, ada pertunjukan di situ kita dapat lihat muka orang yang bercakap itu dengan lebih terang dan lebih jelas seperti ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Ahmad Deedat di Dataran Merdeka, ramailah orang dapat menatap wajahnya secara dekat muka ustaz yang terkenal dari Afrika Selatan itu. Tetapi kita lihat apabila tiada program-program tertentu maka video ini digunakan untuk menayangkan filem-filem biasa yang dipancarkan dari RTM atau TV3 menyebabkan video matrix yang mahal ini digunakan oleh muda-mudi untuk melepaskan masa lapang mereka iaitu mereka berkumpul di situ setiap malam tanpa arah menonton televisyen dan selepas habis siaran mereka berkeliaran

pula di tempat-tempat lain yang mana kita lihat pasukan Polis sekarang ini melaporkan banyak kejadian-kejadian anak-anak sekolah mengambil peluang menuntun filem-filem di Dataran Merdeka dan selepas itu mereka merayau-rayau pula di luar daripada Dataran Merdeka ini. Sudah tentulah kita lihat video ini yang boleh memberi manfaat akhirnya ia membawa bencana pula kepada muda-mudi. Sebab itulah Kerajaan perlu memikirkan semula jikalau tidak ada program-program rasmi di situ, video itu sepatutnya ditutup sahaja kerana dengan adanya pemasangan video itu setiap malam, maka ia memberi peluang kepada anak muda untuk berpoya-poya terutama sekali anak-anak sekolah, mereka lebih suka berada di padang lapang daripada berada di rumah di samping ibu bapa.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran yang sama juga di Dataran Merdeka itu, kita melihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika merasmikan upacara di situ ketika menyambut "Tahun Melawat ASEAN" di Dataran Merdeka, dia merasmikan dengan melafazkan "Bismillahir-rahmanir-rahim" dan satu ingatan kepada Allah s.w.t., memuji Allah Pemurah dan Penyayang, tetapi selepas itu program di Dataran Merdeka itu dipenuhi dengan tarian-tarian yang tidak melambangkan dengan pujian kepada Allah ketika dibuka oleh Perdana Menteri di peringkat awal itu. Kita harap perkara ini tidak berulang. Kita perlu memanfaatkan Dataran Merdeka itu untuk masa depan anak-anak muda kita terutama dalam menjayakan cita-cita penerapan nilai-nilai Islam. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Pasir Mas.

4.39 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Butiran B.7 dan juga Maksud B.4 hanya sekadar untuk membangkit atau hendak bertanya

beberapa persoalan untuk mendapatkan jawapan dan saya tidak bercadang untuk berucap seperti Kepong dan Nilam Puri terutamanya mengenai dengan Maksud B.7, Jabatan Perdana Menteri, peruntukan tambahan sebanyak \$38,380,000.

Yang pertamanya iaitu mengenai dengan \$30,877,800 untuk projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan-kemudahan awam dan sosial. Saya ingin bertanya kepada Jabatan Perdana Menteri apakah dalam peruntukan ini diperuntukkan untuk menjelaskan tunggakan kepada kontraktor-kontraktor Kelantan yang telah membuat kerja-kerja, projek-projek kecil sebelum pilihanraya tahun 1990 baru-baru ini? Apakah pihak Jabatan Perdana Menteri menyedari bahawa sebelum pilihanraya 1990, Wakil Rakyat atau ADUN dari Barisan Nasional ada mencadangkan projek-projek kecil. Bukan melulus; mencadangkan projek-projek kecil. Dan projek-projek ini telah dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor kecil dan selepas pilihanraya saya difahamkan "Waran Arahan Kerja" telah dihantar kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri beralih tangan dan peruntukan itu telah dipindah atau dipergunakan oleh pihak lain.

Oleh yang demikian, keseluruhan jumlah yang saya dapati belum lagi diselesaikan kepada kontraktor-kontraktor kecil ini lebih kurang \$5 juta. Itu lebih kurang, saya tidak dapat angka yang pasti, tetapi saya difahamkan lebih kurang \$5 juta belum diselesaikan. Kalau perkara ini belum diselesaikan, saya ingin merayu supaya pihak Kerajaan mempertimbangkan kerana mereka ini adalah kontraktor-kontraktor kecil, kontraktor-kontraktor bumiputera dan mereka melaksanakan projek ini atas cadangan daripada ADUN-ADUN Barisan Nasional pada waktu itu. Jika tidak sudah barang tentu ianya memberi masalah kepada mereka ini kerana kerja-kerja tersebut sudahpun diselesaikan. Ada yang membaiki madrasah, ada yang

mbaiki jalan, ada yang membaiki masjid dan seumpamanya.

Manakala saya juga telah didatangi oleh beberapa kontraktor ini dan saya juga mencadangkan kepada mereka supaya memohon dengan Kerajaan PAS Kelantan, terutamanya lebih-lebih lagi kalau membaiki madrasah dan masjid. Tetapi sebagaimana kita sedia maklum, mereka tidak ada duit, manakala duit yang dihantar sebelum ini mungkin untuk projek tersebut tetapi telah dipergunakan. Saya difahamkan telah "dipergunakan" oleh Wakil-wakil Rakyat yang ada sekarang dengan projek-projek baru. Maka saya kira satu obligation kepada Kerajaan Pusat khususnya supaya mempertimbangkan agar kontraktor-kontraktor kecil ini dapat pembelaan dan mereka boleh meneruskan usaha mereka sebagai ahli-ahli usahawan yang sudahpun menjalankan kerja mereka dengan baik dan sempurna.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua ialah B.4 Suruhanjaya Pilihanraya. Peruntukan ini ialah untuk masalah menampung perbelanjaan pilihanraya di negeri Sarawak dan juga negeri Sabah. Saya ingin mengemukakan persoalan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada Suruhanjaya Pilihanraya. Sesudah berlaku peristiwa dua pilihanraya kecil di Kelantan baru-baru ini, dan saya sudah berucap dengan panjang lebar di waktu Titah DiRaja; saya ingin bertanya apakah pihak Suruhanjaya Pilihanraya sudah mengkaji atau pihak Kerajaan bercadang untuk mengubah ataupun mengadakan perubahan kepada Akta Pilihanraya. Kerana di waktu peristiwa pilihanraya kecil di Kelantan baru-baru ini, sesudah dua ADUN dilucut secara yang tidak bertanggungjawab oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan di mana pada masa itu kes tersebut dalam mahkamah dan akhirnya Suruhanjaya Pilihanraya mengisytiharkan kawasan tersebut kosong dan pilihanraya kecil diadakan. Kes itu berada dalam

mahkamah dan kemudian Mahkamah Agung secara ringkas mendapati bahawa pemecatan itu tidak sah, maka pilihanraya sekaligus juga tidak sah.

Ini bererti sesuatu peraturan dari segi Akta Pilihanraya mesti dibuat kerana precedent ini sudah berlaku, supaya perkara ini tidak berulang lagi. Bagaimana dari segi pentakrifan undang-undang? Apabila Dewan Undangan Negeri yang dikatakan "supreme" melucutkan anggotanya dan pada masa yang sama ada pihak yang membawa kes kepada mahkamah tetapi dalam konteks pilihanraya bila diisytiharkan kosong, maka pilihanraya tersebut mesti diadakan. Ini sudah ada precedent.

Saya minta perkara ini diberi perhatian serius supaya ianya tidak berulang lagi sebab ianya bukan sahaja melibatkan banyak wang tetapi juga nyata sekali timbul perkara-perkara yang negatif dalam proses kita mempertahankan konsep demokrasi. Perkara-perkara seumpama ini tentulah Nilam Puri tidak sebut dan Kepong pun tidak sebut. Kerana perkara-perkara seumpama ini kepada mereka tidak penting. Yang penting pada mereka, kalau orang DAP, kalau timbul masalah yang berkait dengan MCA, dia serang MCA. Kalau orang Semangat 46, kalau ada celah-celah sedikit bolehlah tumpang sedikit-sedikit.

**Tuan Pengerusi:** Ini tidak bersangkutan, Yang Berhormat. Kita dalam Jawatankuasa ini.....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Hendak tutup ini. Memang sekitar itulah, Tuan Pengerusi. Jadi itu sahaja, Tuan Pengerusi, yang saya bangkitkan dan tidak sama dengan Nilam Puri tadi kerana semalam dia kata saya tidak ada pendirian, saya pun hendak beritahu juga dalam penutup ini Nilam Puri pun tidak ada pendirian, sekejap bertanding di Pulau Pinang sekejap bertanding di Kelantan untuk cari kemenangan. Dan

saya harap dia tidak bertandinglah di "Uzberkistan" pada pilihanraya akan datang, sebab kemungkinan dia ada sokongan banyak di sana. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Padang Terap. Selepas itu Menteri menjawab.

4.47 ptg.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Kertas Perintah 3A Tahun 1992 iaitu Maksud B.4 Suruhanjaya Pilihanraya di bawah perkara (ii) iaitu sebanyak \$2.142 juta adalah untuk menampung perbelanjaan pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sabah dan Pilihanraya Umum 1990 dan kenaikan gaji 5%.

Saya merujuk kepada Pilihanraya Umum 1990. Mengenai dengan penggunaan tempat membuang undi (polling station) misalnya di kawasan Jerai iaitu satu daripada polling stationnya dibuat di Bukit Besar iaitu di sekolah Arab di situ, yang mana kawasan itu merupakan satu kawasan yang tidak berkecuali yang mana pengundi-pengundi terpaksa melalui satu gauntlet iaitu jalan yang di kiri-kanan dipenuhi dengan pondok-pondok daripada penyokong satu parti sahaja. Jadi ini adalah saya fikir satu pilihan yang tidak kena pada tempatnya. Dan kawasan-kawasan lain pun ada begitu.

Saya cadangkan supaya Suruhanjaya Pilihanraya memilih sekolah-sekolah iaitu sekolah-sekolah Kerajaan sepenuhnya yang mana keadaan berkecuali dari segi persekitaran itu wujud yang mana pengundi-pengundi dapat pergi dengan tidak mempunyai apa-apa apprehension, dengan izin.

Perkara kedua, iaitu Maksud B.7 di dalam Kertas Perintah yang sama mengenai dengan apa yang diper-cakapkan tadi oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas iaitu tambahan sebanyak

\$30.877 juta untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan-kemudahan awam dan sosial yang diminta untuk tahun 1992 ini. Saya ingin mengetahui daripada pihak Kementerian mengenai dengan pola-pola pengagihan wang ini. Kerana apabila kita menyebut sahaja infrastruktur kecil, saya dapati pengagihannya dibuat secara random atau secara rambang, tidak ada systematic planning yang mana perbelanjaan itu akan mendatangkan produktiviti yang tinggi sepertimana Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan berkata pada hari kelmarin iaitu perbelanjaan infrastruktur ialah satu cara untuk memastikan bahawa produktiviti akan terus meningkat walaupun KDNK naik dan kemungkinan overheating of the economy, dengan izin, akan berlaku. Tetapi dengan adanya perbelanjaan infrastruktur ianya akan membawa satu akibat spread, dengan izin, kepada ekonomi.

Jadi, Tuan Pengerusi, jikalau tidak dirancang dengan sistematik di mana infrastruktur-infrastruktur kecil iaitu pembinaan jalan (link road) yang memakan belanja sebanyak \$1 juta itu tidak dibuat secara sistematik, kemungkinan apa yang diper-cakapkan oleh Timbalan Menteri kelmarin tidak tercapai.

Misalannya Tuan Pengerusi, trend kita pada masa ini ialah membina infrastruktur Utara-Selatan, Timur-Barat tidak banyak. Jadi, berlaku di kawasan Semenanjung khususnya, kawasan-kawasan yang merupakan kawasan 'vacuum' yang tertinggal. Link-road tidak cukup, jadi saya harap, saya akan mendapat penerangan lebih lanjut bagi kita meneliti apakah perbelanjaan yang diminta ini, seperti mana yang telah saya bangkitkan pada hari kelmarin akan betul-betul membawa peningkatan produktiviti pada keseluruhan semua sektor ekonomi dan seterusnya memberi sokongan kepada peningkatan pengeluaran goods and

services yang lebih tinggi untuk mempertahankan tahap pertumbuhan KDNK yang tinggi tetapi di dalam masa itu juga mengawal inflasi sepertimana yang hendak dilakukan oleh pihak Kerajaan kita.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, mengenai dengan butiran yang sama Maksud B. 7, perkara (v) iaitu sebanyak \$772 ribu untuk membiayai perbelanjaan mengurus Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri yang ditubuhkan pada bulan Ogos, 1991. Saya ingin tahu apakah content kurikulum Institut ini. Apakah para diplomat kita akan terus disediakan dengan kemahiran public relation ataupun perhubungan diplomasi sahaja atau apakah ditambah lagi matapelajaran seperti perdagangan, international economics dan lain-lain yang sesuai dengan usaha Kerajaan kita untuk menjadi Malaysia ini suatu negara yang boleh menjangkau tangan ekonominya ke seluruh dunia iaitu boleh mengambil bahagian di dalam process the globalisation of the national economy pada masa ini? Jadi, apakah ini dimasukkan dan berapa banyakkah pegawai-pegawai yang setakat ini dilatih dan apakah perancangannya masa hadapan mengenai dengan bilangan latihan dan juga content tadi? Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Menteri menjawab.

*4.54 ptg.*

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian bagi membicarakan butiran-butiran di bawah Jabatan Perdana Menteri. Insha Allah saya akan mengambil sedikit masa untuk menjelaskan pandangan-pandangan ataupun pertanyaan-pertanyaan yang telah dikeluarkan untuk Jabatan Perdana Menteri.

Pertamanya, pertanyaan yang telahpun dikeluarkan oleh Yang Berhormat dari Kepong mengenai Program Bina Negara yang telah dijalankan. Memang tepat bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun menjalankan kursus bagi Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen yang telahpun dijalankan dengan tujuan untuk menjelaskan beberapa perkara yang harus diketahui tentang dasar-dasar ataupun program-program yang dijalankan terutamanya dalam peningkatan kerja bagi mencapai hasrat cita-cita Wawasan 2020 yang telahpun disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dan sudah pastilah salah satu daripadanya termasuk seperti yang telah Yang Berhormat sebutkan iaitu konsep bersih, cekap dan amanah yang telahpun diketengahkan lama dahulu dan konsep ini masih diteruskan dalam amalan Kerajaan.

Saya tidak dapat hendak menyebutkan tentang tingkah laku ataupun dengan menggambarkan hanya seorang Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen, maka kalau kita hendak gambarkan seluruh negara kita tidak mempunyai pemimpin-pemimpin yang tidak bersih, tidak cekap dan tidak amanah, adalah tidak adil hendak menggambarkan begitu kerana ianya adalah satu-satu perkara yang tertentu dan dalam satu-satu masa yang tertentu sahaja.

Perkara yang kedua ialah mengenai lawatan wartawan. Ingin saya menjelaskan bahawa memanglah Kerajaan telah membiayai wartawan-wartawan daripada negara Selatan-Selatan untuk melawat negara kita dengan tujuan untuk menunjukkan perkembangan ekonomi, sosial dan politik negara kita dan kitalah yang seharusnya dapat memperkenalkan negara kita. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa kita harus memperkenalkan, penonjolan negara kita tetapi sayangnya ada juga

orang-orang negara kita sendiri yang menjatuhkan maruah dan martabat negara kita sendiri di luar negeri. Kita mengharapkan bahawa semua rakyat yang bertanggungjawab termasuk Ahli-ahli Parlimen, Pembangkang DAP, PAS, S. 46, walaupun.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Kepong bangun Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, boleh beritahu dia bahawa saya tidak pernah hendak merosakkan imej negara Malaysia. Bila saya keluar negeri - ini Malaysia negara saya yang utama, yang cantik, yang baik, itu sikap saya, jangan bimbang. Cuma saya hendak minta ialah kita adakan kursus-kursus Program Bina Negara dan sebagainya dengan teratur, termasuklah kita memasukkan kod etika perilaku Menteri-menteri. Itu tidak disebutkan tadi.

**Tuan Othman bin Abdul:** Terima kasih, saya pun tidak menyebutkan bahawa Yang Berhormat dari Kepong adalah salah seorang daripadanya. Saya hanya menyebutkan memang ada, tetapi kalau mungkin memang ada di kalangan Yang Berhormat, itu terpulanglah kepada citarasa Yang Berhormat. Tentang Kod Etika—memang di dalam Kerajaan ada disebutkan tentang ketertiban, tata susila - ini memang ada di dalam Kursus Bina Negara yang insya Allah akan dipanggil untuk melalui proses ini, semua pemimpin, pegawai dan rakyat juga akan dipilih, dan kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat DAP hendak masuk bolehlah kemukakan tawaran kepada Kerajaan. Kita boleh bawa masuk ke dalam kursus untuk tertibkan mereka supaya mereka juga sama-sama memahami akan citarasa seluruh rakyat dalam negara kita.

Tentang teguran Yang Berhormat mengenai Labuan (IOFC), sukalah saya menjelaskan bahawa peruntukkan ini ialah peruntukkan acquire, bagi membeli

tanah di Labuan ini untuk membuat projek pembangunan Kerajaan dan sudah pastilah dengan segala peraturan-peraturan yang telah diadakan oleh Kerajaan yang ada, teguran Yang Berhormat tentang kenaikan harga tanah dan sebagainya akan diambil kira oleh Kerajaan dan saya hendak menyebutkan bahawa telah beberapa kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menasihatkan orang-orang Bumiputera sama ada di Labuan ataupun di Pulau Langkawi supaya jangan menjual tanah-tanah mereka, bahkan kita cuba berkongsi dalam satu-satu bidang perniagaan supaya hasilnya itu akan dapat diperolehi dan dinikmati bersama. Jadi, saya hendak menyebutkan bahawa Kerajaan memang ada program, ada perancangan dan ada peraturan-peraturan yang khusus untuk kita menggalakkan supaya lebih ramai orang datang untuk membuka bank dan pejabat insuransnya di Labuan. Kita perlu ingat juga bahawa jika sekiranya kita mengenakan terlalu ketat dan terlalu banyak peraturan, kita dapati pelabur-pelabur tidak akan datang untuk melabur di negeri kita. Oleh sebab itu, sudah pastilah pertimbangan yang sihat daripada pihak Kerajaan bagi membolehkan lebih ramai pelabur datang perlu ditimbang. Saya rasakan bahawa Kerajaan kita amat teliti untuk mengambil ataupun mempelawa pelabur-pelabur datang ke negara kita dan sememangnya benar bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan telahpun menjelajah termasuklah Hong Kong untuk menjual Labuan. Dalam erti kata untuk memanggil lebih ramai pelabur-pelabur datang untuk menanam modal di Pulau Labuan. Saya tidak tahulah sama ada road-shownya berjaya atau tidak, tetapi saya yakin bahawa dengan keyakinan, keteguhan, kestabilan ekonomi dan juga politik negara kita, mungkin lebih ramai pelabur-pelabur akan datang untuk melabur di Malaysia dan di Pulau Labuan.

Yang Berhormat dari Nilam Puri menyebutkan tentang ANC di mana

peruntukkan sebanyak \$4.2 juta telahpun diberikan bantuan kepada Kumpulan ANC ini. Sukalah saya hendak menasihatkan rakan saya daripada Nilam Puri ini bahawa Kerajaan harus mengkaji situasi dalam sesuatu negara sebelum kita mengeluarkan sesuatu bantuan. Tidak semestinya bahawa negara-negara yang disokong oleh Barat ataupun Amerika, kita akan memberi sokongan moral ataupun kewangan.

Kita harus menyedari bahawa ketegasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang dalam menghadapi negara-negara maju termasuk negara Amerika Syarikat telah diketahui umum. Dengan sebab itu kalau sekiranya kita menyebutkan bahawa satu kelompok tertentu dalam sebuah negara tertentu yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, maka setiap kelompok ini akan diberi bantuan maka sudah pasti ianya akan menimbulkan satu suasana yang tidak baik, pandangan yang tidak baik terhadap negara kita. Kita kena melihat suasana itu, kita memang menyedari dan kita memang simpati terhadap perjuangan umat Islam seluruh dunia, tetapi kita perlu menghormati negara lain yang berdaulat, seperti juga kita mahu orang lain menghormati negara kita. Dengan sebab itu kita harus pertimbangkan dengan sebaik-baik mungkin untuk kita memberikan sebarang komen kita ataupun sebarang bantuan yang harus diberikan kepada sesuatu kumpulan.

Saya hendak menegaskan bahawa Kerajaan memang bersedia jika sekiranya Kerajaan yang dipimpin oleh Barisan Nasional, memang ada soal pelarian Myanmar, Kerajaan telah mengeluarkan peruntukan yang telahpun diluluskan oleh pihak Kabinet untuk kita serahkan. Jadi, ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional bersimpati dengan perjuangan mana-mana sahaja rakyat yang disebutkan kumpulan yang tertindas, jika sekiranya mereka benar-benar tertindas, tidak boleh hidup dalam negara mereka disebabkan oleh keadaan

di dalam negara mereka. Jadi, soal ini saya hendak sebutkan bahawa bukanlah kerana Amerika menyokong ANC, Eropah menyokong ANC maka kita perlu mengeluarkan bantuan. Kerajaan mengkaji sedalam-dalamnya sesuatu peruntukan ataupun cadangan untuk membantu sesuatu kumpulan di dalam negara asing, berasaskan kriteria-kriteria tertentu. Ini saya yakin bahawa keputusan yang dibuat oleh Kerajaan bukanlah satu keputusan yang ringan atau main-main sahaja.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat menyebutkan tentang videomatriks yang diletakkan di Dataran Merdeka. Kita meletakkan itu untuk kepentingan masyarakat ramai yang ada di Kuala Lumpur. Jika sekiranya ada perkara-perkara yang baik, kita siarkan melalui videomatriks ini untuk kepentingan masyarakat umum juga. Jadi, jika sekiranya ada yang tidak baik pada pandangan Ahli Yang Berhormat, maka itu menjadi tanggungjawab kita bersama, jika sekiranya ada pada anggapan kita, ada orang yang mengatakan televisyen tidak baik, tetapi di dalam rumahnya ada juga televisyen, dia juga beli televisyen, tetapi dia bersyarah kepada orang kampung, televisyen tidak baik, unsur negatif. Dalam rumahnya pun ada, dalam rumah Ahli Yang Berhormat pun ada, saya yakin dia pun ada televisyen, tetapi dia bersyarah kepada orang kampung, televisyen tidak baik. Jadi, ini juga macam itulah. Sudah pasti adalah sedikit sebanyak pandangan-pandangan yang saya menghormati bahawa kita boleh mempertimbangkan pandangan-pandangan itu.

Dan Ahli dari Pasir Mas, tentang projek kecil Kerajaan. Saya hendak menjelaskan sesuatu perbelanjaan yang dijalankan oleh Kerajaan dalam projek kecil atau mana-mana projek, jika projek kecil ini biasanya dijalankan di pejabat daerah yang dikeluarkan pesanan tempatan atau local order, maka selepas itu bayaran harus dibuat. Jika disahkan

segala pembinaan itu dijalankan dengan baik, maka perbelanjaan harus dijelaskan. Tetapi saya takut, kalau projek ini sudah dijalankan, local order tidak dikeluarkan, hanya projek itu dijalankan terlebih dahulu, maka itu sudah pasti adalah sukar bagi Kerajaan untuk menjelaskan projek yang semacam itu, kerana projek yang dijalankan tetapi local order ataupun pesanan tempatan ini tidak dikeluarkan.

Ini kita kena melalui tatacara Arahan Perbendaharaan yang jelas, kalau tidak kita menyalahi peraturan-peraturan Arahan Perbendaharaan ini, maka kita telah melakukan kesalahan. Jadi, saya tidak dapat hendak melihat bagaimana keadaan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa lebih kurang \$5 juta tidak dijelaskan oleh Kerajaan terhadap.....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Dia bangun Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sebenarnya perkara ini dalam pengetahuan Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan kerana mereka yang terlibat ini sudahpun berunding banyak kali dan kerja-kerja telah dilaksanakan mendapat pengesahan. Soalnya, masalah bayaran, dari segi soal teknik. Jadi, persoalan saya, saya hendak minta apakah Yang Berhormat sedia untuk menyasat perkara ini dan langkah-langkah yang segera dan perlu diambil sekurang-kurangnya memuaskan hati semua pihak. Kalau sudah tidak boleh bayar, tidak boleh bayarlah, tetapi sekurang-kurangnya saya ingin tahu apakah perkara ini mendapat perhatian serius daripada Jabatan Perdana Menteri.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Pengerusi, sememangnya jika sekiranya projek itu dijalankan dengan betul dan projek itu memang diluluskan oleh Kerajaan, maka bila dijalankan dengan betul dan telah dilaksanakan, maka itu tanggungjawab Kerajaan untuk melaksanakannya. Saya takut di atas keraguan saya ini bahawa jika sekiranya projek itu mungkin tidak ada, hanya dijanjikan untuk dilakukan, dilaksanakan, yang itu Kerajaan tidak jamin bahawa kita akan bayar segala projek yang dijalankan, yang tidak ada seperti yang dijanjikan. Kalau sekiranya projek yang diluluskan, ada dalam peruntukan Kerajaan, telah dilaksanakan dengan baik, mendapat pengesahan daripada semua pihak, maka itu menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menjelaskan.

Tuan Pengerusi, tentang SPR. Saya hendak menjelaskan tentang peruntukan undang-undang yang ada. Apabila Kerajaan Negeri Kelantan telah mengisytiharkan bahawa dua Kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan telahpun kosong disebabkan oleh pindaan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri, dan dilaporkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya.

Mengikut Perlembagaan Persekutuan, pilihanraya perlu dijalankan dalam masa 60 hari daripada tarikh pengosongan sesuatu kerusi itu. Walau apapun proses mahkamah yang dijalankan, SPR perlu menjalankan mengikut Perlembagaan Persekutuan dalam masa 60 hari perlu diisi. Jadi, ini adalah undang-undang Kerajaan Persekutuan yang ada. Dengan sebab itu pilihanraya kecil yang terpaksa dijalankan mengikut Perlembagaan Persekutuan, 60 hari mesti dijalankan, maka SPR telah menjalankan usaha ini adalah sejajar dengan apa yang tercatat di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap juga menyebutkan tentang Suruhanjaya Pilihanraya, tentang tempat

membuang undi. Saya hendak memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa kita boleh mencadangkan kepada SPR sesuatu tempat yang sesuai bagi mengadakan tempat pengundian ini. Ini bukan merupakan suatu masalah yang besar. Jika sekiranya pihak SPR menyiasat, mengkaji dan didapati sesuai, maka ianya boleh dilakukan. Memang kita berkehendakkan kepada tempat yang bebas, tidak ada gangguan, tempat yang benar-benar berkecuali dalam soal ini. Jadi, ini adalah perkara yang saya agak mudah, kerana kita boleh melalui Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya Negeri mencadangkan kepada mereka untuk memindahkan ke tempat lain. Dan SPR tidaklah tertakluk kepada pandangan itu tetapi setelah membuat kajian dan didapati sesuai, insya Allah, ianya akan dijalankan.

Yang keduanya, saya hendak menafikan bahawa Kerajaan membuat program, projek pembangunan Kerajaan secara rambang sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sebutkan kerana kita telah sebut, kita telah tahu, negara kita mempunyai Rancangan Lima Tahun, Rancangan Malaysia Keenam dan sebagainya. Kita buat anggaran perbelanjaan pembangunan yang telah ada. Jadi, jika sekiranya sesuatu projek itu mungkin kerana permohonan daripada cadangan atau permohonan yang Kerajaan terima dan dikaji dan diberi persesuaian, maka itu akan dilaksanakan. Jadi, saya hendak mengatakan bahawa tidak ada projek-projek yang dijalankan secara rambang yang tidak sistematik, yang tidak ada planning.

Saya harapkan bahawa Ahli Yang Berhormat juga yang menganggotai Majlis Tindakan Daerah yang boleh mengambil bahagian terutamanya dalam soal hendak mengaturkan program pembangunan bagi kawasan-kawasan dalam kawasan, daerah dan negeri atau negara kita sendiri.

Jadi, ini merupakan tanggungjawab kita bersama dan Kerajaan memang telahpun merancangkan projek itu dengan cara yang baik, dengan cara yang sistematik untuk mencapai cita-cita yang disebutkan untuk mempertingkatkan kemampuan Kerajaan dan menambahkan produktiviti bagi negara kita.

Tuan Pengerusi, yang ketiganya, yang terakhirnya, ialah tentang Institut Diplomasi ini. Institut ini baru sahaja ditubuhkan pada tahun lalu bertujuan untuk memberi latihan-latihan lanjutan kepada para Diplomat kita dalam semua bidang termasuklah bidang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, bidang ekonomi, politik dan sebagainya, supaya Diplomat-diplomat kita ini mempunyai pengetahuan yang luas dan mereka juga memahami sesuatu masalah yang ada di dalam negara kita. Kita tidak mahu Diplomat-diplomat kita apabila ditanya mengenai negara kita, mereka tidak tahu dan mereka mendiamkan diri sahaja, tetapi soal ini ialah untuk menjalankan latihan lanjutan supaya setiap masa para Diplomat kita yang bertugas di luar negeri, dipanggil balik untuk mereka diberikan pengetahuan, pengalaman baru dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian bagi membahaskan perkara-perkara yang termasuk di bawah Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$7,818,000 untuk Maksud B.4; \$365,700 untuk Maksud B.5; \$38,380,800 untuk Maksud B.7; \$429,500 untuk Maksud B.10 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$27,249,200 untuk Maksud B.7 jadi sebahagian daripada Jadual Kedua di bawah Jabatan Perdana Menteri hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$7,818,000 untuk Maksud B.4; \$365,700 untuk Maksud B.5; \$38,380,800 untuk Maksud B.7; \$429,500 untuk Maksud B.10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$27,249,200 untuk Maksud B.7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$48,600,000 yang disebutkan dalam Maksud P.7 di dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1992 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$48,600,000 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1992.

*Maksud B.14 (Jadual Kedua)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat jimat-jimatkan masa sedikit kerana kita ada 23 Kementerian yang hendak kita habiskan hari ini dan esok. Hari ini terpaksa dipanjangkan masa sedikit sehingga pukul 8.00 malam dan esok barangkali kena dipanjangkan sehingga sampai habis. Jadi, saya haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat janganlah bercakap di atas dasar dan janganlah diulang-ulangkan perkataan yang telahpun diucapkan dan hendaklah pendek-pendekkan sedikit ucapan masing-masing.

Kepala Bekalan B.14 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Ya, Pasir Mas.

5.12 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Pengerusi, secara ringkasnya saya ingin merujuk kepada

B. 14 di atas satu perkara sahaja, iaitu ingin menarik perhatian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai dengan perkara yang saya bangkitkan semalam dalam Dewan yang mulia ini, iaitu mengenai dengan rumah retak dan mungkin akan runtuh akibat gegaran dari kerja-kerja cerucuk (piling) yang dibuat oleh pihak pemaju, iaitu tuannya kelab Century Park. Maklumat yang detailnya ada dalam *Hansard* yang saya sebut dalam Dewan yang mulia ini, cuma saya hendak tambah sedikit, Tuan Pengerusi. Perkara ini terlalu serius dan saya ingin merujuk kepada surat yang dihantar kepada Kementerian pada 13hb April, 1992 dengan rujukan PERS/410014/5/92 yang ditandatangani oleh Leftenan Kol. Zainal Abidin bin Mohd. Nor bagi pihak penduduk-penduduk Jalan G 1, Taman Melawati.

Saya ingin minta supaya pihak enforcement Kementerian yang bertanggungjawab kepada Kerajaan Tempatan supaya membuat lawatan segera, secepat mungkin untuk menyiasat perkara ini yang sedang berlaku di kawasan yang saya maksudkan ini kerana ianya serius, Tuan Pengerusi. Kalau kita lihat kepada surat yang dihantar dan saya sendiri secara kebetulan sudah ke sana dan mendapati rumah yang terlibat di situ memang retak.

“Paling serius pada 1hb April, 1992, hari Rabu di antara jam 2.45 petang hingga jam 3.00 petang, saya sendiri (yang menandatangani surat ini) sedang berada di ruang dapur di belakang rumah saya yang mana dengan tiba-tiba sahaja saya terasa rumah saya bergegar kuat seumpama gempa bumi. Barang-barang dalam rumah bergoncang, termasuk cawan dan gelas di atas meja, lampu-lampu dan periuk-belanga di atas dapur. Saya terus berlari ke veranda untuk menyiasat dan mendapati bahawa gegaran ini disebabkan oleh alat gerakan berjentera yang sedang

memasuki tiang besi ke dalam bumi, betul-betul berhadapan dengan rumah saya di kaki bukit. Di samping itu, saya dapati grill di veranda rumah saya dan kaki saya sendiri terus bergegar. Setelah disiasat, gegaran yang sama dialami oleh jiran saya di sebelah rumah yang mana pembantu rumah ketakutan dalam kejadian ini.”

Ini benar-benar serius. Dahulu dikatakan tempat ini hendak dibuat bangunan 12 tingkat, iaitu rumah penginapan untuk ahli-ahli kelab yang saya rasa ini ada rangkaian mengenai dengan Leisure Holidays oleh MBf, tetapi setelah mendapat bantahan daripada penduduk, maka ianya ditukar, katanya akan didirikan bangunan 5 tingkat untuk sport complex. Tetapi secara diam-diam pihak penduduk-penduduk menyiasat, kerja-kerja menanam cerucuk sekarang ini untuk 12 tingkat yang memberi kesan gegaran kepada rumah-rumah di sekitar Jalan G 1, Taman Melawati dan wakil penduduk ini ialah seorang Pegawai Kanan Tentera, Leftenan Kolonel Zainal Abidin bin Mohd. Nor. Oleh kerana perkara ini begitu serius akibat gegaran demi gegaran berlaku, sehingga akhirnya memaksa mereka ini membuat aduan Polis walaupun perkara seumpama ini jarang dibuat dan sukar untuk Polis mengambil tindakan. Tetapi hendak menunjukkan betapa seriusnya masalah ini, laporan Polis telah dibuat pada 1hb April, 1992 pada jam 1620 mengenai dengan perkara yang ada, sebab mengikut wakil penduduk ini usaha-usaha beliau untuk berunding dan menyelesaikan perkara ini secara yang baik tidak dapat dibuat. Oleh itu, saya berharap mendapat jawapan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Saya hendak tahu kalaulah kerja-kerja cerucuk itu sedang dibuat sekarang ini untuk bangunan berapa tingkat yang diluluskan? Untuk 12 tingkatkah atau untuk 5 tingkat? Kalau diluluskan untuk 5 tingkat, saya hendak minta disiasat

kenapa cerucuk dibuat untuk 12 tingkat. Di manakah pegawai-pegawai enforcement untuk menyiasat, sebab yang buat ini kontraktor. Diluluskan di atas kertas untuk sekian tingkat, tetapi kerja boleh dibuat sampai 20 tingkat, kerana ini melibatkan masalah keselamatan penduduk-penduduk di situ. Sebab itu, saya berharap sangat perkara ini mendapat perhatian segera bagi membolehkan pihak penduduk-penduduk di sana lega hati dan dapat tidur nyenyak, keselamatan anak-anak mereka dan rumah mereka selamat. Kalau hendak dibuat hotel, lagi mereka bantah walaupun rumah penginapan untuk ahli-ahli kerana dalam kawasan perumahan seumpama ini tidak wajar perkara ini dibenarkan kerana membabitkan soal sosial dan budaya penduduk-penduduk di negara kita, terutamanya di kawasan-kawasan seumpama yang saya maksudkan ini.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Saya sudah menyampaikan maklumat ini. Tanggungjawab saya sebagai wakil rakyat untuk menyampaikan maklumat, saya sudah menyampaikan. Saya berharap kalau berlaku apa-apa nanti, jangan kita sudah terhantuk tangga, baru kita menyesali kemudian, maknanya tidak guna lagi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Jerai.

*5.18 ptg.*

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin (Jerai):** Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya hendak ambil satu insiden yang berlaku di kawasan saya, Jerai di mana sebuah sekolah yang ditadbirkan dengan begitu lemah dan cuai oleh terutama sekali pihak PAS yang mentadbirkan sekolah tersebut telah mengorbankan beberapa nyawa. Jadi, adalah diharapkan

supaya Kementerian ini akan dapat di masa-masa akan datang memper-tingkatkan lagi dari segi penguatkuasaan undang-undang supaya kesemua sekolah-sekolah Arab persendirian, terutama sekali di kawasan-kawasan yang ada banyak pondok-pondok. Sebenarnya, kita boleh tengok di mana ada bendang, di situ ada pondok; di mana ada pondok, di situ ada sekolah agama pondok yang ditadbirkan oleh orang-orang PAS sebab depa dok kutip duit zakat itu, depa dok perhabis dalam pilihanraya. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, sebenarnya anak-anak yang menghadiri sekolah tersebut ada memberi bayaran yuran untuk masuk dari segi pengajian agama, tetapi wang tersebut mungkin telah disalah tadbirkan dan digunakan untuk tujuan politik. Jadi, saya berharap kalau boleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di masa-masa akan datang terus menguatkuasakan undang-undang ini supaya setiap sekolah-sekolah agama berasrama ataupun tidak berasrama patut dibina dengan mengikut pelan-pelan yang telah diluluskan oleh Pihakberkuasa Kerajaan Tempatan dan juga dari segi keselamatan bomba.

Saya ingin menceritakan sedikit tentang keadaan sekolah-sekolah ini di mana kadangkala di situlah tempat mereka membaca di situlah tempat mereka tidur dan di hujung kakilah tempat mereka memasak. Jadi, kadangkala apabila anak-anak ini di tengah malam mengigau dan tersepak tempat masak, berlakulah kebakaran—kemungkinan. Jadi, tidak ada satu tempat khas, tidak ada satu kawasan khas yang dibina untuk keselamatan mereka sendiri. Jadi, kita berharap yang amat sangat kalau boleh keseluruhan Sekolah-sekolah Arab ataupun Sekolah-sekolah Agama ini dibuat satu penyiasatan supaya mereka ini mengikut peraturan keselamatan dan juga dari segi keselamatan bangunan daripada pihak bomba, kerana kalau terjadinya trajedi-trajedi yang tidak diingini ia akan

mengorbankan nyawa penuntut-penuntut yang tidak berdosa itu.

Sekian Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kota Belud.

5.21 ptg.

**Tuan Maidom P. Pansai (Kota Belud):** Terima kasih Tuan Pengerusi atas kesempatan yang diberikan ini. Saya ingin mengambil kesempatan untuk turut membincang sedikit sebanyak mengenai tanggungjawab Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini, iaitu terutama sekali dalam konteks tanggungjawabnya untuk memastikan supaya Jabatan Bomba ini senantiasa dalam keadaan yang sempurna dan sedia boleh digunakan seperti yang pernah terjadi di Pekan Kota Belud di suatu masa dahulu apabila kebakaran berlaku meskipun telah dinafikan oleh pihak anggota-anggota bomba dan pegawainya bahawa semua dalam keadaan sempurna segala perkakasnya pada ketika itu, tetapi jelas dengan kehadiran saya sendiri, yang berada di tempat itu pada masa itu water pumpnya sendiri pun tidak mempunyai minyak. Waktu kebakaran barulah dicari di sana-sini untuk membeli minyak dan hosnya juga berlubang-lubang di sana-sini sehingga tidak dapat digunakan dengan sempurna.

Saya fikir kejadian seperti itu cukuplah menjadi suatu kesedaran kepada pihak Kementerian berkenaan agar senantiasa diperiksa jangan sehingga terjadi kebakaran itu, terjadinya satu keadaan, barulah di dalam keadaan yang kalam-kabut. Dan apa yang mendukacitakan sekali pada masa ini ialah kalau dahulunya kita selalu dapat melihat anggota-anggota bomba ini mengadakan latihan di mana latihan itu bukan sahaja terdiri daripada anggota-anggota bomba itu sendiri, tetapi juga melibatkan masyarakat yang ada di sekeliling itu terutama sekali

pekedai-pekedai supaya bila terjadi satu-satu kebakaran, maka semua masyarakat yang ada di situ dapat memainkan peranan tanpa dengan ditunjuk ajar dengan adanya latihan-latihan seperti itu, tetapi sekarang ini jarang sekali kelihatan. Yang saya nampak di daerah saya sendiri tidak pernah mengadakan latihan-latihan. Jadi, jika terjadi apa-apa, saya takut mereka sekali lagi dalam keadaan yang tidak cukup bersedia dan macam di kejadian itu, ramai masyarakat kampung, masyarakat awam yang juga turut membantu, tetapi tidak mempunyai pengetahuan yang cukup bagaimana menggunakan segala perkakas-perkakas yang ada dan segala technical know-how bagaimana yang seharusnya diperolehi oleh masyarakat tempatan.

Jadi, dengan kejadian itu, di sini sekali lagi saya merayu kepada pihak Kerajaan agar mengambil pandangan yang serius dalam perkara ini kerana walaupun mungkin ianya dianggap sebagai perkara yang remeh-temeh, tetapi ianya adalah satu perkara yang amat mustahak sekali. Sebagaimana yang kita tahu bahawa kebakaran itu mendatangkan kerugian bukan sahaja kepada tuan punya bangunan, tetapi juga kepada Kerajaan di mana kadang-kadang juga melibatkan nyawa manusia yang menjadi korban.

Saya tidaklah bertujuan bercakap panjang di sini Tuan Pengerusi, hanya setakat itu dan saya harap pihak Kementerian akan dapat mengambil perhatian berat dalam perkara yang saya bangkitkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

5.25 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak

terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun menyuarakan pandangan mereka tentang perkara Maksud B.14 walaupun tambahan yang dipohon adalah untuk menampung perbelanjaan mengurus Suruhanjaya Siasatan Di-Raja.

Inginlah saya nyatakan di sini bahawa Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menimbulkan masalah yang berlaku di Century Park di kawasan Ampang, negeri Selangor. Sukalah saya nyatakan di sini bahawa segala masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu telahpun disampaikan kepada pihak Kementerian dan pihak Kementerian sekarang sedang merundingkan perkara ini dengan pihak—Majlis Perbandaran Ampang untuk mendapatkan butir-butir lanjut tentang keraguan yang Yang Berhormat timbulkan. Insya Allah, kita akan memberi jawapan kepada surat yang telah disampaikan kepada Kementerian oleh Lt. Kol. Zainal Abidin secepat mungkin.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Jerai, laporan pertama Siasatan Di-Raja ini telah pun disampaikan kepada Kerajaan dan dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan ianya antara lain mengandungi sebab-sebab atau punca kebakaran yang berlaku di Kedah pada waktu itu.

Laporan kedua akan disampaikan kepada Kerajaan pada minggu ketiga bulan Mei ini dan kita difahamkan bahawa di dalam laporan ini akan mengandungi perakuan-perakuan bagaimana Kerajaan boleh mengelakkan berlakunya kebakaran di institusi-institusi pengajian tinggi, sama ada ianya dikelolakan oleh Kerajaan mahupun pihak swasta khususnya di kawasan-kawasan di mana terdapat, dengan izin, death risk itu didapati begitu tinggi.

Jadi, saya percaya kita sama-samalah menunggu perakuan yang dibuat oleh Suruhanjaya ini untuk kita sama-sama

membaca dan saya percaya laporan ini akan diedarkan kepada Dewan yang mulia ini jika perlu.

Mengenai masalah atau keraguan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kota Belud, sukaiah saya menyatakan di sini bahawa segala keraguan yang Yang Berhormat timbulkan telah pun saya sendiri menjelaskan di Dewan yang mulia ini pada tahun sudah. Dan saya percaya segala keraguan yang Yang Berhormat timbulkan setelah disiasat dengan pegawai penjaga Balai Bomba Kota Belud, maka ianya tidaklah mempunyai asas. Walau bagaimanapun, segala pandangan Yang Berhormat keluaran pada hari ini untuk mengelakkan sebarang kebakaran berlaku pada masa-masa yang akan datang, kita akan sentiasa mengambilkira semua pandangan, sama ada dari Ahli Yang Berhormat, daripada masyarakat dan juga daripada orang ramai untuk mengelakkan atau supaya tidak berlaku sebarang kebakaran yang kita semua tidak mahu berlaku. Jadi, sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$246,700 untuk Maksud B.14 jadi sebahagian daripada Jadual Kedua di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$246,700 untuk Maksud B.14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

*Maksud B.17 (Jadual Pertama)—*

*Maksud B.17 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P.17 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1991—*

*Maksud P.17 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1992—*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Maksud Bekalan B.17 dan Maksud Pembangunan P.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas. Kepong.

*5.33 ptg.*

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, saya telah sebutkan semalam mengenai peruntukan \$1 juta untuk menampung perbelanjaan Grand Prix Motorcycle Shah Alam pada pertengahan bulan yang lepas.

Tuan Pengerusi, pokoknya wang ini sepertimana diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor bukan untuk membina menambahkan alat-alat kelengkapan ataupun memperbaiki circuit itu—itu bukan, untuk menolong pihak penganjur sebagai perbelanjaan untuk kejohanan tersebut, itu yang sebenarnya. Inipun disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besarnya.....

**Tuan Wee Choo Keong: (Bangun)**

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kepong sebentar, penjelasan.

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat dari Kepong sedar atau tidak bahawa apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kelmarin bahawa wang \$1 juta ini untuk melebarkan circuit itu dan juga tempat duduk di racing track di Shah Alam. Adakah Yang Berhormat dari Kepong sedar atau tidak, racing track di Shah Alam ini sudah dibaiki, dilebar dan kemudahan-kemudahan di situ juga telah ditingkatkan pada tahun 1990 semasa Shah Alam Motor Sport Paradise Sdn. Bhd menganjurkan Malaysia World Grand Prix 500 cc pada tahun 1990? Dan lumba motosikal itu juga dijalankan dengan terperinci dan tidak ada apa-apa masalah di atas circuit ini. Kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri ini

mengatakan melebarkan circuit pada masa ini? Kalau circuit ini tidak dilebarkan pada tahun ini, bagaimana racing 500 cc World Grand Prix ini boleh dijalankan pada tahun 1990? Terima kasih.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, kenyataan Yang Berhormat dari Bukit Bintang itu adalah benar kerana (*Disampuk*) kenyataan benar kita kata benar, hakikat dan kenyataan.

**Seorang Ahli:** Tahniah!

**Dr Tan Seng Giaw:** Terima kasihlah. Ada tahniah, tetapi jawapan belum lagi daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Harap tumpukan, Kepong.

**Dr Tan Seng Giaw:**..... bukan kesilapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, ia diberi jawapan, sebenarnya beliau tidak mengetahui di mana circuit itu, dia kata di Subang. Jadi, tidak adil kerana menyalahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walau bagaimanapun mengapa pihak Kementeriannya menghulurkan \$1 juta hanya untuk menampung perbelanjaan penganjuran. Itu yang pokoknya. Walaupun pihak Maran mungkin tidak menganggap \$1 juta itu banyak, berbanding dengan lebih \$1.4 bilion yang dipohonnya.

Tuan Pengerusi, bolehkah Kementerian menerangkan dengan terperinci apakah yang menyebabkan pihak Kementerian mengeluarkan \$1 juta hanya untuk menampung belanjawan atau perbelanjaan penganjuran World Grand Prix Motorcycle itu? Jadi, janganlah mengganggu pihak kami tidak mengetahui apa yang berlaku.

Tuan Pengerusi, pada minggu yang kedua bulan April yang lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri

mengatakan \$1 juta datang daripada Kementerian Belia dan Sukan dan kalaulah wang ini untuk memperlebar circuit itu dan menambahkan kerusi-kerusi serta tempat penonton dan sebagainya, maka ini boleh dianggap sebagai satu rekod dunialah, dalam satu minggu semuanya boleh siap, circuit untuk beribu-ribu penonton dalam satu minggu boleh disiapkan untuk melebarkan dengan wang \$1 juta—itu mustahil, Tuan Pengerusi.

Saya berharap pihak Kementerian dapat menjawab sama ada terdapat 5,000 orang pelancong yang dijangka menyaksikan kejohanan tersebut, sama ada bilangan ini sudah sampai ke tahap yang dianggarkan dan pelancong-pelancong tersebut adakah telah membelanjakan \$14.5 juta ketika berada di Selangor? Saya pun tidak tahu, macamana kita dapat tahu banyak mana perbelanjaan itu akan dibuat oleh pihak pelancong asing ke negeri Selangor itu? Dan dianggarkan 18,000 orang penduduk luar daripada Lembah Kelang akan membelanjakan sejumlah \$15.3 juta. Adakah ini benar?

Tuan Pengerusi, sebelum saya menamatkan isu ini, pada hari ini, saya berjanji saya akan membangkitkan dari semasa ke semasa terutamanya di Dewan Undangan Negeri Selangor mengenai hal ini, yang saya anggap tidak patut.

**Seorang Ahli:** Boleh, tak usah beritahu Dewan ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, desas-desus, ada yang komat-kamit juga. (*Ketawa*).....

**Seorang Ahli:** Ada yang hendak dicakapkan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Ya. Jadi patutlah kita buat satu siasatan ke atas apa yang berlaku mengenai World Grand Prix Motorcycle ini untuk mengetahui apakah keadaan sebenar, dan pihak Kementerian janganlah dengan begitu mudah sahaja

mengeluarkan wang untuk acara sukan tersebut, memandangkan kita telah berjaya berkali-kali kita adakan kejohanan Piala Thomas dan Piala Uber.

Kita memang meraih keuntungan. Mari kita tanya Yang Berhormat Timbalan Pengerusi BAM. Kita memang tahu daripada jualan tiket sahaja kita dapat lebih \$1 juta?

**Seorang Ahli:** Tahniah.

**Dr Tan Seng Giaw:** Mujurlah dua hari yang lepas kita menang Piala Thomas.....

**Seorang Ahli:** Malam ini?

**Dr Tan Seng Giaw:** Malam ini susah sedikit (*Ketawa*) kerana lawan kita kuat. (*Ketawa*) Macamana boleh tahu, mungkin kalau cuaca lebih panas sedikit, kita dapat lemahkan pihak lawan, jadi kita dapat menang.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, teruskan. Itu sudah terkeluar dari tajuk. Mudah-mudahan menang, tetapi keluar dari tajuk. (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Itu, Tuan Pengerusi, bukan saya bangkitkan. (*Ketawa*) Mereka yang bangkitkan. Jadi, Tuan Pengerusi, baik juga ini satu sukan di mana kita dapat tahap antarabangsa. Standard Malaysia itu ada mencapai tahap antarabangsa dan kita boleh bangga apa yang telah dibuat oleh pemain-pemain badminton kita itu. Walau bagaimanapun, kalau kita kalah itu pun tidak apalah kerana sudah sampai ke tahap peringkat separuh akhir.

**Dato' Haji Mohamad bin Abdullah:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Maran bangun.

**Dato' Haji Mohamad bin Abdullah:** Penjelasan. Bagi perlawanan malam ini, saya hendak bertanya (*Ketawa*) Yang Berhormat dari Kepong, dia sokong siapa—Malaysiakah atau Chinakah? Itu yang saya minta penjelasan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya tidak pernah pergi ke China dan nenek-moyang saya pun tidak pernah pergi ke situ. Beberapa generasi dah. Saya mesti sokong Malaysia. (*Ketawa*) (*Tepuk*) Persoalan itu sokong Barisan Nasional itu tidak kiralah. (*Ketawa*) Lain kiralah itu. Tidak semesti kita sokong Badminton Malaysia, kita sokong Barisan Nasional.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Teruskanlah, Yang Berhormat. Apabila sampai pukul 8.00 malam, boleh tengok TV nanti.

**Dr Tan Seng Giaw:** Walhal banyak penyokong badminton sekarang bukan Barisan Nasional. (*Ketawa*) Kalau 100% Barisan Nasional, kita matilah. Semua tidak akan menang. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, kita mempelajari daripada BAM bagaimana mereka menganjurkan kejohanan. Jadi, Grand Prix Motorcycle ini lebih besar kejohanannya daripada badminton itu. Cuba bayangkan kita hendak adakan kejohanan tersebut, World Grand Prix Motorcycle ini, Malaysia terpaksa menyewa Jumbo Jet 747 untuk membawa motosikal, alat-alat kelengkapan dan minyak pelincir daripada Australia ke Malaysia. Jadi, bagi badminton, kita tidak payah, cuma bayarlah tambang dan penginapan hotel mereka sahaja. Itu sahaja kita buat. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak seharusnya dibenarkan berlaku. Itu sahajalah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Nilam Puri.

5.49 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri):** Tuan Pengerusi, terima kasih. Maksud B.17, Butiran 020000 iaitu saya ingin menyentuh tentang Program Induk Belia Negara, sambutan Kementerian Belia dan Sukan dan juga Gerakan Budaya Cemerlang di mana peruntukan lebih daripada \$7 juta diberikan kepada Kementerian ini untuk menjayakan di antaranya program-program yang disebutkan tadi.

Belia-belie yang pernah mengikuti kursus-kursus, selalunya mereka merungut. Rungutan mereka, di antaranya mereka menyatakan di antara program budaya kerja cemerlang ataupun program belia yang diatur kebanyakannya merupakan lawatan, misalnya membawa mereka melawat Kuala Lumpur, membawa mereka melawat berjumpa pemimpin dengar satu-dua taklimat, kemudian balik. Mereka kata kami tidak dapat apa-apa faedah yang banyak daripada program yang dianjurkan oleh Kementerian Belia ini.

Program-program lawatan ini semakin hebat, semakin banyak bila ianya menjelang pilihanraya umum dan belia-belie ini pula diberi taklimat ataupun diarahkan kepada mereka supaya dalam pilihanraya nanti, mereka yang telah diikuti Program Belia Cemerlang ataupun lawatan belia ini, mereka diminta menyokong Barisan Nasional. Dan program-program belia ini juga digiatkan lagi apabila ada pilihanraya kecil berlaku. Pilihanraya kecil berlaku di satu tempat, maka belia-belie ini digunakan dengan sepenuhnya. Mereka yang telah diberi kursus ini pula diberi cuti tanpa gaji untuk berkhidmat dalam pilihanraya. Saya ada beberapa nama kepada saya yang mereka ini dapat cuti tanpa rekod, semata-mata untuk berkhidmat pilihanraya—Bukit Payong dan juga pilihanraya di Kijal dulunya. Mereka dapat cuti tanpa rekod semata-mata kerana mereka akan bekerja untuk

Barisan Nasional. Diskriminasi ini saya harap perlu dihentikan supaya perbelanjaan yang begitu besar digunakan semata-mata untuk mengajak mereka menyokong Barisan Nasional. Kami berjanji kalau kami memerintah besok, kami tak buat benda macam ini.

**Dato' Haji Mohamad bin Abdullah:** Bila!

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ah! Bila tidak tahulah sebab benda ini “Qul-lillahumma malikal-mulk”, pemerintahan ini di bawah kuasa Allah Subhanahu Wataala, boleh dijatuh bila masa yang dikehendaki. Soviet Russia pun boleh jatuh. Jadi, BN jangan cakap besar. Kelantan sudah tinggal 9-0. *(Ketawa)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai):** Point of order 36(1). Tuan Pengerusi, seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara-perkara yang dibincangkan sahaja. Ini dia pergi ratalah.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, ya.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak kena-mengena dengan pilihanraya semua ini. Belia pun yang ini kita minta golf course.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Belanjawan ini untuk program belia, tetapi tidak apalah. Saya tidak marah sahabat saya yang baik dari Jerai ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Nilam Puri, teruskan. *(Ketawa)*

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kita tidak boleh cakap besar. Kami di Kelantan pun bila-bila boleh jatuh. Ah! Sebab, Qul-lillahumma-malikal-mulk.

Ini kita pegang dasar itu. BN pun janganlah cakap besar, takbur. Bila takbur, tidak boleh. Jadi, kita harap program-program belia ini dapat dimanfaatkan semua. (*Disampuk*) Apa dia?

**Dato' Haji Mohamad bin Abdullah:** Taubat!

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Taubat apa? Hak yang menentang Islamlah yang kena taubat. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, kita harap program belia ini dapat manfaat kepada semua orang, kalau mereka diberi izin cuti tanpa rekod kepada mereka yang menyokong BN, dan kita harap kita tidak ada diskriminasi kepada belia-belia yang lain yang ingin berkhidmat kepada parti-parti yang mereka pilih supaya perbelanjaan yang telah dibelanjakan ini dapat memberi manfaat kepada negara. Maka itulah pandangan saya. Sekian.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Bukit Bintang.

5.48 ptg.

**Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Kertas Perintah 4A, Tahun 1992, Maksud B.17, Butiran 03000. Ini juga mengenai tambahan sebanyak \$1 juta yang dikehendaki untuk membantu perbelanjaan bagi menganjurkan Malaysia World Grand Prix di Shah Alam pada bulan April, 1992. Saya hendak bangkit hal ini oleh kerana di Johor Bahru juga tahun dahulu di Pasir Gudang, "racing track" mereka ada menganjurkan satu World Grand Prix untuk "endurance race", panjang masanya 7 jam. Dan di Pasir Gudang, Johor Bahru, mereka tidak minta apa-apa peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan trek di sana pun tidak dilebarkan, tidak ada dijalankan, apa-apa pekerjaan di atas, "resurfacing" atau

apa-apa di Pasir Gudang. Kenapa di Shah Alam ini mereka sudah ada menganjurkan satu World Grand Prix Motorcycle 500 c.c. ini di tahun 1990? Tiada apa-apa peruntukan diminta oleh Shah Alam Motor Sports Paradise Sdn. Bhd. dan pada tahun ini, 1991, yang menganjurkan Grand Prix yang sama tetapi Kerajaan Selangor kena meminta perbelanjaan \$1 juta ini.

Saya mahu tahu sama ada pekerja-pekerja atau pegawai-pegawai Kerajaan Selangor sudah masuk ataupun ada pengaruh di dalam Shah Alam Motorsports Paradise Sdn. Bhd. Sebagaimana saya dimaklumkan bahawa ada beberapa orang pegawai Kerajaan Selangor sangat berminat di dalam motor racing di Shah Alam dan race ini juga ada banyak skandal dari segi motor racing turnkey, satu khabar angin bertiup-tiup di dalam kalangan ini.

Saya juga dimaklumkan bahawa Shah Alam Motorsports Paradise Sdn. Bhd. (SAMP) sudah dapat sponsorship daripada syarikat seperti Lucky Strike, Rothmans, Suzuki dan sebagainya untuk sponsoring, dengan izin, semua race lumba kereta dan motorsikal di Shah Alam dan mereka sudah dapat wang sponsorship daripada Lucky Strike dan sebagainya untuk setahun dan Kerajaan Selangor mengambil balik racing track ini untuk seminggu dalam bulan April 1992 untuk menganjurkan Malaysian World Grand Prix ini. Walaupun mereka sudah bayar wang sponsorship kepada Shah Alam Motorsports Paradise Sdn. Bhd., mereka kena juga membayar lebih sekali lagi kepada penganjur Malaysia World Grand Prix ini kepada pihak Kerajaan Selangor ataupun Two Wheels Promotion. Kalau mereka tidak bayar, billboards mereka yang ada di sana akan ditutup. Saya rasa kalau kawan saya di sebelah sana ada pergi ke Shah Alam pada bulan April ini, mereka boleh nampak ada billboard yang ditutup.

Kita mahu tahu daripada Kementerian Belia dan Sukan bahawa Kerajaan

Selangor dapat berapa banyakkah daripada wang sponsorship untuk Malaysia World Grand Prix ini. Kenapa pada tahun 1990 Grand Prix ini juga dijalankan oleh Shah Alam Motorsports Paradise Sdn. Bhd. (SAMP) dan mereka tidak payah minta apa-apa peruntukan semasa mereka menganjurkan Malaysian World Grand Prix ini.

Saya juga minta Kementerian yang berkenaan memberi penjelasan di Dewan yang mulia ini kenapa di Pasir Gudang semasa mereka menganjurkan World Endurance Race untuk 7 jam, mereka tidak payah melebarkan circuit atau tidak payah membuat apa-apa dan mereka juga tidak pernah minta peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian, wang sebanyak ini kenapa kita mesti membazirkan dan beri kepada Kerajaan Selangor. Untuk tujuan apa? Saya rasa untuk penyelewengan oleh kerana untuk tahun yang dahulu kita tidak payah peruntukan ini.

Racing di Malaysia selalunya dianjurkan oleh SAMP di Shah Alam atau di Johor Bahru, ada satu persatuan racing juga yang dianjurkan oleh mereka. Tidak pernah dalam sejarah negara kita, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Selangor terlibat diri di dalam racing ini. Ini mesti ada udang di sebalik batu. 100% mesti ada udang di sebalik batu. Mungkin ada pegawai-pegawai dalam Kerajaan Selangor melibatkan diri di dalam Malaysian World Grand Prix ini. Saya berani berkata dengan terus-terang. Kalau Kerajaan buat satu siasatan atau satu Royal Commission, saya berani jamin ada berbagai-bagai skandal di dalam race ini, oleh kerana saya sendiri tahu dan saya ada pergi menonton racing itu.

Orang yang mengawal Shah Alam Motorsports Paradise Sdn. Bhd. (SAMP) ini ialah seorang yang bernama Yong Yim Fah. Dia yang menjalankan sementara mereka sudah dapat sponsorship daripada Lucky Strike dan

sebagainya untuk setahun dan mereka juga memberitahu kepada syarikat-syarikat tersebut bahawa mereka akan mengadakan beberapa races tahun ini termasuk World Grand Prix Series. Mereka pun melalui pihak tertentu, dapat Kerajaan Selangor untuk menganjurkan World Grand Prix Series ini dan advertisers seperti Lucky Strike, Malboro dan sebagainya, kena bayar pula wang sponsorship kepada Kerajaan Selangor atau Two Wheels Promotion. Kalau pihak Kementerian tidak percaya saya, tolong tulis surat ataupun menyiasat kepada syarikat-syarikat yang memberi sponsorship pada tahun ini—Lucky Strike, Malboro, Rothmans, Suzuki dan sebagainya.

Saya rasa sebelum kita beri wang peruntukan sebanyak ini dan hakikat-hakikat yang kita tahu, di Johor ada World Endurance Race tidak payah dapat peruntukan, tahun dahulu (1990) SAMP menganjurkan race ini juga dan tidak menggunakan apa-apa peruntukan daripada Kerajaan dan tahun ini kenapa kita perlu. Jadinya Kementerian mesti membuat satu penyiasatan ataupun check daripada advertisers seperti Lucky Strike dan sebagainya. Tanya kepada mereka berapakah wang yang sudah dibayar kepada SAMP pada tahun 1990 dan race tahun 1991 dan pada tahun ini berapakah wang yang mereka perlu bayar untuk satu race ini, Malaysia World Grand Prix.

Janganlah kita membazirkan wang titik peluh rakyat. Kita boleh menggunakan wang ini untuk membina sekolah, hospital atau bina apa-apa untuk kepentingan rakyat. Sebabnya kita perlu seperti Ahli Yang Berhormat dari Kepong berhujah tadi bahawa kita menganjurkan Piala Thomas sebanyak dua kali di negara kita dan satu sen pun Kerajaan tidak payah bayar ataupun beri peruntukan. Tetapi World Grand Prix ini, kita kena bayar \$1 juta. Di Johor pada tahun 1990 kita tidak payah bayar. Kenapa ini? Jadi, ini mesti ada satu skandal yang besar.

Saya berharap Kementerian dan Perdana Menteri juga mengarahkan Kementerian ini menubuhkan satu Royal Commission untuk menyiasat. Memang Kerajaan Barisan Nasional tidak akan menjalankan siasatan itu. Cumanya kita minta sahaja oleh kerana kita ada di sini untuk kepentingan rakyat. Walaupun kawan-kawan saya di sebelah sana menganggap \$1 juta seperti 'a drop in the ocean' sahaja, satu angka yang paling kecil. Untuk tujuan apa kita ada di sini? Untuk tujuan menjaga kepentingan rakyat, bukannya bertujuan untuk menjaga kepentingan Kerajaan Selangor dan kunci-kuncunya di dalam Shah Alam Motorsports Paradise Sdn. Bhd. (SAMP).

Jadinya, kita mesti menjaga wang rakyat dengan baik-baik. Katanya, ah! satu juta sahaja. Memang kalau kita bandingkan wang sejuta ini dengan syer Telekom yang diberikan melalui MAIKA Holdings kepada tiga syarikat dan keuntungan \$70, juta memanglah satu juta itu hal kecil sahaja. Saya minta sekali lagi Kerajaan buat satu siasatan yang terperinci di atas wang tambahan ini sebelum kita berikan wang tambahan kepada Kerajaan Negeri Selangor, menyiasat dengan teliti bahawa adakah satu skandal yang paling besar di dalam Shah Alam Motorsports Paradise Sdn. Bhd. dan juga Kerajaan Selangor kenapa mereka meminta wang tambahan sebanyak sejuta ringgit. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta jawapan.

6.00 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong dan juga Bukit Bintang yang menunjukkan minat mereka terhadap lumba motorsikal di Shah Alam baru-baru ini. Saya begitu kagum dengan sokongan yang diberikan oleh kedua-dua Yang Berhormat

sebentar tadi mengenai perkembangan dan kemajuan sukan lumba motorsikal di negara kita. Tetapi malangnya "rumah sudah, pahat baru berbunyi".

Sekali lagi saya tegaskan di sini bahawa peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Selangor sebanyak \$1 juta itu tidak ada udang di sebalik batu, cuma saya rasa pemikiran kedua-dua Yang Berhormat itu berkarat dengan perasaan prasangka dan prejudis.

Sukacita saya tegaskan di sini sekali lagi bahawa bantuan \$1 juta itu diberikan kepada Kerajaan Negeri Selangor berdasarkan kepada permohonan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah semata-mata bertujuan untuk membaiki dan mempertingkatkan lagi taraf litar ataupun curcuit di Batu Tiga Shah Alam bagi perkara-perkara berikut:

- (i) melebar dan memanjangkan litar, upgrading the circuit;
- (ii) mempertingkatkan lagi tempat duduk terbuka dan juga grand stand; dan
- (iii) lain-lain kemudahan seperti perparitan dan sebagainya.

Untuk makluman kedua-dua Yang Berhormat daripada Kepong dan juga Bukit Bintang, kos bagi mempertingkatkan taraf litar bagi menganjurkan World Formula 1 Grand Prix ialah seperti berikut: Kos sementara yang dianggarkan ialah di antara \$12 juta hingga \$15 juta, tetapi kos sebenarnya ialah \$30 juta. Usaha-usaha ini dibuat untuk mengadakan Litar Lumba Batu Tiga Shah Alam menjadi salah satu litar yang terbaik di dunia dan dikenali di seluruh dunia.

Jadi kepada kedua-dua Yang Berhormat, saya rasa tidak perlulah kita mengadakan penyiasatan.....

**Tuan Wee Choo Keong: (Bangun)**

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Bukit Bintang bangun.

**Dato' Ismail bin Said:** Tuan Pengerusi, saya hendak menghormati arahan Tuan Pengerusi supaya kita pendekkan ucapan kerana masa pun tidak cukup. Saya rasa tidak perlu kita mengadakan penyiasatan dan Kerajaan Pusat memang memberi kepercayaan penuh kepada usaha-usaha yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam bidang kemajuan sukan di negara kita pada hari ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Nilam Puri—dia tidak ada dalam Dewan ini pula—jadi saya memberi penjelasan dia tidak ada, kemudian dia datang balik, bercakap pula perkara yang serupa, inilah dia kerja orang PAS. Beliau ada menegur mengenai program lawatan dan taklimat yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Sukacita saya maklumkan bahawa program lawatan dan taklimat adalah merupakan salah satu daripada Program Induk Belia Negara yang diberi nama Malaysia Maju. Kita dapati, untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, bahawa ramai daripada kalangan belia-belia di negara kita ini masih lagi menganggapkan bahawa kawasan di sekitar mereka itulah yang sebenarnya negara mereka, bak kata pepatah: “seperti katak di bawah tempurung”.

Kita menyedari hakikat ini dan kita rasa kalau perlu kita mewujudkan satu program di bawah Pusat Induk Belia Negara (PIBN) yang dipanggil Malaysia Maju dan kita libatkan belia-belia ini melawat ke tempat-tempat yang tertentu dan projek-projek pembangunan dan pada masa yang sama memberi taklimat kepada mereka ini supaya mereka faham tentang pembangunan yang berlaku di negara kita dan apabila mereka pulang ke tempat masing-masing mereka dapat membuat perbandingan keadaan di tempat mereka, di kampung mereka, di daerah mereka dengan tempat-tempat

yang mereka lawati itu dan juga tempat-tempat yang mereka dapat taklimat mengenainya.

Mengenai masalah cuti tanpa rekod yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Nilam Puri, sukacita saya maklumkan bahawa masalah cuti tanpa rekod ini tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan kerana ini menunjukkan bahawa semangat sukarela yang terdapat di kalangan belia di negara kita yang sanggup menyertai program yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Tidak ada diskriminasi di dalam memberi cuti tanpa rekod ini, Tuan Pengerusi, tidak kira siapa, sekiranya ada di antara belia-belia kita yang sanggup menyertai program yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan, kita bersedia untuk mengusahakan supaya mereka ini mendapat cuti tanpa rekod. Yang menjadi masalahnya, Tuan Pengerusi, ialah ada setengah golongan belia yang tidak mengikuti program yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Mereka ini entah macam mana dikelirukan pemikiran mereka oleh setengah golongan yang tertentu terutama sekali daripada golongan Yang Berhormat dari Nilam Puri, kumpulan PAS, jadi mereka tidak datang menyertai program kita, macam mana kita hendak beri cuti tanpa rekod? Yang sebenarnya kalau mereka menyertai program kita, insya Allah, kita akan berusaha supaya mereka ini mendapat cuti tanpa rekod.

Jadi, Tuan Pengerusi itulah penjelasan saya mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh ketiga-tiga Yang Berhormat sebentar tadi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$7,773,000 untuk Maksud B.17 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$1,000,000 untuk Maksud B.17 jadi sebahagian daripada Jadual Kedua di bawah Kementerian Belia dan Sukan hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$7,773,000 untuk Maksud B.17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$1,000,000 untuk Maksud B.17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,300,040 yang disebutkan dalam Maksud P.17 di dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1991; dan \$1,250,000 untuk Maksud P.17 di dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1992 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,300,040 untuk Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1991; dan \$1,250,000 untuk Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1992.

*Maksud B.18 (Jadual Pertama)—*

*Maksud P.18 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3)) 1991—*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B. 18 dan Kepala Pembangunan P. 18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas. Batang Lupar.

6.07 ptg.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar):** Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit sahaja iaitu baru-baru ini kita dengar Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama mengatakan Kerajaan kita akan membantu Kerajaan Vietnam untuk memajukan industri getah di Vietnam. Kita tahu industri

getah negara kita sekarang merosot semenjak tahun 1987 dan sampai sekarang masih menurun hingga ke taraf yang mana industri getah ataupun perusahaan getah ini tidak lagi mencapai taraf yang economic viability.

Inginlah saya balik ke belakang iaitu beberapa tahun yang lalu semasa Guthrie masih ditadbir oleh pihak British menjual syer kepada PNB. Walaupun pada ketika itu PNB mendapat untung yang besar kerana syer selepas itu naik tinggi tetapi wang yang diberi kepada pihak British pada masa itu dan expert ataupun para mahir daripada pentadbir Guthrie pada masa itu pergi ke negara jiran. Pada ketika itu harga kelapa sawit di negara ini ialah \$2,000 satu tan di world market. Bila kelapa sawit maju di negeri jiran dan dibangun begitu baik oleh pegawai dan para mahir keluar daripada Guthrie, mungkin dengan wangnya sekali, sehingga sekarang kita nampak kelapa sawit ini sudah menurun harganya tidak sampai \$1,000 satu tan. Dengan kesimpulan itu, saya bertanya dengan Kementerian, kalau kita sokong Kerajaan Vietnam hendak membangunkan getah ini, macam manakah keadaan industri getah di negara kita yang sekarang sudah merosot? Adakah ini akan mendatangkan hasil kepada negara kita ataupun kita ini betul-betul menyusu kera di hutan, orang kita sendiri yang merana nanti. Itu sahajalah saya hendak cakapkan, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong.

6.12 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, sebanyak lebih \$32 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan defisit belanjawan 1991 Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia (MRRDB).

Tuan Pengerusi, adalah perlu bagi pihak MMRDB untuk mengadakan satu kajian yang menyeluruh ke atas industri

getah bagi mendapat tahu dan menyiasat dengan teliti apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh industri itu, kerana sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, bahawa pengeluaran getah Malaysia telah merosot. Tahun lepas kalau tidak silap saya, tidak sampai \$1.2 juta tan kalau berbanding dengan tahun 1988, \$1.6 juta tan. Ini bermakna kekurangan 400,000 tan. Ini satu keadaan yang sangat tidak baik kerana kalau kita berbanding dengan Thailand yang mengeluarkan pada tahun lepas—1.38 juta tan dan juga Indonesia—1.3 juta tan pada tahun yang lepas. Ini bermakna kedudukan Malaysia itu pengeluar getah yang ketiga di dunia.

Apakah yang telah terjadi? Salah satu faktor telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar yang juga disebutkan oleh pihak kami beberapa tahun sudah. Kalau tidak silap saya, Yang Berhormat Padang Terap pun pernah membangkitkan masalah seperti ini.....

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya tidak pernah membangkitkan masalah seperti ini dan saya tidak mahu jawab sebab saya bukan Timbalan Menteri. Saya bagi Timbalan Menteri jawablah.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kepong, sebentar. Yang Berhormat Menteri ada Usul.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar**

**Albar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.00 malam.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang itu hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.00 malam.

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1991 DAN 1992)

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN)(BIL. 3)1991 DAN

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1)1992

Jawatankuasa

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.  
Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong, sambung.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, walaupun Yang Berhormat Padang Terap tidak bersetuju sekarang, fikirannya bertukar-tukar seperti iklim (*Ketawa*), tetapi baik jugalah dia membantu saya tadi mengenai Maksud P.7. Walau bagaimanapun, adalah perlu bagi MRRDB yang bertanggungjawab untuk industri getah di Malaysia supaya membuat kajian yang menyeluruh ke atas masalah-masalah yang wujud sekarang. Kita mampu mengeluarkan 1.6 juta tan setahun dan saya percaya kalau usaha-usaha yang benar-benar dibuat untuk mengeluarkan getah ini kita boleh mencapai tahap yang lebih tinggi daripada 1.6 juta tan. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kedudukan pengeluaran getah Malaysia merosot sebegini? Selain daripada taktik dan strategi yang tidak begitu betul mengenai pengambilalihan syarikat-syarikat besar yang dimiliki oleh warganegara bukan Malaysia pada beberapa tahun ini menyebabkan penghijrahan pakar-pakar teknik getah ke negara-negara jiran—itu satu hakikat dan kenyataan dan Yang Berhormat Padang Terap tidak boleh tidak bersetuju—ada faktor-faktor yang lain ialah termasuk kejatuhan harga komoditi. (*Disampuk*)

Tuan Pengerusi, gangguan daripada Larut. Kejatuhan harga komoditi getah dan kekurangan tenaga pekerja di ladang-ladang ini memang dua faktor yang penting juga kerana dengan perkembangan kemajuan negara memang pekerja-pekerja Malaysia, ada setengah-setengahnya tidak begitu berminat untuk bekerja di ladang-ladang dan ada masalah-masalah yang lain, termasuk masalah pekebun-pekebun kecil. Maklumlah 70% keluaran getah di Malaysia itu daripada pekebun-pekebun kecil, hanya 30% daripada estet.....

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Hassan:** Tuan Pengerusi, dia tidak tengok sana bila bercakap. Dia kena halakan kepada Tuan Pengerusi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Memang saya sudah melihat ke sebelah sini. Sektor estet cuma mengeluarkan 30% pengeluaran getah Malaysia dan 70% daripada pekebun-pekebun Kecil dan terdapat masalah-masalah yang kenamengena dengan pekebun-pekebun kecil, misalnya, 60,000 pekebun kecil dengan keluasan tanah 200,000 hektar yang tidak dapat geran. Oleh kerana mereka tidak dapat geran, mereka tidak boleh memohon kepada RISDA untuk mendapatkan pertolongan bagi menanam semula pokok-pokok getah. Kalau begitu, jenis getah ataupun mutu pokok-pokok getah tidak tinggi. Kalau mutu tidak tinggi, pengeluaran getah pun kurang. Ini menjadi satu masalah utama juga yang menyebabkan pengeluaran getah Malaysia merosot.

Adalah mustahak bagi pihak Kementerian untuk mengkaji sebab apa 60,000 pekebun kecil tidak dapat geran tanah seluas 300,000 ekar. Mungkin ada setengah-setengah itu penanam haram. Kalau begitu kita boleh siasat dengan teliti untuk memastikan siapa yang boleh dapat geran.

Tuan Pengerusi, ada cadangan daripada pihak Kementerian untuk menggalakkan syarikat-syarikat besar melabur dalam sektor getah di negara-negara seperti Vietnam dan Laos. Sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat "Padang Rumpai" yang bimbang apa yang terjadi dengan negara ini jika kita membangunkan ladang-ladang getah di Vietnam dan Laos.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Batang Lupar bangun Yang Berhormat. Sila.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat ini, apa dia cakap itu tengok sebelah sini sebut nama pun salah. Jadi lain kali tolonglah sebut betul-betul sedikit.

**Dr Tan Seng Giaw:** "Batang Lumar".  
"Lumar" ada hendak sebut apa lagi?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, "Batang Lumar. "R" dia bunyi, Batang Lumar.

**Dr Tan Seng Giaw:** "Lumar". Saya ingat "Luma" dah. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, kajian yang saya sebutkan tadi itu mestilah meneliti mengapa harga-harga getah itu turun sekarang. Kalau tidak silap saya pihak Yang Berhormat Menteri pun ada sebutkan salah satu sebabnya atau salah satu faktor yang menyebabkan harga getah ini turun ialah tekanan daripada pembuat-pembuat tayar. Yang sebenarnya kilang-kilang tayarlah yang menggunakan getah asli dengan banyak sebab 70% getah diperlukan untuk membuat tayar.

Walau bagaimanapun, adakah ini benar bahawa pihak pembuat tayar yang membuat tekanan ke atas harga komoditi getah ini sehingga harga merosot.

Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa daripada pengeluaran getah Malaysia ini, 70% keluaran itu bukan dijual dalam pasaran terbuka kerana ada perjanjian di antara syarikat-syarikat dan ladang-ladang untuk membekalkan secara langsung kepada mereka tanpa melalui pasaran terbuka. Cuma 3% daripada keluaran getah itu dijual dalam pasaran terbuka. Saya percaya Yang Berhormat Padang Terap pun tahulah hal ini.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (*Menyampuk*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Dia memang membuat homework tiap-tiap kali dia berucap iaitu Yang Berhormat dari Padang Terap ini. Tidak seperti Larutlah. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, sekiranya sebahagian besar ataupun lebih 90% getah yang dikeluarkan oleh Malaysia itu dijual di dalam pasaran terbuka apakah akan terjadi. Saya pun tidak tahulah, tidak pernah kita menyaksikan hal seperti ini, sama ada harga akan melambung naik. Adakah kemungkinan?

Tuan Pengerusi, ada satu lagi mengenai kemajuan teknologi getah ini. Apakah telah terjadi dengan pemindahan teknologi daripada RRI kepada Asiatic Development Berhad yang membuat Deproteinised Natural Rubber (DPNR) yang merupakan satu bahan getah yang baik untuk kegunaan kejuruteraan dan untuk membuat kebanyakan keluaran kilang-kilang dan sebagainya. Dan juga ada usaha-usaha untuk memperbaiki mutu getah asli seperti Mega Poly, Super Poly dan Propoly. Ini DPNR, Mega Poly, Super Poly dan Propoly. Kalau kita meningkatkan penyelidikan untuk mempelbagaikan bahan-bahan getah negara kita, kita akan dapat sambutan yang lebih baik daripada kilang-kilang di dunia.

Saya berharap pihak Kementerian dapat memberi jawapan kepada Dewan yang mulia ini apakah usaha-usaha yang dibuat ke atas teknologi-teknologi ini, kerana pada pendapat saya dari segi pekerja-pekerja, dari segi tanah yang kita ada di Malaysia sekarang, kalau kita hendak banding dengan negara-negara jiran seperti Thailand ataupun Indonesia, susah. Tetapi dari segi teknologi getah, kalau kita boleh mempertingkatkan lagi usaha-usaha, maka boleh kita mencapai satu kecemerlangan di dalam teknologi itu dan seterusnya membantu industri getah kita.

Cuma saya pun tidak tahulah sama ada bilangan pakar-pakar getah kita itu akan hilang daripada negara ini dengan adanya Sistem Saraan Baru sekarang yang menjejaskan profesion.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (*Menyampuk*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Itu ada kena-mengena dengan usaha MRRDB untuk mempertingkatkan pengeluaran getah di negara ini dan juga untuk memajukan teknologi getah dan untuk memajukan pemindahan getah di negara ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Padang Terap.

6.28 ptg.

**Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Pengerusi, Maksud B. 18 yang sama dipertanyakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kepong tadi iaitu sebanyak \$32.2 juta dikhaskan untuk membiayai perbelanjaan defisit. Saya ingin tahu daripada perbelanjaan \$32 juta ini banyak mana wang yang pergi kepada penyelidikan hiliran iaitu penyelidikan non-biological. Maksudnya penyelidikan di dalam pengeluaran barang-barang hiliran daripada getah dan juga daripada kayu getah.

Kita tahu bahawa semenjak 10 atau 12 tahun yang lalu, RRI telahpun memasuki di dalam penyelidikan kayu getah dan sekarang kita lihat spin-offnya yang mana perabut-perabut daripada kayu getah telahpun memasuki ke dalam pasaran dunia sebagai perabot yang premium.

Soal ini adalah penting, Tuan Pengerusi, kerana saya faham bahawa pihak Kementerian ingin mengalihkan negara kita daripada pengeluar getah utama ataupun pengeluar getah sebagai komoditi utama kepada pengeluaran getah sebagai produk daripada hiliran. Jadi saya faham mengenai mengapa ianya turun oleh sebab tanahnya diambil untuk tanaman lain bukan macam Kepong kadang-kadang dia terkepong dengan pemikiran ekonomi dalam negeri sahaja.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya faham dengan penanaman dan pengambilan getah dari Vietnam dan Cambodia, harga

getah itu akan didapati dengan harga yang lebih rendah iaitu kita mengambil peluang di dalam soal comparative advantage yang mana saya cuba memberi taklimat kepada Yang Berhormat Kepong yang sehingga sekarang dia tidak faham mengenai dengan comparative advantage ini. Kalau dia perlu kuliah lagi, kita boleh beri kuliah yang khas untuk beliau.

**Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)**

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar:** Dia hendak tanya? Sila.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa dari segi jangka pendek, kita pergi ke Vietnam dan ke Laos dengan upah pekerja-pekerja yang begitu rendah, kita boleh dapat untung yang besar. Tetapi dari segi jangka masa panjang apakah yang akan terjadi apabila pihak Vietnam dan Laos menjadi mahir di dalam bidang ini. Cuma dengan itu kita sentiasa meningkatkan teknologi getah, termasuk produk-produk hiliran. Kita meninggikan teknologi barulah kita boleh terus bersaing.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

**Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat itu tidak faham mengenai dengan allocation of resources. Apa yang berlaku di dalam negara kita ini—saya tidak mahu jawab, saya hendak beri Menteri jawab—apa yang berlaku di dalam negara kita ialah resources untuk industri getah diambil untuk kegunaan industri lain seperti pengurangan keluasan getah (acreage) berlaku di dalam masa yang sama perluasan acreage dalam penanaman kelapa sawit, di mana kelapa sawit adalah mempunyai comparative

advantage yang masih tinggi pada pengeluaran sebagai komoditi utama, tetapi getah, kita sudah kalah di dalam comparative advantagenya, kerana negara lain boleh dapat mengeluarkan getah sebagai 'raw rubber' dengan harga yang lebih rendah daripada kita. Kalau kita bersaing sekali pun, kita akan rugi pada keseluruhannya. Jadi, itu keadaannya. Jadi, di sini, Tuan Pengerusi, saya tidak mahu jawab sebab saya bukan memainkan peranan untuk menjawab tetapi saya ingin menekankan bahawa pihak Kementerian patut mengalirkan usaha-usaha untuk penyelidikan ini ke dalam bidang hiliran yang mana dahulunya apabila pihak pengusaha-pengusaha hiliran getah di negara kita cuba mengambil daya utama untuk membolot pengeluaran rubber glove, misalannya, banyak yang tangannya ataupun jarinya terbakar yang disebabkan oleh bukan keadaan teknologi tetapi keadaan market monopsoni dan monopoli oleh golongan dari Amerika Syarikat.

Oleh itu, itu sahaja pertanyaan saya dan saya tidak mahu merepet panjang-panjang macam kawan saya dari Kepong dan kita harap mendapat jawapan yang tepat daripada pihak Kementerian.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

*6.34 ptg.*

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih bagi pihak Kementerian saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, terutamanya kepada Yang Berhormat dari Batang Lupar, Kepong dan juga Padang Terap yang menyentuh tentang peruntukan yang dipohon bagi MRRDB. Memang saya rasa ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat, kebanyakannya menyentuh tentang MRRDB dan juga pasarannya di Vietnam.

Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar, iaitu tentang keraguan MRRDB, khususnya dan Malaysia amnya yang membantu Vietnam untuk meningkatkan penanaman getah. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa pada masa ini mengikut Vision 2020 Malaysia mungkin tidak akan kekal menjadi negara pengeluar penanaman getah, tetapi kita akan cuba bergerak untuk meningkatkan lagi pengeluaran dan penggunaan getah dalam negara. Pendek kata kita akan cuba mempergiatkan industri hiliran seberapa yang mampu. Jadi, dengan sebab itu kita perlu menolong mana-mana negara yang agak baru menceburkan diri dalam bidang ini, yang mempunyai kos pengeluaran yang rendah. Misalnya, pada hari ini pun Malaysia bukan sahaja mengeksport tetapi kita telahpun mengimport getah daripada Vietnam. Namun demikian, getah dari Vietnam ini mutunya kurang baik dan kita terpaksa import dan ini akan diproses oleh kilang yang ada di negara kita.

Jadi, pendek kata apa yang kita tolong kepada negara Vietnam dan mungkin juga negara-negara lain akan dapat memberi pertolongan kepada pengusaha-pengusaha tempatan dalam memenuhi keperluan atau kapasiti kilang-kilang pemerosesan yang ada di sini.....

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kepong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, adakah ini bermakna kita jual getah yang bermutu tinggi dan beli getah yang bermutu rendah?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansur:** Maksud saya macam itulah. Sebab samalah dengan petrol. Petrol yang kita punyai mutunya tinggi—kita jual dan kita gunakan petrol dari Timur Tengah. Jadi, pendek kata industri getah di Vietnam memang lebih rendah mutunya kalau hendak

dibandingkan dengan negara kita kerana negara kita telahpun mempunyai pengalaman lebih daripada 100 tahun. Jadi, dengan sebab itu, dari segi Islam pun, Islam tidak mengajar kita kedekut dengan ilmu, kalau kita ada ilmu kita bolehlah memberikan ilmu itu, insya Allah Tuhan akan memberi balasan yang baik jika kita selalu menolong orang. Jadi, tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar....

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kepong bangun lagi.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansur:** Penghabisan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, sebahagian dari kenyataan itu adalah benar, tetapi nampaknya kalau dibandingkan dengan fakta bahawa pertolongan kepakaran yang diberi kepada negara-negara jiran mengenai dengan pengeluaran getah dan kelapa sawit, apa yang dilihat sekarang. Itu kita dapat pahala apa? Mengenai kedudukan pengeluaran getah dan kelapa sawit, tidak lama lagi di dalam bidang kelapa sawit, Indonesia akan mengatasi Malaysia. Itulah pahalanya.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansur:** Sebagaimana Yang Berhormat mengetahui, kalau lecturer itu kelulusan Ph.D, mungkin dia tidak beri semua 100% ilmu Ph.Dnya itu kepada first degree. Dia beri sedikit-sedikit. Jadi, tidak usah bimbang kerana kita faham, apa-apa pengetahuan dan pengalaman yang kita ada ini tidak semestinya kita curahkan 100%. Ini bermakna biasanya guru itu lebih cerdik daripada anak muridnya, jarang ada murid lebih cerdik daripada guru.

Tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar juga tentang Guthrie dan kelapa sawit, Malaysia sekarang telah maju ke hadapan berbanding dengan negara-negara lain yang baru mula hendak memasuki untuk maju dalam bidang

penanaman kelapa sawit dan sebagainya. Jadi, kita tidak boleh menahan negara-negara lain daripada membuka ladang-ladang kelapa sawit yang besar, tetapi sebagaimana saya katakan kita tidak usah bimbang, kerana Singapura walaupun tidak ada ladang langsung tetapi dia merupakan negara pengimport dan juga pengeksport. Singapura tidak ada ladang, tetapi dia import dan eksport. Jadi dengan cara itu saya rasa dengan pengalaman yang begitu luas, kita harap kita tidak akan terperangkap, tetapi kita akan berhati-hati daripada apa yang telah kita lakukan.

Menjawab mengenai apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kepong tentang MRRDB, iaitu sama ada perlu kajian menyeluruh ke atas getah dibuat oleh MRRDB, memang perlu, kerana seperti saya katakan, kita tidak boleh menahan dengan hanya mengadakan ladang yang luas. Tetapi sebaliknya biarlah ladang kita kecil tetapi produktiviti kita besar atau sekurang-kurangnya kalau dahulu kita menanam getah selama 7 tahun baru boleh ditoreh, tetapi sekarang kita sudah ada teknologi di mana hanya tiga setengah tahun sudah boleh ditoreh. Kalau dahulu pengeluaran kita katalah 1 hektar - 50%, tetapi sekarang ini double - 100%.

Jadi, pendek kata, dari segi keluasan hektarnya kita tidak begitu bertambah malahan berkurang, tetapi pengeluaran kita, hasil daripada pelaburan yang Kerajaan beri kepada MRRDB dan juga kepada RRI maka kita telah dapat mengeluarkan hasil yang berlipat ganda dengan keluasan yang sempit.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Saya rasa ini kali penghabisan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, memang sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, teknologi

getah Malaysia sangat tinggi. Walau bagaimanapun, saya beri satu contoh 60,000 pekebun kecil tidak dapat geran, tidak dapat memohon bantuan daripada RISDA, dengan demikian tidak dapat menanam getah jenis klon yang baik untuk mengeluarkan susu getah yang lebih banyak dan juga dalam beberapa tahun ini diumumkan oleh pihak MRRDB ataupun RRI untuk teknik menoreh getah yang baru, yang canggih. Tetapi nampaknya setakat ini tidak dapat digunakan dengan meluas.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Pengerusi, sebagaimana Ahli Yang Berhormat juga sedia maklum, bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengambil tindakan yang agak serius supaya soal-soal tidak ada geran dan sebagainya, akan dapat diselesaikan peringkat demi peringkat, kerana urusan ini adalah urusan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Sebagaimana yang saya katakan tentang R&D ini tadi perlu diperluaskan sama ada berkenaan dengan upstream activity dan downstream activity, dengan izin, maka sebab itu telah berlaku deficit sebagaimana yang telah dipohonkan. Dan hasil daripada tumpuan kepada hiliran, maka kita telah dapat lihat penggunaan getah di dalam negara kita telah bertambah. Misalnya pada tahun 1988 penggunaan getah tempatan ialah sebanyak 120,379 tan tetapi manakala tahun lalu 1991, penggunaan itu telah berganda iaitu kepada 203,458 tan. Jadi, ini menunjukkan penggunaan factory atau kilang-kilang yang ada di negara kita ini telah bertambah dengan menggunakan getah hasil daripada kajian-kajian yang dibuat oleh MRRDB dan juga RRI.

Dan di samping itu juga, Ahli Yang Berhormat dari Kepong bertanya tentang mengapa harga getah jatuh, adakah ini kerana penggunaan kilang tayar yang menggunakan getah tiruan, saya rasa itu salah satu sebab. Tetapi ini sebab yang

kecil, tetapi sebab yang besar ialah pengeluaran getah dari negara-negara jiran bertambah. Ini menyebabkan harga agak jatuh kerana mengikut hukum ekonomi, bila penawaran besar, permintaan kecil biasanya harga akan jatuh.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan atau Kementerian saya tidak berputus asa, kita telah mengadakan perundingan pada 29hb yang lalu di Thailand dengan negara-negara pengeluar getah dunia yang lain, supaya struktur harga hendaklah dikaji balik oleh INRO yang akan bersidang di Kuala Lumpur tidak lama lagi.

Jadi, harapan kita akan dapat mengkaji balik dari segi kos pengeluaran dan lain-lain faktor supaya harga getah ini hendaklah seimbang di antara pengeluaran dan permintaan.

Di samping itu, tentang pemindahan teknologi yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, RRI tentang R & D dan sebagainya, itu memang diberi perhatian. Sebagaimana yang saya katakan, kita telah banyak melibatkan diri dalam bidang-bidang kegiatan hiliran yang akan dapat menolong industri ini, supaya dapat ditingkatkan lagi penggunaan getah di dalam negara kita. Dan sehingga ini, saya rasa banyak teknologi dan nasihat-nasihat yang diberi kepada masyarakat luar bandar di Malaysia, terutama tentang teknologi penggunaan bahan getah ini.

Dan apa yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, tentang \$32 juta yang dipohon itu berapa peratus agaknya digunakan untuk penyelidikan hiliran. Saya minta maaf, kerana sebenarnya tidak begitu jelas sangatlah, kerana dalam menjalankan pentadbiran dan pengurusan biasanya tidak ada pengkhususan yang dibuat dari segi peruntukan. Kerana peruntukannya diminta dari tahun ke tahun berdasarkan keperluan dari masa ke semasa. Dan masalah penyelidikan hiliran memang

ditumpukan bukan sahaja kepada penggunaan getah tetapi juga kepada bahan bukan getah sebagaimana yang dikatakan kegunaan perabot kayu getah dan sebagainya.

Jadi, walaupun peruntukan ini nampak besar, tetapi kita nampak hasilnya telah dapat kita capai kerana dalam masa lima tahun yang lalu, kayu getah tidak ada guna langsung, tetapi selepas pengkhususan R&D diberi perhatian oleh RRI dan juga MRRDB, maka sehingga ini perabot kayu getah adalah merupakan salah satu perabot yang terbaik dan mendapat pasaran yang tinggi di pasaran dunia. Jadi, pendek kata apa yang dipohon oleh MRRDB ini, saya rasa memang patut ditimbang kerana mereka sentiasa mengadakan kajian-kajian bagi meningkatkan lagi industri getah.

Saya minta maaf kalau ada yang lain-lain, yang tidak dapat saya jawab, terutama soal SSB yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, itu saya rasa telah acapkali sangatlah dijawab oleh pihak Kerajaan dan ianya bukan melibatkan MRRDB sahaja.

Walau bagaimanapun, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas teguran-teguran yang membina, kerana saya yakin Wakil Kepong khususnya mempunyai niat yang baik, dengan bahasanya yang baik, saya yakin teguran dan pandangan itu akan dapat menolong industri ini. (*Tepuk*) Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$49,020,000 untuk Maksud B.18 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama di bawah Kementerian Perusahaan Utama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$49,020,000 untuk Maksud B.18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.18 di dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1991.

*Maksud B.19 (Jadual Pertama)—*

*Maksud P.19 (Anggaran Pembangunan Tamb.(Bil.1)) 1992—*

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Maksud Bekalan B.19 dan Maksud Pembangunan P.19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas. Padang Terap.

6.49 ptg.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.19 Kementerian Pertanian, di bawah Kertas Perintah 3A Tahun 1992 iaitu Kepala (i) sebanyak \$1.187 juta dikehendaki untuk penyertaan Malaysia dalam pameran Emeriflora pada bulan April 1992 di Columbia, Ohio, Amerika Syarikat. Cuma sedikit sahaja saya hendak tanya, di Columbiakah atau di Colombus? Dan kalau ianya di Colombus, adakah ianya diadakan di situ disebabkan oleh ramai penuntut Malaysia di situ yang mana mereka mengambil bahagian dan apakah peranan mereka di sana di dalam pertunjukan ini? Dan apakah bentuk pertunjukan, adakah ianya melibatkan pertunjukan seperti apa yang diadakan di Pasadena, di California?

Yang akhir sekali pertanyaan saya, Tuan Pengerusi, apakah manfaat baik dari segi tangible ataupun intangible, dengan izin, yang didapati oleh negara

melalui pertunjukan sebegini? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Nilam Puri.

*6.50 ptg.*

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri):** Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh B.19 Kementerian Pertanian tentang perbelanjaan yang diperlukan untuk membayar rebet \$2 juta kepada pengeksportan hasil ayam, itik dan khinzir. Sekarang ini Malaysia masuk dalam sebuah negeri yang mengeksport ayam, itik dan juga khinzir. Khinzir, misalnya, ladangnya banyak di Negeri Sembilan dan Johor, ia dieksport ke Singapura. Singapura sendiri tidak ada lagi ladang khinzir sekarang ini. Bagi orang Islam, khinzir ini adalah satu perkara yang sensitif. Kita melihat lori-lori yang membawa khinzir untuk melintasi Tambak Johor ia mencemarkan kawasan itu, tambahan pula bila berlaku "jam", maka kita lihat khinzir itu terpaksa berada di Tambak Johor itu begitu lama mengganggu orang-orang yang lalulintas di kawasan yang penuh sesak itu dan Pegawai-pegawai Kastam yang beragama Islam agak gelisah bila lori-lori khinzir ini melintasi Tambak Johor.

Apa salahnya supaya sekarang ini khinzir ini ditenak hanya untuk makanan tempatan bagi mereka yang memakannya dan tidak lagi menjadi bahan eksport utama kerana ternakan khinzir ini, yang pertama, memerlukan kawasan yang agak luas, dan kedua, pencemaran bau dan juga air daripada ladang khinzir ini boleh membawa perasaan tidak harmoni di kalangan orang-orang Islam dan orang-orang bukan Islam. Oleh itu, khinzir ini dikurangkan ternakannya, cukup memadai makanan tempatan. Oleh kerana Malaysia sekarang menggalakkan ternakan arnab, eloklah arnab mengganti eksport khinzir ini pada masa hadapan. Jadi, Kementerian Pertanian

ambillah perkara ini secara serius, terutama sekali dengan rebet yang dibayar begitu banyak ini dan penggalakan eksport khinzir ini juga membawa satu perkara yang tidak juga disenangi oleh orang-orang lain.

Seterusnya saya ingin menyentuh juga perkara yang pertama tadi, iaitu pameran Ameriflora yang berlaku di Ohio. Apa pameran ini dan apa faedah yang diperolehi oleh Malaysia dari sudut pelancongan, dari sudut menarik perhatian? Ini adakah pameran bunga atau pameran kereta bergerak yang berlaku di Ohio itu dan yang saya hendak tanya ialah faedah yang kita perolehi daripada pameran itu kerana belanjanya agak besar. Faedahnya tentulah kita mahu tahu, sesuai dengan belanja yang begitu besar yang diperuntukkan oleh Kementerian Pertanian terhadap pameran itu. Sekian.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kepong. Selepas Yang Berhormat Kepong berucap, Timbalan Menteri diminta jawab.

*6.54 ptg.*

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, P.19 mengenai Skim Pinjaman Khas Pertanian, tambahan sebanyak \$50 juta adalah dikehendaki sebagai pinjaman di bawah Skim Pinjaman Khas Pertanian (SPKP) oleh Bank Pertanian Malaysia untuk menolong petani-petani dengan cara memberi pinjaman bagi melaksanakan pelbagai projek yang berkaitan dengan pertanian.

Tuan Pengerusi, pihak kami sentiasa menekankan bahawa adalah perlu untuk melindungi, untuk memberi pertolongan kepada petani-petani supaya mereka boleh berdikari. Semua urusan yang dibuat oleh Bank Pertanian hendaklah dijalankan dengan teratur, bersih, cekap dan amanah. Walaupun Larut tidak begitu berminat di dalam hal konsep bersih, cekap dan amanah.....

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat!

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut):** Tuan Pengerusi, dia patut tumpukan kepada ucapan kerana DAP dia seorang sahaja ada. Kita ingat dia hero, rupanya hero pun teruk. Okay, boleh sambung. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, itu terpulang kepada Kerusi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Ya, patut rujuk kepada Kerusi kerana Larut bukan Pengerusi sekarang ini.

Tuan Pengerusi, sepertimana dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong mengenai penyalahgunaan wang di dalam skim SPKP itu, saya tidak dengar dan nampak ada jawapan daripada pihak Kementerian mengenai hal ini dan saya hendak membangkitkan semula mengenai apa yang telah dibuat oleh pihak banknya mengenai beberapa perkara SPKP. Misalnya \$68 juta yang dikeluarkan di bawah skim tersebut adalah tidak digunakan dengan baik ataupun, kalau digunakan dengan baik, pihak Kementerian tidak dapat menjawab dengan baik apa yang terjadi dengan wang tersebut.

Tuan Pengerusi, menurut Pengerusi BPM seperti dilaporkan dalam akhbar tempatan bahawa BPM meluluskan \$99.9 juta kepada 7,709 peminjam di bawah skim tersebut di mana \$68.1 juta telahpun dibayar. Akan tetapi kesemua ini berlaku sebelum Perbendaharaan membekukan peruntukan untuk skim khas itu bagi dua tahun, iaitu tahun-tahun 1990 dan 1991 di mana pinjaman berfaedah rendah diberi kepada petani-petani dengan faedah 4% setiap tahun. Pembekuan selama dua tahun hanya diumumkan dalam bulan Disember, 1991 apabila Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Tan Sri Mustapha Jabar meminta penjelasan daripada

Kementerian Kewangan mengapa faedah rendah untuk pinjaman-pinjaman skim tersebut untuk para petani dibekukan selama dua tahun. Tan Sri Mustapha Jabar berkata, pembekuan tersebut telah menjejaskan kira-kira 500,000 petani di seluruh negara yang menghadapi kesulitan untuk menyempurnakan atau memulakan projek mereka. Beliau juga menuduh pihak Perbendaharaan sebagai menamatkan skim pinjaman tersebut tanpa sebarang penjelasan atau notis.

Apa yang lebih dahsyat ialah Pengerusi BPM, Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim telah berkata dalam akhbar bahawa pihak bank tidak pernah dimaklumkan, baik secara rasmi atau tidak rasmi mengenai pembekuan Perbendaharaan ke atas wang untuk SPKP sehingga mereka membaca kenyataan Menteri Kewangan di dalam suratkhbar sebelum itu. Jadi, apakah yang telah berlaku mengenai SPKP ini? Hari ini kita diminta untuk meluluskan \$50 juta untuk skim tersebut. Kalau apa yang telah dibuat oleh pihak Perbendaharaan dan juga pihak SPKP dengan cara-cara yang telah saya sampaikan tadi, maka tidak patutlah kita meluluskan wang begitu banyak untuk digunakan ataupun disalahgunakan oleh pihak SPKP.

Tuan Pengerusi, saya berharap hal ini dapat disiasat dengan teliti dan juga diumumkan di dalam Dewan yang mulia ini kerana kita benar-benar bercita-cita untuk memberi pertolongan dengan sepenuhnya kepada pihak golongan yang miskin dan kepada petani-petani dan saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab hal ini untuk memastikan SPKP dapat diurus dan dijalankan dengan teratur mengikut konsep yang telah saya sebutkan tadi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen diminta jawab.

7.01 m/m.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, Nilam Puri dan dari Kepong.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap mengenai dengan pameran International Floral and Garden Exhibition di Amerika, ini tempatnya bukan di Columbia, sebenarnya adalah di Columbus. Ini dibuat sempena perayaan 500 tahun penemuan Benua Amerika oleh Christopher Columbus.

Tuan Pengerusi, pameran ini bermula daripada April 1992 dan akan berakhir pada Oktober 1992. Jadi, tujuan kita mengambil bahagian adalah untuk kita menembusi pasaran di Mid-West, iaitu di USA. Berhubung dengan industri 'cut-flowers', dengan izin. Jadi, pihak MARDI menggunakan pelajar-pelajar pemegang-pemegang biasiswa MARDI untuk bertugas di tempat ini bagi mengurangkan kos. Jadi, oleh kerana pameran ini akan berakhir dalam bulan Oktober 1992, saya tidak dapat menerangkan tentang kesannya setakat ini. Walau bagaimanapun, kita yakin tiap-tiap pameran yang kita ambil bahagian sudah tentu ada tujuan dan matlamat.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Nilam Puri, iaitu berkenaan dengan rebat, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pihak penternak telah menggunakan soya bean milk, dengan izin, sebagai bahan makanan. Jadi, soya bean milk ini dikenakan cukai import oleh pihak Kerajaan sebanyak 13%. Pihak penternak mohon supaya kita mengecualikan cukai import. Kerajaan tidak dapat menimbang permohonan

mengecualikan, sebaliknya Kerajaan telah memberi kelonggaran dengan mengadakan skim rebat.

Jadi, untuk maklumat Yang Berhormat, jenis-jenis ternakan yang dapat rebat ini bukan khinzir sahaja, ia banyak—ayam, itik, anak ayam, anak itik, telur ayam dan termasuk khinzir. Jadi, kita eksport ke Singapura. Nilai eksport ternakan ini termasuk khinzir sebanyak \$300 juta setahun. Jadi, bukan khinzir sahaja yang kita eksport, tetapi ternakan-ternakan lain pun ada.

Jadi, berhubung dengan SPKP, perkara ini sudah banyak kali bercakap. Saya ingat Yang Berhormat Menteri pun sudah berulang-ulang kali bercakap, sebenarnya tidak ada penyelewengan. Pihak DAP memang gemar dengan perkataan 'penyelewengan', kalau tak bercakap perkataan 'penyelewengan', saya ingat tak sah.

Jadi, Bank Pertanian ditubuhkan dengan tujuan untuk memajukan sektor pertanian. Jadi, bank-bank lain takkan beri pinjaman untuk petani dan nelayan kerana mereka tidak sanggup menerima risiko yang tinggi.

**Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang):** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Bukit Bintang bangun.

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Ya, sila.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Pengerusi, sama ada Timbalan Menteri sedar bahawa Bank Pertanian ini ditubuhkan di bawah Bank Pertanian Malaysia Berhad Act dan objektif-objektifnya sudah ditetapkan dalam Akta, tetapi Bank Pertanian dalam laporan tahunan yang lepas, iaitu dalam Laporan Ketua Audit Negara, sudah mencatatkan bahawa Bank Pertanian memberikan pinjaman untuk

menyelesaikan kesusahan di dalam bank, iaitu seperti overdraft dan sebagainya dan juga membuat pinjaman untuk membina rumah atau projek perumahan. Yang ini ada tiga empat kes, yang saya ingat dua kes sahaja dan ini sudah bercanggah kepada objektif-objektif Bank Pertanian Act di bawah Bank Pertanian Act ini.

Bank Pertanian tidak menurut Akta negara kita, iaitu Akta Bank Pertanian. Kalau begitu, bagaimana? Mesti ada penyelewengan, kalau tidak kenapa mereka mencanggahi Akta yang sudah tetap di dalam undang-undang negara kita?

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, kita sudah cakap berkali-kali, tidak ada penyelewengan. Jadi, kalau ada penyelewengan, Yang Berhormat dari Bukit Bintang boleh buat aduan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Jadi, kita bebas boleh buat aduan.

**Tuan Wee Choo Keong:** Saya sudah tulis surat dengan rasmi kepada Yang Berhormat Datuk Seri Sanusi dan jawapan yang saya dapat itu jawapan yang tidak berapa memuaskan hati atau wishy-washy, dengan izin, isi jawabannya.

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang kalau kita beri jawapan yang betul pun, dia tidak puas hati. Itu sudah jadi budaya kepada DAP. Jadi, saya ingat perkara SPKP ini sudah dicakapkan oleh Menteri dan duit yang kita perlukan adalah untuk diberikan kepada petani dan nelayan. Jadi, adakah Yang Berhormat dari Kepong dan Yang Berhormat dari Bukit Bintang tidak menyokong usaha kita untuk dapat duit untuk hendak bela masyarakat petani dan nelayan? Sudah tentu kita semua mahukan keadaan taraf hidup nelayan dan petani dibela supaya keadaan hidup mereka bertambah baik. Jadi, dari segi

penyelewengan ini, saya tak nampak. Kalau Yang Berhormat kata ada, Yang Berhormat boleh buat laporan dan kita tunggu macam mana.

Jadi Tuan Pengerusi, saya ingat saya sudah sentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi bagi pihak Kementerian Pertanian, diucapkan terima kasih di atas betapa prihatinnya Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$4,287,000 untuk Maksud B.19 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama di bawah Kementerian Pertanian hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,287,000 untuk Maksud B.19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$50,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P.19 di dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1992 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$50,000,000 untuk Maksud P.19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1992.

*Maksud B.20 (Jadual Pertama)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kepala Bekalan B.20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahas sekarang. Larut.

7.11 mlm.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut):** Tuan Pengerusi, oleh kerana Kepong kata saya tidak ada interest, bukan saya mesti bercakap dalam Dewan ini, orang lainpun bercakap mewakili Barisan Nasional, bukan macam DAP, Kepong sahaja yang bercakap.

Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada Maksud B.20, butiran yang kedua iaitu Pusat Timbangtara Antarabangsa iaitu arbitration, dengan izin. Saya suka mendapat tahu setakat manakah pusat ini efektif di bawah perbelanjaan yang diberi, kerana mungkin tidak ada berita-berita akhbar mengenai ini dan Pusat Timbangtara ini, bolehkah ianya ditentukan di satu-satu tempat ataupun mengikut mana-mana kes yang berlaku, kerana perbelanjaan yang kita beri itu mungkin banyak, dan masalah-masalah yang timbul itu biasanya mengikut Clause dalam kontrak-kontrak yang ditentukan ataupun ianya dilantik oleh parti-parti yang bergaduh di dalam satu-satu masalah. Jadi, saya hendak tahu di manakah pusat itu diadakan biasanya, dan contoh-contoh yang telah berlaku, yang mana kita terpaksa memberi perbelanjaan yang agak banyak juga.

Yang keduanya, selain dari itu harap juga mendapat penjelasan mengenai dengan Rancangan Galakan Pelaburan, kerana setakat ini galakan pelaburan-pelaburan kita mungkin tidak ramai orang mengetahui, tetapi kejayaan Kementerian itu nyata—galakan pelaburan-pelaburan yang dalam rancangan Kementerian yang ada pada hari ini. Sekian.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Bukit Bintang, selepas Yang Berhormat berucap, Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab.

7.16 mlm.

**Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang):** Tuan Pengerusi, saya bangun di atas Butiran 0100, Maksud B.20 iaitu Pertubuhan Pusat Timbangtara Antarabangsa, yang mana saya tahu di dalam negara ini kita masih tiada apa-apa Akta untuk menubuhkan sebuah Pusat Timbangtara atau Arbitration Centre, dengan izin. Timbangtara ini antara dua pihak untuk menjalankan atau menandatangani satu kontrak atau agreement dan ini bukan soal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, oleh kerana mereka boleh menyetujui bahawa mereka akan pergi menyerah diri kepada Arbitration antara mereka dan juga melantik satu, dua atau tiga orang Peguamcara, Peguambela ataupun Akitik dan sebagainya. Dan kenapa kita ini menggunakan wang sebanyak begini untuk menubuhkan sebuah Pusat Timbangtara Antarabangsa, yang mana saya dapat tahu sekarang di Malaysia tidak ada satu Arbitration Centre ataupun Pusat Timbangtara dan headed by Puan P.G. Lim, seorang Peguambela dan Peguamcara. Jadi, bolehkah Kementerian atau Timbalan Menteri memberikan penjelasan kenapa Pusat Timbangtara Antarabangsa ini sama dengan Arbitration Centre yang diketuai oleh P.G. Lim yang ada sekarang?

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

Yang kedua, di atas khidmat sokongan, pentadbiran dan kewangan yang mana diberitahu tadi oleh Timbalan Menteri Kewangan bahawa A.P. yang dikeluarkan kepada syarikat bumiputera atau individu bumiputera, ini kita kena pastikan sedikit oleh kerana bumiputera ini bukan bumiputera yang biasa. Ini semuanya UMNO Putra ataupun ada pengaruh dengan tokoh politik UMNO (Baru) ataupun kawan-kawan mereka, dan kenapa A.P. ini tidak dikeluarkan kepada masyarakat peniaga-peniaga orang Cina juga mungkin 20%kah,

30%kah untuk mereka membuat perniagaan. Adakah Timbalan Menteri sedar atau tidak bahawa pemegang A.P, mereka ini bukannya membuat perniagaan sendiri, tetapi mereka menjualkan A.P. itu, di mana saya tahu A.P. itu dijualkan untuk kereta terpakai \$15,000 dan kereta baru \$10,000 dijual kepada peniaga yang lain? Kalau dia tidak sedar tolonglah pergi siasat di pasaran.

Ini satu hakikat yang terang, yang jelas di dalam pasaran.....

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Bolehkah saya dapat tahu Yang Berhormat Bukit Bintang bercakap di atas tajuk mana, fasal A.P pula?

**Tuan Wee Choo Keong:** Pentadbiran.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tidak kena.

**Tuan Wee Choo Keong:** Pentadbiran, Butiran 1000.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, jikalau hendak bercakap di atas butir-butir yang betul atas dia, jikalau Pentadbiran itu terlampau am, terlampau banyak, betul-betul di atas perbelanjaan yang diminta ataupun yang telah dibelanjakan.

**Tuan Wee Choo Keong:** Ya, ini untuk Rancangan Galakan Perdagangan, di bawah Maksud B.20 Butiran No.(ii)—perbelanjaan bagi Rancangan Galakan Perdagangan. Dan soal A.P. inipun ada kena-mengena dengan galakan perdagangan di dalam negeri dengan luar negeri.

**Tuan Pengerusi:** Mukasurat berapa Yang Berhormat?

**Tuan Wee Choo Keong:** Mukasurat 8, Kertas Perintah 3A Tahun 1992.

**Tuan Pengerusi:** 3A.

**Tuan Wee Choo Keong:** Lampiran 'A' mukasurat 8, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, di bawah B.20.

**Tuan Wee Choo Keong:** Ya, B.20, mukasurat 8.

**Tuan Pengerusi:** Sebanyak \$5,500,000 untuk menampung perbelanjaan Persidangan Menteri-menteri Ekonomi ASEAN.

**Tuan Wee Choo Keong:** Butiran yang kedua, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Untuk memperbaiki perbelanjaan promosi Labuan. Ini Labuan, Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong:** Ya, yang kedua, iaitu last sentence dan perbelanjaan bagi Rancangan Galakan Perdagangan, inipun ada kena-mengena dengan A.P. juga sebab ia galakan perdagangan.

**Tuan Pengerusi:** Minta pendekkan sedikit.

**Tuan Wee Choo Keong:** Ya, terima kasih, Tuan Pengerusi. Kalau mereka jualkan A.P. untuk kereta terpakai dan kereta baru, ini bermakna bahawa mereka ini tidak perlu mendapat Approved Permit ini. Kalau perlu, mereka akan mengimport kereta terpakai atau kereta baru, dan kenapakah Kementerian ini tidak membuat penyiasatan bahawa sesiapa yang tidak membuat import sendiri kereta terpakai atau kereta baru, tarik balik semua A.P. mereka, oleh kerana mereka tidak perlu A.P. ini, dan juga kenapa Kementerian

yang berkenaan tidak memberi 20% atau 30% kepada masyarakat orang Cina atau orang India, Approved Permit ini untuk buat perniagaan atau mengimport kereta barukah atau kereta terpakai.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, dalam sesi yang lepas Kementerian yang berkenaan memberitahu Dewan ini mengenai kereta Proton Saga. Mereka memaksa pembeli-pembeli Proton Saga hendaklah membeli air-condition, radio cassette, anti rust dan memaksa mereka dengan harga yang tinggi.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng):** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Chua Jui Meng:** Saya anggap percakapan Yang Berhormat dari Bukit Bintang luar daripada Butiran yang kita mohon pada hari ini. Jangan buang masa, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Wee Choo Keong:** Ini Rancangan Galakan Perdagangan. Kalau kita memaksa pembeli-pembeli—butiran ini. Kita memaksa. Kalau.....

**Tuan Pengerusi:** Nanti sekejap. Ini Rancangan Galakan Perdagangan ini, apa dia? Adakah terlampau am begitu?

**Tuan Chua Jui Meng:** Kita mohon ada spesifik, dia tidak masuk kepada butiran-butiran spesifik yang kita mohon pada hari ini.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tetapi daripada butiran ini, ini menunjukkan bagi Rancangan Galakan Perdagangan. Ertinya galakan perdagangan "to encourage trade". Kalau kita memaksa pembeli-pembeli Proton Saga untuk membeli air-condition, radio cassette dan anti-rust dengan harga yang tinggi, mereka tidak mampu untuk membeli. Kalau mereka tak mampu membeli.....

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, nanti sekejap. Nanti sekejap, Yang Berhormat. Nanti sekejap. Atas point apa?

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Kita tidak boleh bahas dasar. Kalau dalam ucapan dasar dia tak bahas pun. Pada hari itu pun dia kata Proton Saga, cassette juga. Cakap seperti itu all the time, dengan izin.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta pendekkan, ya.

**Tuan Wee Choo Keong:** Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat dari Larut pun, dia bimbang apa? Sebab dia bukan terlibat di dalam Kementerian ini atau EON. Beliau ada di UDA sahaja. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Jadi, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri kenapakah, kalau kita hendak menggalakkan perdagangan di dalam negara ini, kenapakah kita memaksa pembeli-pembeli kereta Proton Saga untuk membeli air-condition, radio cassette, anti-rust dan sebagainya dengan harga yang tinggi. Mungkin dua kali ganda daripada harga pasaran. Kalau begini, kita mengikatkan pasaran itu oleh kerana pembeli-pembeli kereta Proton Saga, mereka tak mampu membayarkan harga yang tinggi begitu itu. Dan juga sama ada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ada interest atau ada kepentingan di dalam syarikat-syarikat seperti Bosh Malaysiakah, Sony Malaysiakah yang mana Kementerian itu sudah tetapkan radio cassettenya seperti Sony dan Blaupunk, kalau saya tidak salah. Adakah oleh kerana mereka ada kilang di dalam Malaysia? Kenapa Kementerian kita tidak beri hak kepada pembeli-pembeli kereta Proton Saga untuk memilih sama ada mereka mahu set Blaupunkkah, Sonykah atau yang lain?

Dan juga beri hak kepada mereka untuk memilih sama ada mereka mahu membeli dengan hawa dingin atau tidak. Kenapa mereka mesti secara paksa dan harganya, katanya terkawal, tetapi hingga bulan Mei mengapa harga terkawal dikeluarkan daripada Kementerian berkenaan?

Di sesi yang lepas, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa harga terkawal untuk air-condition, radio cassette, anti-rustnya akan dikeluarkan oleh Kementerian dalam sesi.....

**Tuan Chua Jui Meng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat....

**Tuan Chua Jui Meng:** Yang Berhormat dari Bukit Bintang masih degil dalam perkara ini, sebab ini tidak masuk dalam perkara-perkara yang kita hendak bincang dan bahas dalam perbincangan Jawatankuasa ini. Apa dia kata terkeluar sahaja, terlalu am.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, hendak pendekkan. Bolehkah.

**Tuan Wee Choo Keong:** Ya. Cubalah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat sudah berulang balik berapa kali perkara itu. Bolehkah pendekkan

**Tuan Wee Choo Keong:** Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri katanya kita degil. Kita bukan degil oleh kerana ini satu masalah yang meluas di negara kita. Saya sudah mendapat rayuan daripada orang awam tentang perkara ini dan kita juga hari ini membahas rancangan galakan perdagangan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Jadi saya nampak daripada persidangan, perbelanjaan lebih \$5 juta untuk perbelanjaan Persidangan Menteri-menteri Ekonomi ASEAN, Perundingan Persidangan Perdagangan

Dua-hala dengan negara Amerika Selatan, Kuwait dan sebagainya. Ini bermakna saya memerhatikan apa yang terjadi dalam Persidangan Menteri-menteri Ekonomi ASEAN. Dan saya dapati skop yang dibincangkan semasa Kementerian ini.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, kita sedang bercakap berkenaan dengan Proton Saga. Yang Berhormat sudah bangun untuk....

**Dr Tan Seng Giaw:** Proton Saga boleh saya beri penjelasan untuk dia jawab.

**Tuan Pengerusi:** Tak boleh penjelasan kepada dia. Tak boleh.

**Dr Tan Seng Giaw:** Penjelasan. Itu penjualan Proton Saga pun penting di dalam Persidangan Menteri-menteri Ekonomi itu.

**Tuan Pengerusi:** Kita tidak ada masa ini. Malam besok, macam mana pula?

**Tuan Wee Choo Keong:** Jadi, tak apalah. Saya ingin membuat satu pertanyaan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa di dalam Persidangan Menteri-menteri ASEAN ini, adakah dia jadi seorang "salesman" untuk menggalakkan penjualan Proton Saga di Persidangan Menteri-menteri itu ataupun cuma perginya bercakap-cakap benda yang lain sahaja? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri jawab.

7.26 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Larut dan juga kepada Bukit Bintang walaupun dia ungkit-ungkit perkara-perkara yang tidak tepat pada sasarannya.

Mengenai soalan Pusat Timbangtara Serantau, ini adakah satu badan efektif yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Larut, sukalah saya kata di sini, inilah satu kepercayaan yang diberi kepada kami oleh Asean-African Legal Consultative Committee, satu inter-governmental organisation, dengan izin, yang terdiri daripada 41 negara-negara daripada Asia dan Afrika. Dan kepercayaan kepada kami di Malaysia dibuktikan oleh kerana satu pusat untuk mengendalikan timbangtara serantau hanya diberi untuk satu tempoh 3 tahun sahaja. Tetapi oleh kerana keyakinan kepada negara kita mengendalikan pusat ini, kita telah dilantik sejak tahun 1978 dan tiap-tiap 3 tahun dilanjutkan lagi hingga kini. Ini adalah menunjukkan prestasi yang baik oleh Pusat Timbangtara Serantau dan ini adalah sama dengan Pengerusi/Direktor pusat ini seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang adalah Miss P.G. Lim—iaitu suatu badan yang sama. Dan peruntukan mengizinkan Kerajaan menubuhkan pusat ini adalah di bawah Arbitration Act 1952. Dan di peringkat antarabangsa, kita telah menjadikan satu signatory, dengan izin, kepada New York Convention on Arbitration 1958. Dan oleh kerana kedua-dua akta ini, satu convention antarabangsa di New York dan Akta Timbangtara 1952 Malaysia, semua keputusan yang dibuat oleh Pusat Timbangtara ini boleh dikuatkuasakan dalam negeri, di dalam Mahkamah Tinggi, menguatkuasakan melalui Mahkamah-mahkamah Tinggi di Malaysia. Dan di dalam arena antarabangsa juga boleh oleh kerana kita signatory kepada New York Convention 1958, semua keputusan boleh dikuatkuasakan di peringkat antarabangsa. Itulah jawapan saya mengenai pusat ini. Akhir sekali pusat ini ditempatkan di Kuala Lumpur, di Jalan Conlay, satu bangunan yang baru di bawah Ketuanya, Miss P.G. Lim.

Mengenai APs yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang walaupun terkeluar daripada apa yang kita mohon pada hari ini tetapi saya layan sedikitlah. Kalau ada bukti mengenai salahguna AP-AP yang dikeluarkan oleh Kementerian saya, silalah salurkan kepada saya ataupun kepada Yang Berhormat Menteri dan kita akan ambil tindakan. Semenjak tahun-tahun kebelakangan ini sampai hari ini, kita telah membatalkan sebanyak 153 syarikat-syarikat yang telah menyalahgunakan AP-AP yang dikeluarkan oleh Kementerian saya. Mengenai kenapa orang yang bukan bumiputera tidak diberi AP, ini bukan satu kenyataan yang betul secara 100%. Oleh kerana pada masa kini orang-orang bukan bumiputera, kalau bermastautin di luar negeri atau menuntut di luar negeri, bila dia balik, kalau dia mengikut syarat-syarat yang dikenakan oleh Kementerian saya, mereka boleh membawa balik kereta mereka untuk kegunaan persendirian.

**Tuan Wee Choo Keong:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Dia bangun Yang Berhormat.

**Tuan Chua Jui Meng:** Mengenai kenapa syarikat-syarikat bukan bumiputera tidak diberi, ini adalah oleh sebab di dalam negeri kita ini lebih daripada 90% kereta-kereta yang dikeluarkan adalah dikeluarkan oleh assemblers, dengan izin, di mana masyarakat yang bukan bumiputera telah memainkan peranan yang besar di dalam sektor ini. Oleh kerana sebab-sebab itu, Kementerian saya telah menimbangkan perkara ini dan memberikan satu keistimewaan kepada traders bumiputera di dalam bidang ini. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$9,154,600 untuk Maksud B.20 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama di bawah Kementerian

Perdagangan Antarabangsa dan Industri hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$9,154,600 untuk Maksud B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

*Maksud B.21 (Jadual Pertama)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B.21 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terbuka untuk dibahas. Kepong.

*7.31 mlm.*

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, B.21 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna meminta tambahan lebih \$3 juta untuk menampung perbelanjaan sewaan dan kerja ubahsuai ruang pejabat baru di Menara Maybank, Wisma PKNS dan Plaza Pekeliling, kos pengangkutan dan pemasangan alat-alat perhubungan dan lain-lain alat kelengkapan.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan hal ini kerana saya nampak tiap-tiap kali ada permintaan untuk pembelian atau penyelenggaraan pejabat dan alat-alat pejabat dan alat-alat perhubungan dan kelengkapan untuk pejabatnya. Daripada Rang Undang-undang dan Usul yang dibentangkan sejak semalam, saya nampak banyak permintaan untuk maksud seperti ini. Bukan sahaja B.21, B.27 pun lebih \$1 juta, B.28 pun hampir \$1 juta dan B.32 pun lebih \$6 juta, B.33 \$2.8 juta, B.56 \$ 1/2 juta, B.28 hampir \$2 juta, P.42 lebih \$5 juta dan B.7 yang telahpun dibahas lebih \$1 juta. Ini bermakna jumlah wang diminta untuk tujuan yang sama dengan B.21 itu hampir \$25 juta.

Saya hendak mengetahui bukan sahaja daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bahkan juga daripada

Kementerian-kementerian yang lain di mana maksudnya telah saya sebutkan tadi. Bagaimanakah mereka itu menaksirkan dan menilaikan kos-kos pengubahsuaian dan kos-kos pembelian alat-alat tertentu dan kos-kos penyelenggaraan pejabat-pejabat itu?

Pada pendapat saya kalau kita boleh menggunakan sistem yang lebih ketat, lebih efisien, lebih baik mungkin ada satu centralised system atau sistem pusat untuk menaksir dan menilai pembelian dan kos ubahsuai pejabat-pejabat ini mungkin kita boleh menjimatkan perbelanjaan, mungkin tidak sampai \$25 juta, mungkin boleh dikurangkan 1/3, 30% ataupun 50%. Pada pendapat saya tiap-tiap kali ada pengubahsuaian kepada pejabat ataupun pembelian alat-alat mungkin harga sengaja ditetapkan pada paras yang terlalu tinggi.

Saya berharap pihak Kementerian dapat menjawab soalan saya, misalnya, adakah \$3 juta itu diperlukan untuk maksud-maksud yang disebutkan ataupun tercatat di dalam Kertas Perintah 3A ini. Bolehkah Kementerian menerangkan bagaimana kos-kos tersebut ditaksirkan untuk maksud tersebut? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Bukit Bintang.

*7.37 mlm.*

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk membahas Maksud B.21 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang mana kalau saya tidak silap, Kementerian ini juga di dalam sesi yang lepas meminta wang sebanyak lebih daripada \$3 juta juga untuk kerja-kerja ubahsuai ruang pejabat baru di Menara Mayban. Wang tambahan itu pun telah diluluskan pada sesi yang lepas. Kenapa pula pada hari ini kita dapati permintaan daripada Kementerian yang sama untuk tambahan sebanyak lebih daripada \$3 juta untuk kerja-kerja ubahsuai ruang

pejabat baru di Menara Mayban pula? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi kita butiran atau breakdown, dengan izin, kos untuk ubahsuai pejabat baru di Menara Mayban, Wisma PKNS dan Plaza Pekeliling dengan jumlah yang tepat dan untuk bayaran apa dan juga kos pengangkutan, pemasangan alat-alat perhubungan dan lain-lain alat kelengkapan?

Permintaan tambahan ini menunjukkan bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tiada satu rancangan yang tetap. Jikalau Kementerian ini ada sebuah bangunan untuk semua pejabat-pejabatnya, saya rasa tidak payah minta tiap-tiap tahun untuk ubahsuai pejabat dan untuk memasang alat-alat perhubungan dan lain-lain lagi, oleh kerana mereka boleh menggunakan satu komputer pusat dan semua pejabatnya boleh menggunakan satu komputer mainframe. Sekarang kita lihat ada juga Registrar of Companies (ROC) di Bangunan Kuwasa tetapi masih ada lagi sebahagiannya di Menara Mayban dan Plaza Pekeliling.

Ini bukankah pembaziran? Ini mesti membazirkan wang rakyat! Kenapa tidak boleh cari satu bangunan yang besar yang boleh adakan semua pejabat-pejabat atau bahagian-bahagian Kementerian ini, tidak payah hendak pergi ke ROC kena pergi ke Bangunan Kuwasa, hendak pergi ke Trade Mark and Pattern kena pergi ke Menara Mayban dan juga bolehkah Menteri berkenaan atau Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini apa bahagian akan diletakkan di Plaza Pekeliling dan apakah di Wisma, apa pejabat atau bahagian diletakkan di Wisma PKNS dan di Menara Mayban ini, ruang pejabat apa yang baru, di tingkat berapa ataupun untuk Trade Mark and Pattern? Yang itu kita hendak tahu. Sebab tiap-tiap tahun kita terdapat perbelanjaan menampung sewaan dan kerja-kerja ubahsuai. Ini merupakan satu

sikap yang baru Kerajaan Barisan Nasional, tiap-tiap tahun ada ubahsuai untuk kerja yang hendak buat cantik, hendak elok tapi tidak efficient. Dapat aduan daripada rakyat tidak ambil tindakan, itu yang kita hendak tahu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Menteri menjawab.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berikan pandangan. Pertamanya, kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Sebagaimana yang kita tahu semua perbelanjaan yang dikehendaki untuk pengubahsuaian ataupun perbelanjaan-perbelanjaan yang lain adalah dipusatkan dan perlu diluluskan oleh Perbendaharaan. Oleh sebab itu, saya rasa Perbendaharaan telahpun mempunyai kepakaran untuk menganggarkan sama ada sesuatu anggaran yang dikemukakan oleh Kementerian-kementerian atau pejabat-pejabat individu adil, tinggi, rendah dan sebagainya kerana semuanya dipusatkan di sana dan oleh sebab itu apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu memang sedang dipraktikkan dan sememangnya pernah juga di sesuatu pejabat di mana kita kemukakan sebutharga yang telah dipanggil, maka pihak Perbendaharaan pula menolak cadangan-cadangan kami itu, terpaksa pula dipanggil sebut-sebutharga yang lain. Jadi, pendek kata kawalannya begitu ketat, ruang untuk penyelewengan saya rasa tidak ada langsung.

Pandangan Yang Berhormat dari Bukit Bintang, sememangnya hasrat Kementerian baru ini apabila ditubuhkan kita mahu semua jabatan-jabatannya ditempatkan di satu tempat. Tetapi malangnya, kita telahpun mencari ruang di merata-rata tempat untuk menempatkan semua jabatan kami, under one roof

dengan izin, malangnya kita tidak dapat tempat yang sesuai ataupun tempat yang seluasnya yang kami perlukan. Itulah sebabnya maka kita terpaksa menempatkan berbagai-bagai jabatan di merata-rata tempat, Kementeriananya termasuk Jabatan Pattern semuanya di Menara Mayban, Jabatan Penguatkuasa pula di Jalan Raja Laut dan Pendaftar Syarikat kekal di Bangunan Kuwasa dan sebagainya. Tetapi sememangnya kami sudahpun merangka satu program jangka panjang untuk mencari tanah yang sesuai ataupun satu bangunan yang sesuai supaya semua jabatan-jabatan ini dapat ditempatkan di satu tempat. Jadi, pandangan Yang Berhormat itu memang sedang dirancang oleh Kementerian sekarang ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$3,067,200 untuk Maksud B.21 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,067,200 untuk Maksud B.21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

*Maksud B.22 (Jadual Kedua)—*

*Maksud B.23 (Jadual Pertama)—*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B.22 (Jadual Kedua), Maksud B.23 (Jadual Pertama) di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terbuka untuk dibahaskan. Tumpat.

7.44 ptg.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Pengerusi, Kertas Perintah 3(A) 1992 (Bil. 16) Maksud B.23 Jabatan Arkib Negara. Tambahan sebanyak \$46,000 adalah dikehendaki untuk membayar

sebahagian daripada kos pampasan pengambilan balik tanah dan kerja-kerja baik pulih rumah kelahiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang. Peruntukan sebanyak ini kami rasa kami menyokong dan saya tidak menentang. Kemungkinan saya rasa masih kurang. Tetapi eloklah ditangguhkan dulu sebab orangnya masih hidup, masih sihat walaupun doktor sering menasihatinya supaya banyak-banyak beristirahat dan sekarang dalam rangka peristirahatannya di luar negeri buat sementara bukan buat selama-lamanya, insya Allah.

Tuan Pengerusi, peruntukan itu dibuat seolah-olah Perdana Menteri kita hampir mati, menjelang maut—seolah-olah begitu. Sepatutnya pihak berkenaan memikirkkan sepuluh kali sebelum peruntukan ini diluluskan. Tidak salah saya kalau saya katakan Menteri yang berkenaan seolah-olah tidak sabar.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya rasa duit ini sudah dibayar. Hanya tambahan sekarang ini.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Ya tambahan, yang saya maksudnya tambahan.

**Tuan Pengerusi:** Tidak. Sekarang ini ialah meminta peruntukan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Dan saya harap.....

**Tuan Pengerusi:** Ini kedudukannya. Jadi sudah dibayar, janganlah hendak bercakap kata hendak tangguh, hendak tangguh, sudah dibayar. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Pengerusi macam yang saya katakan tadi bahawa sekiranya telahpun dibayar dan usaha-usaha membaik pulih sedang dijalankan sekarang ini saya harap boleh distopkan. Stop buat sementara waktu. Sebab Perdana Menteri kita masih hidup.

**Tuan Pengerusi:** Duit sudah dibayar, dia hendak stop. (*Ketawa*) Tak apa.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Dan saya hendak kemukakan beberapa cadangan. Sebab Perdana Menteri kita ini belum tahu lagi apakah dia akan terus berada dalam UMNO ataupun tidak. Sebab pernah Perdana Menteri kita pernah berceramah di Kapar di atas pentas PAS, tapi belum masuk PAS lagi, kemungkinan pada suatu ketika dia akan masuk PAS atau DAP. Dan yang kedua, dua Perdana Menteri kita yang telah lalu ternyata mereka mati bukan dalam UMNO, mereka mati di luar daripada UMNO.

Tuan Pengerusi, seorang sahabat Rasulullah s.a.w. pernah berkata, jika sekiranya kamu ingin mengambil pelajaran atau pengajaran ambillah daripada orang yang sudah mati kerana orang yang sudah mati, kita tahu bagaimana ia mengakhiri hayatnya. Soal siasah-syariah di sini tidak timbul. Apa lagi soal takdir, Yang Berhormat daripada Pasir Mas. Di sini.....

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak ada.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Kata orang tidak ada tidak baguslah. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Di sini Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan juga supaya jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang kita kasihi kembali ke rahmatullah, saya cadangkan supaya jenazahnya hendaklah dikebumikan di perkarangan rumah kelahirannya, supaya di samping orang melawat rumahnya, melawat jenazahnya—makamnya. Kalau bagi orang Islam baca Al Fatihah menghadiahkan, bukankah baik begitu. Ekonomik....

**Tuan Pengerusi:** Jerai bangun.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Lebih efficient....

**Tuan Pengerusi:** Jerai bangun. Hendak bagi jalan kat dia?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Boleh.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Pengerusi, perkara itu kita tunggu dululah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita wasiat tang mana nak simpan dia, jadi tak payahlah Yang Berhormat ini cadangkan. Terima kasih.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Itu pandangan Jerai. Pendapat saya itu ada dasarnya dan ada alasannya sebagaimana Rasulullah s.a.w....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya rasa saya terpaksa hentikan....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Ya, sebentar.

**Tuan Pengerusi:**...saya terpaksa hentikan Yang Berhormat sekiranya Yang Berhormat berucap macam itu. Ini apa yang orang putih kata...

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Satu minit. Ini adalah hukuman dengan...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, nanti sekejap. Ucapan yang semacam itu kepada orang yang masih hidup, orang putih kata "bad taste" lah. Saya tidak tahu Arab kata apa. (*Ketawa*) It carries a bad taste. Tidak usahlah, tidak eloklah begitu. Kalau ada cadangan itu, tunggulah....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Buat akhirnya, Tuan Pengerusi, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w., sekiranya sebagaimana Rasulullah wafat,

jenazahnya telah dikebumikan di tempat rumahnya. Jadi tidak salah Perdana Menteri kita.....

**Tuan Pengerusi:** Tidak apalah, Yang Berhormat....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Wira, segala wira ini.....dikebumikan di tepi rumahnya.

**Tuan Pengerusi:** Tidak salahlah, tetapi bukan pada masa sekarang kita hendak berucap perkara-perkara itu.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Setiausaha Parliman Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman):** Tuan Pengerusi, saya hendak betulkan kenyataan Yang Berhormat dari Tumpat. Dia kata, Nabi Muhammad s.a.w dikebumikan di tempat kelahirannya. Sebenarnya Nabi Muhammad kita bukan lahir di Madinah, dia lahir di Mekah. *(Ketawa)* Itulah ulamak PAS. *(Ketawa)*

**Tuan Othman bin Abdul:** Sejarah pun tidak mengerti.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** *(Bangun)*

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tak bagi, tak bagi. Sudah tidak ada masa.

Tuan Pengerusi, tujuan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia membaikpulih ataupun ingin mengekalkan keadaan yang baik ialah di rumah tempat kelahiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad. Tujuan kita ialah daripada sekarang supaya kita dapat

mengekalkan keadaan yang baik agar tempat itu boleh dijadikan sebagai satu projek dalam program Muzium untuk mengekalkan tempat-tempat yang boleh kita jadikan sebagai tempat kunjungan orang ramai. Jadi inilah saya hendak sebutkan, macam kata P. Ramlee—ini yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tumpat “buat salah, tak buat salah, jadi semua serba salah.” Sebenarnya....

**Tuan Pengerusi:** Bukan P. Ramlee, agaknya.....

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Bukan?

**Tuan Pengerusi:** R. Azmi agaknya. *(Ketawa)*

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** R. Azmi. Tan Sri, saya sengaja sebut salah bagi Tan Sri memperbetulkan. *(Ketawa)*

Kita tahu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan pemimpin yang banyak menunjukkan jasa dan sebab itu kita tidak mahu tempat ini nanti dengan adanya perkembangan-perkembangan pembangunan yang baru akan luput begitu sahaja. Sebab itu awal-awal lagi kita di Kementerian yang diberi tanggungjawab dalam bidang ini akan mengekalkan tempat-tempat seperti ini, bukan tempat ini sahaja tetapi tempat-tempat lain juga. Kita juga mendapat pandangan daripada....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun, ya, Kota Setar.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tiadakah rancangan hendak membaikpulih rumah tempat lahir Yang Berhormat Tumpat? *(Tepuk)*

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Setakat ini belum ada rancangan tetapi dia ini kita hendak fikirkan, kalau ikut falsafahnya, dia mati dahulu baru boleh kita fikirkan. *(Ketawa)* Tuan Pengerusi, saya tidak hendak menjawab lebih panjang lagi kerana perkara ini telah dibelanjakan dan penghormatan yang kita patut berikan kepada orang, berdasarkan—bukan nanti dia mati baru kita hendak berikan penghormatan. Biarlah masa hidup pun kita berikan penghormatan itu dan saya tidak nampak bahawa kita perlu tangguhkan perkara ini kerana ini adalah keputusan yang dibuat oleh Kementerian yang bertanggungjawab kepada perkara-perkara seperti ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$202,000 untuk Maksud B.22 jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; dan \$46,000 untuk Maksud B.23 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$202,000 untuk Maksud B.22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; dan \$46,000 untuk Maksud B.23 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

*Maksud B.25 (Jadual Pertama)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B.25 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Kepong.

*7.56 mlm.*

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, B.25, tambahan sebanyak \$4,930,000 adalah dikehendaki untuk membiayai Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 1991 (LIMA 1991).

Tuan Pengerusi, ini bukan sahaja pameran bahkan juga itu adalah satu peluang bagi Malaysia untuk membeli alat-alat tentera sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan yang mengatakan bahawa ini adalah peluang untuk Malaysia bagi membeli alat baru atau, dengan izin, "Malaysia will be on the look-out for new military hardware at LIMA." Yang Berhormat Menteri Pertahanan juga mengatakan, dengan izin, "Malaysia is already committed to its military purchases that would help upgrade the army." Ini jelas menunjukkan bahawa pameran ini bukan sahaja untuk rantau Asia Timur dan Asia Tenggara bahkan juga untuk memberi peluang bagi Menteri Pertahanan membeli alat-alat tentera (military hardware).

Tuan Pengerusi, yang penting sekali ialah Yang Berhormat Menteri Pertahanan pun mengatakan semasa mengendalikan LIMA 1991 ini, kita mestilah kuat dan kita mesti berunding dengan kekuatan atau, dengan izin, "the country must be able to negotiate from a position of power so as to safeguard its interest."

Tuan Pengerusi, masa sudah cukup...

**Tuan Othman bin Abdul:** Jalanlah.

**Dr Tan Seng Giaw:** Jalan pula, masa ada setengah minit sahaja lagi..... *(Ketawa)*

**Tuan Othman bin Abdul:** Berhenti sahajalah.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya banyak point, banyak sangat, cuma hendak sebutkan dalam tempoh setengah minit itu hanya hendak habiskan ayat sahaja.

Tuan Pengerusi, memang Kerajaan telah membuat satu kajian untuk LIMA 1991. Setakat ini saya tidak nampak laporan ujian ini dilaporkan kepada Dewan yang mulia ini ataupun

diumumkan untuk orang ramai, tidak sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan yang mengatakan laporannya akan diumumkan dalam tempoh dua bulan. Tuan Pengerusi, inipun sudah lebih dua bulan kerana LIMA 1991 itu telah dilangsungkan pada awal bulan November tahun lepas.

Tuan Pengerusi, saya akan sambung esok. *(Ketawa)*

**Tuan Pengerusi:** Mujur dia tidak tangguhkan mesyuarat. *(Ketawa)*

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.*